

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian dari aspek perkembangan bahasa Tamil dan sejarah kajian pembentukan kata. Diikuti dengan subtopik-subtopik seperti pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional.

Dewasa ini, arus pemodenan membawa banyak perubahan terhadap bahasa. Sesuatu bahasa perlu mempertingkatkan statusnya agar tidak ketinggalan zaman. Justeru itu, usaha membentuk kata bagi mengungkapkan konsep-konsep teknikal harus dipergiatkan. Proses pembentukan kata memerlukan perancangan yang teliti.

Badan perancang bahasa bertanggungjawab untuk menjalankan usaha pembentukan kata secara berterusan. Suatu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli bahasa mengadakan perbincangan untuk membentuk kata berdasarkan hukum tatabahasa. Kemudian, kata-kata baru ini diterbitkan dalam bentuk kamus bagi kegunaan umum. Pengguna bahasa dapat memahami maksud kata-kata baru ini dengan tepat tanpa sebarang kekeliruan.

Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan sebagai badan perancang bahasa bagi bahasa Melayu. Ia menerbitkan Kamus Dewan pada tahun 1970 bagi pertama kalinya dan usaha ini diteruskan sehingga hari ini. Ini terbukti dengan penerbitan edisi Kamus Dewan kedua (1989), ketiga (1994) dan keempat (2005).

Sebaliknya, usaha pembentukan kata Tamil berlaku secara tidak terancang. Ini disebabkan bahasa Tamil tidak mempunyai sebuah badan perancang bahasa di Malaysia. Namun, bahasa Tamil tetap berkembang mengikut peredaran zaman. Usaha pembentukan kata Tamil dilakukan oleh orang perseorangan, media massa dan institut pengajian tinggi. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk memaparkan usaha pembentukan kata yang dilakukan oleh media massa elektronik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian dibahagikan kepada dua subtopik utama, iaitu :

- i. Perkembangan Bahasa Tamil;
- ii. Sejarah Kajian Pembentukan Kata;

1.2.1 Perkembangan Bahasa Tamil

Manusia wujud di dunia sebelum bahasa dicipta. Bagi meluahkan buah fikiran, manusia menggunakan bahasa bisu (*dumb language*). Contohnya, isyarat, bunyi dan gambar. Melalui cara ini, manusia hanya dapat meluahkan perkara bersifat objektif. Bagi meluahkan perkara bersifat abstrak, manusia mencipta suatu alat yang dikenali sebagai bahasa. Bahasa didefinisikan sebagai :

*“the system of communication in speech and writing
that is used by people of particular country or area”*

(Oxford advanced learner’s dictionary, 2010:865)

Menurut definisi di atas, bahasa ialah sistem komunikasi berbentuk pertuturan dan penulisan yang digunakan oleh manusia di negara atau di tempat tertentu. Bahasa berfungsi sebagai alat untuk meluahkan buah fikiran dan pendapat sesama manusia (Paramasivam, S., 2000:2).

Kini, hanya 2,700 daripada 6,000 bahasa didapati masih wujud di seluruh dunia (Paranthamanar, A. K., 1984:18). Bahasa-bahasa dunia dikategorikan di bawah 13 keluarga bahasa, iaitu Indo-Eropah, *Afro-Asiatic*, *Sino-Tibetan*, *Uralic-Altaic*, Dravidia, Asia Tenggara, Melayu-Polinesia, *Papuan*, Australia, Amerika-India, Jepun, Korea dan *Basque* (Paramasivam, S., 2000:3).

Para linguis mengatakan keluarga bahasa Dravidia berasal dari India. Perkataan bahasa Inggeris *Dravidian* pertama kali digunakan oleh pengkaji luar negara yang dikenali sebagai Caldwell, R. (1875:4). Keluarga bahasa Dravidia bersifat aglutinatif. Ia terdiri daripada 28 bahasa, iaitu bahasa Tamil, Malayalam, Telugu, Kannadam, Tulu, Kodagu, Toda, Kota, Badaga, Kui, Kuwi, Konda, Kolami, Naiki, Pengo, Manda, Parji, Gadaba, Kondi, Kurux, Malta, Brahui, Irula, Koraga, Erugala, Thanga, Kurumba dan Choliga (Paranthamanar, A. K., 1984:22).

Caldwell, R. (1875:9) mengkategorikan bahasa Tamil, Malayalam, Telugu, Kannadam, Tulu dan Kodagu sebagai bahasa yang mantap kerana ia mempunyai teks tatabahasa dan karya sastera. Tambah beliau lagi, istilah '*Dravidia*' berasal dari perkataan '*Tamil*,' iaitu [tamiL] > [tamiLa:] > [tamila:] > [dramila:] > [dramida:] > [tra:vida:] > [tira:vida:] (Caldwell, R., 1875:12-15).

Bahasa Tamil merupakan antara bahasa yang tertua di dunia. Hal ini dibuktikan melalui penemuan batu bersurat pada 300 SM di Tamil Nadu, India (Sakthi Vel, S., 2002:63). Adalah dianggarkan orang Tamil dari hampir 70 negara di dunia menuturkan bahasa Tamil (Paramasivam, S., 2000:64-66). Selain India Selatan, bahasa Tamil juga dipertuturkan di negara-negara lain seperti Sri Lanka, Malaysia, Singapura, Reunion, Afrika Selatan, Myanmar, England, Mauritius, Kanada, Indonesia, Australia, Jerman, Perancis, Amerika Syarikat, Arab Saudi dan Kuwait (Chandragantham, P., 2008:6).

Kerajaan India mengiktiraf bahasa Tamil sebagai bahasa klasik (*classical language*) pada 17 September, 2004 secara rasminya (Manavai Mustafa, 2007:37). Kini, bahasa Tamil memainkan peranan sebagai bahasa rasmi di negeri Tamil Nadu (India), Sri Lanka dan Singapura. Penyajak Tamil, Barathiyar memuji keistimewaan bahasa Tamil bahawa “*antara bahasa-bahasa yang diketahuinya, tidak dilihatnya suatu bahasa yang seindah bahasa Tamil*”. Berikut adalah baris dari puisi bertajuk *tamiL* yang ditulis oleh beliau :

“*ya:maRiNta moLikalile: tamiLmoLipo:l inita:vatu engkum ka:no:m*”

(*Maka:kavi pa:ratiya:r kavitaikal*, 2007:36)

Bahasa Tamil juga mempunyai karya-karya kesusasteraan dan tatabahasa yang sistematik. Pada 400 SM, *tolka:ppiyam*, iaitu teks tatabahasa Tamil yang terawal ditemui (Paranthamanar, A. K., 1984:19). Berikutnya terhasil teks-teks tatabahasa lain seperti *Nannu:l*, *ya:pparungkalam*, *ya:pparungkalakka:rikai*, *vi:raco:Liyam*, *ilakkana vilakkam*, *ilakkanak kottu*, *Ne:miNa:tam*, *tonnu:l*, *muttuvi:riyam* dan *tandiyalangka:ram*. Pentafsir seperti Ilampuranar, Senavarayar dan Naccinarkkiniyar menulis huraian bagi teks-teks ini. Paranthamanar, A. K. (1984:19) berpendapat bahasa Tamil kemungkinan besar sudah wujud 1,000 tahun sebelum teks *tolka:ppiyam* dihasilkan.

Dari segi kesusasteraan, *pattuppa:ttu* dan *ettut tokai* merupakan teks sastra Tamil terawal yang ditemui. Karya-karya ini bertemakan sifat dalaman (*akam*) dan sifat luaran (*puRam*). Sifat dalaman dikaitkan dengan percintaan sebelum dan selepas perkahwinan. Manakala sifat luaran berkaitan dengan peperangan (*vi:ram*), pendermaan (*kodai*), keadilan (*Ni:ti*) dan lain-lain. Kesemua lapan belas karya ini dikenali sebagai *patinen me:lkanakku Nu:lkal*.

Seterusnya, terhasil lapan belas karya yang dikenali sebagai *patinen ki:Lkanakku Nu:lkal*. Karya-karya yang bersifat moral ini memberi pedoman terhadap kehidupan manusia. Antara karya-karya ini, *tirukkuRa* sangat popular dan disanjung sebagai sebuah karya agung dalam bahasa Tamil.

Selain itu, terdapat lima epik panjang (*aimperungka:ppiyangkal*) dan lima epik pendek (*ainjciRunnga:ppiyangkal*). Epik-epik ini bertemakan pengajaran bagi kehidupan manusia. Di samping itu, terdapat puisi-puisi yang menunjukkan bakti terhadap Tuhan, iaitu *pannirut tirumuRaikal* (puisi mazhab *Shaivism*) dan *Na:la:yirat tivyap pirapaNtam* (puisi mazhab *Vaishnavism*).

Skrip Tamil terdiri daripada 30 huruf. Antaranya sepuluh vokal (*uyir eLuttu*), dua diftong dan 18 konsonan (*mey eLuttu*). Setiap vokal, diftong dan konsonan bergabung untuk membentuk 216 huruf vokal-konsonan (*uyirmey eLuttu*). Bahasa Tamil mempunyai satu huruf khas yang dikenali sebagai *a:ytam*. Adalah dianggarkan jangka masa penemuan bentuk tulisan Tamil menjangkau lebih daripada 2,500 tahun (Paranthamanar, A. K., 1984:20).

Banyak perubahan berlaku dalam bentuk tulisan Tamil sehingga mencapai bentuk tulisan yang digunakan pada hari ini. Antara bentuk tulisan Tamil yang mengalami perubahan ialah *a:ppeLuttukaḷ*, *cittira eLuttukaḷ*, *pira:mi eLuttukaḷ* (Brahmi), *vatta eLuttukaḷ*, *kiraNta eLuttukaḷ*, *te:vaNa:kari eLuttukaḷ*, *mo:di eLuttukaḷ* dan *catura eLuttukaḷ* (Paramasivam, S., 2000:11).

Bentuk tulisan Tamil mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Periyar Ramasamy, I. V. mengubah suai bentuk tulisan Tamil dan menyebarkannya melalui akhbar *Vidutalai* (Tamilvanan, 1987:74). Bentuk tulisan yang diubah suai oleh beliau ialah /ay/ (அய்), /av/ (அவ்), /na:/ (ணா), /nail/ (ணை), /nol/ (னொ), /no:/ (னோ), /Ra:/ (றா), /Rol/ (றொ), /Ro:/ (றோ), /na:/ (னா), /nail/ (னை), /nol/ (னொ), /no:/ (னோ), /lail/ (லை) dan /lail/ (ளை).

Pada tahun 1977, Ramachandran, M. G. yang merupakan Ketua Menteri Tamil Nadu, India mengiktiraf penggunaan bentuk tulisan saranan Periyar Ramasamy, I. V. di seluruh negeri Tamil Nadu secara rasmi (Tamilvanan, 1987:74). Selepas tahun 1990-an, pengubahsuaian bentuk tulisan ini turut diterima pakai dalam sistem pendidikan bahasa Tamil di Malaysia.

Bermula dari abad ke-20, berlakunya peralihan penggunaan dari teknologi percetakan (*printing technology*) kepada perkomputeran Tamil (*Tamil computing*). Pada tahun 2000, perisian bentuk tulisan komputer [*Unicode*] yang mantap dan standard dicipta oleh *Unicode Consortium* (Nakkiran, P. A., 2010:561-562).

Keadaan ini membolehkan bahasa Tamil digunakan dalam pelbagai saluran seperti ensiklopedia elektronik (ta.wikipedia.org), kamus elektronik (ta.wiktionary.org),

perpustakaan digital (*chennailibrary.com*), akhbar elektronik (*makkalosai.com.my*), majalah elektronik (*semparuthi.com*), *web log* (*periyaarr.blogspot.com*) dan laman web sosial (*facebook.com*). Selain itu, penggunaan bahasa Tamil dapat dilihat melalui perbualan internet (*chat*), perbualan suara (*voice chat*), enjin carian (*search engine*), laman web (*websites*) dan mel elektronik (*e-mail*) (Ilangovan, M., 2009:67). Malahan, kajian linguistik perkomputeran (*computational linguistics*) dapat mengembangkan lagi perkomputeran Tamil.

Di samping itu, bahasa Tamil disebarikan melalui media massa elektronik dan cetak seperti radio, televisyen, akhbar dan majalah. Karya-karya sastera seperti novel, cerpen dan sajak turut menyumbang kepada perkembangan bahasa Tamil.

Namun, perkembangan ini memerlukan usaha pembentukan kata-kata baru yang berterusan agar dapat mengorak langkah ke depan lagi. Kini, para penulis karya sastera dan media massa banyak membentuk kata-kata baru. Pembentukan kata terutamanya dalam penulisan berita menambahkan perbendaharaan kata Tamil.

1.2.2 Sejarah Kajian Pembentukan Kata

Sejarah kajian pembentukan kata ini dibincangkan dengan merujuk kepada karya *An Introduction to modern English word-formation* (Adams, V., 1973:3-7), *English word-formation* (Bauer, L., 1983:2-6) dan *tamiLil colla:kkam* (Rajendran, S., 2004:2-7).

Kajian pembentukan kata bermula sejak bermulanya kajian bahasa. Adalah dianggarkan kajian pembentukan kata dijalankan sejak zaman Panini. Panini mengemukakan satu

keterangan terperinci tentang pembentukan kata dalam bahasa Sanskrit. Pada awal abad ke-20, kajian pembentukan kata tidak mendapat sambutan daripada para ahli linguist. Hal ini disebabkan perbezaan antara sinkronik dan diakronik yang disarankan oleh Saussure membawa kesan yang mendalam terhadap kajian bahasa, terutamanya kajian pembentukan kata sejak tahun 1916 (Adams, V., 1973:4-5).

Walaupun beberapa sarjana seperti Jespersen (1942) berjaya menggabungkan pendekatan sinkronik dan diakronik dalam kajian pembentukan kata, kebanyakan ahli linguist masih mempertimbangkan kajian pembentukan perkataan dari salah satu sudut pandangan sahaja sama ada sepenuhnya pendekatan sinkronik seperti yang dicadangkan oleh Bloomfield (1935) atau sepenuhnya pendekatan diakronik seperti yang disarankan oleh Koziol (1937).

Dalam keadaan ini, didapati penyelidikan pembentukan kata terjejas akibat ‘*Revolusi Chomskyan*’ pada tahun 1957. Penerbitan buku *Syntactic Structures* oleh Noam Chomsky pada tahun 1957 mengubah pendekatan bahasa ahli linguist secara drastik. *American Structuralism* menumpukan perhatian utama terhadap fonologi and morfologi pada tahun-tahun 1940-an dan 1950-an. Manakala *Syntactic Structures* berperanan sebagai asas sintaksis.

American Structuralism tidak berminat terhadap kajian pembentukan kata kerana perhatian utamanya terhadap unit-unit lebih kecil daripada kata (Adams, V., 1973:5). Oleh itu, kata tidak diberi perhatian dalam teori strukturalis. Tatabahasa transformasi generatif pula tidak menumpukan perhatian terhadap kajian pembentukan kata kerana perhatian utamanya terhadap unit-unit lebih besar daripada kata, iaitu struktur frasa dan ayat. Diandaikan ayat dibina berdasarkan morfem dan bukannya kata.

Tambahan pula, Lees (1960) yang mengkaji kerangka Tatabahasa Transformasi Generatif turut mengkaji generasi kata dan pembentukan kata. Beliau melabelkan kata yang dibentuknya sebagai sejenis ‘ayat yang terbenam’ (*embedded sentence*) dan bukannya sebagai satu unit yang berasingan. Penggunaan pendekatan ini adalah standard dalam kajian-kajian transformasi. Kajian tentang masalah lain yang timbul dalam pembentukan kata kurang dijalankan. Namun, Zimmer (1964) pernah mengkaji beberapa masalah khusus dalam pembentukan kata.

Lees (1960:xix) mengabaikan kajian-kajian terdahulu berkaitan pembentukan kata termasuk kajian Panini kerana ia dikategorikan sebagai kajian ‘*taksonomi*’. Ramai ahli linguistik mengkritik pengabaian ini. Istilah ‘*taksonomi*’ yang digunakan dalam Tatabahasa Transformasi Generatif membawa maksud ‘*penyalahgunaan*’. Makna ‘*taksonomi*’ yang dimaksudkan oleh Lees tidak dijelaskan dengan tepat.

Edisi pertama karya Marchand, *The categories and types of present-day English word-formation* dan karya Lees diterbitkan pada tahun yang sama, iaitu tahun 1960. Lees mungkin mengistilahkannya sebagai ‘*taksonomi*’ kerana ia tidak mempunyai peraturan untuk menghitung bentuk yang sedia ada atau bentuk baru. Lees turut mengkategorikan karya Marchand sebagai kajian ‘*taksonomi*’.

Kajian Lees sendiri sepatutnya dikelaskan sebagai ‘*taksonomi*’ kerana hasil kajiannya juga berdasarkan ‘*pengkategorian*’. Selepas 20 tahun, kedua-dua karya ini dianggap penting bagi kajian pembentukan kata, terutamanya karya Marchand kerana beliau menggunakan kedua-dua pendekatan sinkronik dan diakronik. Lees dan Marchand menjadi pemangkin kepada perkembangan kajian pembentukan kata.

Selain itu, aspek bahasa yang diberi tumpuan oleh Tataahasa Transformasi Generatif sejak tahun 1962 ialah fonologi. Karya *The sound pattern of English* oleh Chomsky dan Halle (1968) ditulis berdasarkan fonologi generatif. Berdasarkan morfofonemik tradisional Amerika, fonologi generatif berkaitan dengan penentuan peraturan-peraturan membentuk semua jenis morfem (*underlying representation*). Kajian pembentukan kata menjadi sebahagian daripada Tataahasa Transformasi Generatif antara tahun 1957 dan tahun 1967.

Fonologi menumpukan perhatian terhadap fonetik (atau fonologi) sesuatu kata yang terbentuk daripada beberapa morfem dan sempadan. Namun, perhatian tidak diberi kepada generasi tali-temali morfem dan sempadan yang sesuai untuk menyediakan input bagi peraturan fonologi. Ini diandaikan sebagai masalah komponen sintaksis.

Kajian pembentukan kata menjadi penting dalam paradigma transformasi generatif selepas penerbitan karya Chomsky (1970) yang dikenali sebagai *Remarks on nominalization*. Hanya secara kebetulan, kajian pembentukan kata yang dijalankan oleh beberapa sarjana di luar skop paradigma transformasi generatif diterbitkan pada jangka masa yang sama. Ini menunjukkan perkembangan kajian pembentukan kata.

Contohnya, karya *The categories and types of present-day English word-formation* (Marchand, 1969:versi semakan semula), Zepic (1970), Brekle (1970) dan *An introduction to modern English word-formation* (Adams, 1973). Malahan, kajian transformasi generatif juga dijalankan secara meluas. Antaranya ialah kajian Bowers (1969), Giurescu (1972), Gleitman dan Gleitman (1970), Lakoff (1970), Lees (1970), Newmeyer (1970) dan Vendler (1968).

Dalam beberapa tahun yang terdekat, kajian pembentukan kata mendapat sambutan dari para sarjana menggunakan pendekatan yang berbeza. Halle (1973) dan Lightner (1975) mengkaji pendekatan fonologi; Jackendoff (1975) dan Roeper dan Siegel (1978) menyelidiki pendekatan sintaksis; Leech (1974) dan Lyons (1977) mengkaji pendekatan semantik. Para ahli linguistik yang terlibat dalam kajian pembentukan kata sejak tahun 1950-an menggunakan data bagi memantapkan teori masing-masing. Kini, kebanyakan ahli linguistik menunjukkan minat terhadap aspek bagaimana pembentukan kata dapat mencerminkan bahasa secara umum.

Dalam bahasa Tamil, terdapat beberapa ahli linguistik yang menjalankan kajian terhadap pembentukan kata-kata baru. Antaranya ialah Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994), Maraimalai, I. (2001) dan Rajendran, S. (2004). Ahli-ahli linguistik ini mencadangkan beberapa proses pembentukan kata berdasarkan struktur bahasa Tamil. Proses-proses pembentukan kata yang disarankan oleh mereka didapati berbeza antara satu sama lain. Hal ini berlaku kerana tiada satu badan untuk menstandardisasikan teori pembentukan kata. Oleh itu, para sarjana merangka teori masing-masing.

Tambahan pula, kajian-kajian berkaitan pembentukan kata Tamil didapati tidak memadai untuk memenuhi keperluan semasa. Kewujudan bidang-bidang baru menyebabkan banyak konsep baru dibawa masuk ke dalam bahasa Tamil. Pengguna bahasa terutamanya pihak media massa menghadapi kekangan untuk mendapatkan perkataan yang sesuai dalam penulisan berita. Justeru itu, usaha untuk menjalankan kajian pembentukan kata-kata baru dalam bahasa Tamil perlu dipertingkatkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Dewasa ini, dunia berubah menjadi era komputer (*age of computer*). Seiring dengan arus pemodenan, bidang-bidang baru mewujudkan perubahan bahasa. Menurut Kridalaksana, H. (1982:133), perubahan bahasa merujuk kepada perubahan atau penggantian dalam bahasa dari satu tahap ke tahap lain dalam perkembangan sejarah. Perubahan bahasa berlaku secara terancang oleh pakar bahasa, ahli sains dan teknikal, ahli profesional, ahli pendidik dan pegawai kerajaan bagi memenuhi kehendak semasa. Di Malaysia, perancangan bahasa Melayu dilakukan oleh DBP secara rasmi. Pembentukan kata merupakan salah satu aspek di bawah perancangan bahasa. DBP berjaya membentuk kata-kata baru secara terancang dan menerbitkan Kamus Dewan. Usaha pemurnian kamus ini terus dilakukan.

Sebaliknya, perancangan bahasa Tamil di Malaysia berlaku secara tidak terancang. Hal ini kerana bahasa Tamil tidak mempunyai badan perancang bahasa seperti DBP. Oleh itu, pengguna bahasa Tamil di Malaysia bertindak membentuk kata-kata baru untuk memenuhi keperluan semasa. Ini jelas kelihatan dalam penggunaan kata-kata baru di universiti, maktab, sekolah, dan media massa. Contohnya, penerbitan kamus-kamus Tamil seperti *kalaiccol akaramutali* (1992), *mummoLi akara:ti* (1996), *putiyat tamiL akara:ti* (1996), *tamiL - mala:y - a:ngkila akara:ti* (1998) dan *ma:n̄:avar mala:y - tamiL - a:ngkila akara:ti* (1999). Namun, usaha-usaha ini bukannya usaha yang berterusan.

Tambahan pula, wujudnya ketidakseragaman dalam penggunaan kata-kata baru. Perkataan dan istilah yang berlainan digunakan bagi merujuk maksud yang sama. Contohnya, *blog* disebut sebagai [*inaiyappative:du*], [*valaippative:du*], [*valaippativu*] dan [*valaippu:*].

Ketidakteraturan penggunaan kata ini ketara dalam kalangan pihak media cetak dan elektronik. Hal ini kemungkinan besar kerana para editor tidak menjalani sebarang kursus atau latihan berkaitan proses pembentukan kata Tamil. Tambahan pula, para editor berikhtiar membentuk kata secara tergesa-gesa berikutan daripada keperluan untuk menyampaikan berita dengan segera. Berita televisyen, radio dan akhbar harus disiarkan setiap hari dan editor menghadapi tekanan masa. Ini merupakan satu cabaran kepada para editor kerana mereka terlibat dalam pembentukan kata hampir setiap hari.

Lazimnya, bahasa sumber berita ialah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Para editor perlu teliti terhadap pemilihan kata yang sesuai semasa menterjemah berita dari bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Pemilihan kata yang tidak tepat dalam sesuatu berita mempengaruhi interpretasi makna oleh seseorang pendengar (Noraini Mohamad, 1995:82). Malahan Seng, L. C. (2006:3) dan Munimah Sudramanian (2007:204) juga berpendapat pembentukan kata sewenang-wenangnya tanpa mengikut peraturan akan mencemarkan bahasa dan menghilangkan keasliannya. Keadaan ini mampu boleh mencacatkan isi kandungan berita selain menimbulkan isu besar sehingga diperdebatkan dalam akhbar dan internet.

Maka, para editor memerlukan suatu panduan untuk memantapkan kemahiran membentuk kata-kata baru. Oleh itu, adalah wajar suatu kajian dilakukan untuk meneliti isu pembentukan kata-kata baru dalam media massa. Justeru itu, fokus kajian ini adalah untuk mengkaji proses pembentukan kata-kata baru dalam bahasa Tamil dan mengenal pasti cara-cara yang digunakan oleh editor berita untuk membentuk kata-kata baru.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif, iaitu :

- i. Mengkaji proses-proses pembentukan kata-kata baru yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM;
- ii. Mengenal pasti cara-cara yang digunakan oleh editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat lima persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini. Berikut adalah persoalan-persoalan kajian ini :

- i. Apakah proses-proses pembentukan kata-kata baru yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM?
- ii. Apakah proses-proses pembentukan kata-kata baru yang kerap digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM?
- iii. Apakah bidang-bidang yang kerap digunakan dalam pembentukan kata-kata baru berita Tamil TV2, RTM?
- iv. Apakah golongan kata yang kerap digunakan dalam pembentukan kata-kata baru berita Tamil TV2, RTM?
- v. Apakah cara-cara yang digunakan oleh editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini memaparkan proses-proses pembentukan kata yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM. Diharap dapatan kajian ini dapat memanfaatkan para editor berita televisyen, radio, akhbar dan majalah untuk membentuk kata secara berkesan. Kemungkinan besar para editor sendiri akan sedar akan peraturan tata bahasa yang perlu dipatuhi pada masa akan datang. Malah, kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti melalui data kajian diuraikan secara terperinci. Maka, para editor dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut dan memantapkan kemahiran pembentukan kata. Tambahan pula, cadangan untuk menyeragamkan penggunaan kata juga dibincangkan. Dengan ini, para editor boleh cuba untuk mempraktikkan cadangan yang dikemukakan.

Selain itu, dapatan kajian ini sangat berguna kepada pengguna bahasa terutamanya penulis karya seperti novel dan cerpen. Data kajian ini terdiri daripada kata-kata baru. Pengkaji menerangkan setiap maksud kata baru. Adalah diharapkan kata-kata baru ini digunakan oleh pengguna bahasa dalam penulisan dan pertuturan mereka. Melalui cara ini, penggunaan perkataan asing dapat dikurangkan. Pengguna bahasa dapat mempertingkatkan kemahiran bahasanya selain mengoptimumkan penggunaan bahasa Tamil.

Kajian ini penting bagi menyedarkan betapa pentingnya suatu badan perancang bahasa Tamil ditubuhkan di Malaysia. Hasil kajian ini membuktikan bahawa berlakunya ketidakseragaman dalam penggunaan kata. Adalah jelas bahawa pembentukan kata harus dilakukan secara terancang oleh sesebuah badan yang terdiri daripada pakar bahasa.

1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada aspek pembentukan kata sahaja. Aspek-aspek lain tidak diambil kira. Selain itu, data (kata-kata baru) dalam skrip berita Tamil TV2, RTM sahaja digunakan. Skrip berita Tamil TV2, RTM dipilih kerana ia merupakan saluran media rasmi kerajaan Malaysia dan popular dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia. Pemilihan skrip berita terbatas kepada berita berbahasa Tamil bukan kepada berita bahasa lain seperti bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Mandarin.

Hanya kata Tamil dikumpul sebagai data kajian. Perkataan bahasa lain yang ditransliterasi tidak dilibatkan dalam kajian ini. Pengumpulan data melibatkan tempoh selama dua bulan sahaja, iaitu dari 1hb Januari 2011 hingga 28hb Februari 2011. Kajian rintis yang dijalankan ke atas lima skrip berita Tamil TV2, RTM mendapati data yang secukupnya akan dapat dikumpulkan bagi menjalankan kajian ini melalui berita yang disiarkan selama dua bulan.

Status data kajian sama ada perkataan baru atau tidak disemak dengan menggunakan dua kamus sahaja, iaitu *Narmata:vin tamiL akara:ti* (2009) dan *Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti* (2008). Kedua-dua kamus ini dipilih kerana ia merupakan terbitan terkini pada tahun 2011. Perkataan yang tersenarai dalam kamus-kamus ini dikecualikan dari data kajian. Ini kerana kajian ini fokus terhadap proses pembentukan kata-kata baru sahaja.

Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985) digunakan untuk menganalisis data kajian. Kerangka yang disarankan oleh ahli linguistik lain tidak diguna

pakai dalam kajian ini. Kerangka ini dipilih kerana proses pembentukan kata saranan Yule, G. (1985) sesuai dengan pembentukan kata Tamil.

Responden kajian terdiri daripada lima orang editor berita Tamil TV2, RTM sahaja. Para editor dipilih kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pembentukan kata-kata baru. Seramai lima orang sahaja dilibatkan dalam kajian kerana populasi kajian mempunyai data demografi yang sama. Berikutan daripada limitasi ini, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan terhadap semua media massa.

1.8 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi operasional bagi kajian ini :

1.8.1 Kata dan Kata-kata Baru

Kata (*word*) didefinisikan sebagai “*satu unit ujaran yang bebas dan mengandung makna, yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa bentuk bunyi bahasa*” (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood *et al.*, 1993:46). Golongan kata terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Manakala bentuk kata terbahagi kepada kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda. Contoh kata ialah *laut*, *senyum*, *baru* dan *paling*.

Kata-kata baru merujuk kepada kata yang dibentuk oleh sesuatu badan perancang bahasa atau pengguna bahasa baru-baru ini dan belum lagi disenaraikan dalam entri kamus.

Pembentukan kata-kata baru berlaku bagi memenuhi keperluan semasa. Kebanyakan kata baru yang dibentuk terdiri daripada golongan kata nama dan mengungkapkan konsep-konsep bidang sains dan teknologi.

1.8.2 Pembentukan Kata

Pembentukan kata (*word-formation*) ialah perkataan yang diperkenalkan berdasarkan keperluan sesuatu bahasa (Poovannan, 2003:5). Plago, I. (2003:13) pula menyatakan pembentukan kata ialah kajian berkaitan cara-cara perkataan baru dibina berdasarkan perkataan atau morfem lain. Beberapa ahli linguistik menyarankan kerangka-kerangka yang terlibat dalam proses pembentukan kata. Contohnya, peminjaman, pemajmukan, pengimbuhan, akronim, penyingkatan, percampuran dan penukaran.

1.8.3 Berita dan Berita Televisyen

Berita (*news*) ialah “*suatu laporan tentang peristiwa atau kejadian yang berlaku, yang baru dan luar biasa sifatnya, yang ingin diketahui umum*” (Sulaiman Masri, 1990:7). Lazimnya, berita memerihalkan manusia dan peristiwa atau kejadian yang berlaku di dalam dan di luar negara termasuk ekonomi, sukan, hal ehwal semasa, isu-isu terkini, hiburan, politik dan sebagainya. Berita disiarkan tepat pada waktunya dan dapat menarik perhatian orang ramai (Sulaiman Masri, 1990:143-144).

Berita televisyen (*television news*) ialah penyampaian sesuatu peristiwa dengan segera dan mempunyai kesan audio dan visual, iaitu suara dan gambar. Berita televisyen disampaikan oleh pembaca berita.

1.8.4 Editor Berita

Editor berita (*news editor*) ialah “*kumpulan tenaga terlatih yang membuat penilaian terhadap kejadian yang dijangka berupaya menimbulkan minat para penontonnya*” (Sulaiman Masri, 1990:10). Para editor berita terlibat dalam kerja-kerja seperti membuat liputan berita, menterjemah berita dari bahasa sumber kepada bahasa sasaran, menulis skrip berita, menyunting dan menerbitkan berita. Para editor berita terdiri daripada editor berita akhbar, majalah, radio dan televisyen.

1.9 Penutup

Bab ini mengemukakan pengenalan berkaitan kajian ini secara terperinci. Antara aspek yang dibincangkan ialah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional. Adalah diharapkan bab ini memberi sedikit sebanyak gambaran mengenai hala tuju kajian ini. Bab seterusnya membincangkan kajian literatur berkaitan dengan kajian ini.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan tinjauan literatur tentang kajian-kajian yang berkaitan dengan bahasa Tamil dan pembentukan kata. Pengkaji membincangkan secara kritis pandangan-pandangan dan hasil-hasil kajian lain berhubung dengan pembentukan kata sesuatu bahasa. Berikut adalah perkara yang dibincangkan dalam bab ini :

- i. Perkembangan Bahasa Tamil di Malaysia;
- ii. Berita;
- iii. Morfologi;
- iv. Pembentukan Kata;
- v. Kajian Pembentukan Kata dalam Bahasa Lain;
- vi. Kajian Pembentukan Kata dalam Bahasa Tamil.

2.2 Perkembangan Bahasa Tamil di Malaysia

Malaysia mempunyai hubungan dengan India sejak 1,000 tahun dahulu. Bukti sejarah menunjukkan Rajendra Chola I memerintah Kadaram (Kedah lama) pada abad ke-11 lagi. Perkembangan industri getah, kopi dan tebu di Tanah Melayu pada tahun 1786 menyebabkan British membawa masuk pekerja kontrak dari India Selatan secara besar-besaran (Supramani, S., 2007:193-194).

Jadual 2.1 : Jumlah Penduduk India, Malaysia (2005 - 2009)

Tahun	Jumlah Penduduk India	Peratus Penduduk India	Jumlah Penduduk Malaysia
2009	1,939,200	6.9 %	28,306,700
2008	1,910,700	6.9 %	27,728,700
2007	1,883,900	6.9 %	27,173,600
2006	1,858,500	7.0 %	26,640,200
2005	1,834,800	7.0 %	26,127,700

(Sumber : Buletin Perangkaan Sosial Malaysia, 2005-2009)

Berdasarkan Jadual 2.1, jumlah penduduk India di Malaysia ialah 1,939,200 (6.9 %) orang daripada jumlah penduduk 28,306,700 orang (Buletin Perangkaan Sosial Malaysia, 2009:43). Jumlah penduduk India memperlihatkan peningkatan dari tahun 2005 hingga tahun 2009. Penduduk India menduduki kebanyakan negeri di Malaysia.

Jadual 2.2 : Jumlah Penduduk India Mengikut Negeri, Malaysia (2009)

Negeri	Peratus Penduduk India
Selangor	35.2 %
Perak	15.2 %
Johor	11.7 %
W.P.Kuala Lumpur	8.7 %
Pulau Pinang	8.0 %
Negeri Sembilan	7.9 %
Kedah	6.9 %
Pahang	3.6 %
Melaka	2.4 %
Kelantan	0.2 %
Perlis	0.2 %
Terengganu	0.1 %
Sabah, Sarawak dan W.P.Labuan	0 %
Jumlah	100.0 %

(Sumber : Buletin Perangkaan Sosial Malaysia, 2009:46)

Jadual 2.2 memaparkan kebanyakan penduduk India menduduki negeri Selangor, iaitu sebanyak 35.2%. Diikuti dengan negeri Perak dan Johor, iaitu masing-masing mencatat 15.2% dan 11.7%. Jumlah penduduk India di negeri Kelantan, Perlis dan Terengganu mencatat peratusan terendah, iaitu masing-masing sebanyak 0.2%, 0.2% dan 0.1%.

Penduduk India terdiri daripada orang Tamil, Telugu, Malayalam, Sikh dan lain-lain. Majoriti penduduk India terdiri daripada orang Tamil. Bahasa ibunda orang Tamil ialah bahasa Tamil. Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan menegaskan bahawa bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan di Malaysia.

“tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain”

(Perlembagaan Persekutuan, 2010:164-165)

Namun, bahasa-bahasa lain dibenarkan penggunaannya secara bebas dalam situasi tidak rasmi atau dalam pembelajaran. Oleh itu, bahasa Tamil digunakan secara meluas di Malaysia. Ia berperanan sebagai bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan Tamil. Selain itu, bahasa Tamil juga berfungsi sebagai bahasa media massa dan digunakan dalam karya sastra Tamil.

2.2.1 Pendidikan Bahasa Tamil

Pada awalnya, penduduk India tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan pendidikan Tamil. Bukti sejarah menunjukkan pendidikan Tamil secara tidak formal, iaitu sekolah pondok (*tinnai palli*) dijalankan pada tahun 1800. Manakala pendidikan Tamil secara formal diperkenalkan pada awal abad ke-19 (Rajendran, N. S., 2008:9-10). Pendidikan

bahasa Tamil merangkumi peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, institut pendidikan guru dan universiti.

2.2.1.1 Pendidikan Prasekolah

Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan pendidikan prasekolah di sekolah Tamil bagi murid-murid yang berumur lima dan enam tahun. Sukatan Pelajaran digubal oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Kini, sebanyak 114 buah sekolah Tamil menjalankan kelas prasekolah dengan bilangan murid sebanyak 3,080 orang (Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

2.2.1.2 Pendidikan Sekolah Rendah

Dari segi pendidikan, bahasa pengantar sesebuah sekolah rendah bergantung kepada jenis sekolah. Di Malaysia, sistem sekolah rendah terdiri daripada tiga jenis, iaitu :

- i. Sekolah Kebangsaan (SK) - Bahasa Melayu;
- ii. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) - Bahasa Mandarin;
- iii. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) - Bahasa Tamil.

Di Malaysia, pendidikan bahasa Tamil secara formal dimulakan pada tahun 1816 di *Penang Free School*. Diikuti dengan penubuhan *Singapore Free School* pada tahun 1834 dan *Anglo-Tamil School* di Melaka pada tahun 1850. Usaha awal penubuhan sekolah Tamil dilakukan oleh mubaligh Kristian. Pada tahun 1900, kerajaan membuka sekolah Tamil yang pertama di Bagan Serai, Perak. Pengenalan Kanun Buruh pada tahun 1923 mewajibkan

setiap ladang untuk menubuhkan sekolah Tamil jika mempunyai sepuluh orang murid yang berumur enam hingga 12 tahun (Arasaratnam, S., 1979:178-179). Adalah dianggarkan sebanyak 37,164 orang murid belajar dan 1,410 orang guru bertugas di sekolah Tamil pada tahun 1951. Sebanyak 888 buah sekolah Tamil dijalankan pada tahun 1957 (Rajendran, N. S., 2008:11).

Laporan Razak mengisytiharkan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah Tamil pada tahun 1956. Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran bagi bahasa Tamil dirangka pada tahun 1977. Pada tahun 1995, penggubalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) membantu pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Seterusnya, sistem pendidikan bahasa Tamil berkembang lagi dengan penubuhan sekolah wawasan, iaitu SJK (T) Tun Sambanthan di Selangor pada tahun 2002 (Supramani, S., 2007:198-201). Kini, murid-murid SJK (T) menduduki peperiksaan bahasa Tamil sebagai mata pelajaran wajib di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Jadual 2.3 : Bilangan Sekolah Tamil, Jumlah Pelajar dan Guru Mengikut Negeri di Malaysia pada 30 Jun 2010

Bil. Negeri	Sekolah	Murid	Guru
1. Perak	134	16,641	1,784
2. Selangor	97	34,277	2,323
3. Johor	70	14,401	1,261
4. Negeri Sembilan	61	11,049	1,036
5. Kedah	58	10,708	921
6. Pahang	37	3,654	471
7. Pulau Pinang	28	6,773	511
8. Melaka	21	3,211	316
9. W.P.Kuala Lumpur	15	3,803	306
10. Perlis	1	105	11
11. Kelantan	1	32	7
Jumlah	523	104,654	8,947

(Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010)

Jadual 2.3 menunjukkan terdapat 523 buah sekolah Tamil di Malaysia. Manakala jumlah murid dan guru masing-masing ialah 104,654 orang dan 8,947 orang. Bilangan sekolah Tamil berkurangan dalam tempoh 54 tahun akibat pembangunan kawasan ladang kepada perindustrian. Namun, bilangan murid dan guru semakin meningkat. Negeri Perak mempunyai sekolah Tamil yang terbanyak, iaitu 137 buah sekolah. Manakala negeri Selangor didapati mempunyai bilangan murid dan guru yang tertinggi, iaitu masing-masing 34,277 orang murid dan 2,323 orang guru.

Sebanyak 141 buah sekolah Tamil menerima bantuan penuh daripada kerajaan pusat manakala selebihnya 382 buah sekolah Tamil hanya beroperasi berasaskan bantuan modal. Seterusnya, didapati sebanyak 338 buah sekolah Tamil mempunyai bilangan murid yang kurang daripada 150 orang. Hanya 154 buah sekolah Tamil terletak di kawasan bandar dan sebanyak 369 buah sekolah Tamil berada di luar bandar (Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Murid-murid Tamil belajar bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda (*Pupils' own language*) mulai tahun 1961 di SK dan SJK (C). Malahan, murid-murid bangsa lain juga mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan bermula tahun 2000 (Supramani, S., 2007:201).

2.2.1.3 Pendidikan Sekolah Menengah

Pelajar Tamil di sekolah menengah mempelajari bahasa Tamil sebagai mata pelajaran ibunda (*Pupils' own language*) mulai tahun 1961 (Supramani, S., 2007:203). Mereka diberi peluang untuk menduduki peperiksaan bahasa Tamil di peringkat Penilaian Menengah

Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Malahan, mata pelajaran Kesusasteraan Tamil boleh diambil di peringkat SPM.

2.2.1.4 Pendidikan Peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG)

Pada awalnya, pendidikan bahasa Tamil diajar oleh para kangani, kerani, pembantu perubatan, pendeta, pembantu kira-kira dan buruh secara sambilan (Arasaratnam, S., 1979:180). Latihan perguruan Tamil (*Teachers Training Normal Class Programme*) dimulakan secara sambilan pada tahun 1936. Kelayakan memasuki latihan perguruan Tamil ialah lulus darjah lima. Pada tahun 1960, latihan perguruan Tamil secara sepenuh masa diperkenalkan di Pusat Latihan Harian (Rajendran, N. S., 2008:18-21).

Kini, latihan perguruan Tamil dijalankan di tujuh buah IPG, iaitu Raja Melewar, Tuanku Bainun, Kinta, Sultan Abdul Halim, Temenggung Ibrahim, Tengku Ampuan Afzan dan Persekutuan Pulau Pinang. Kursus sepenuh masa yang ditawarkan ialah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di mana kelayakan kemasukan masing-masing ialah lepasan SPM dan siswazah.

Manakala kursus dalam cuti terdiri daripada Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI/KDC), Kursus Diploma Pendidikan Guru (KDPM/KDC) dan Program Pensiswazahan Guru (PPG). Kelayakan kemasukan bagi ketiga-tiga kursus ini masing-masing ialah siswazah, lepasan SPM dan guru terlatih diploma yang sedang berkhidmat. Guru-guru pelatih akan ditempatkan di SJK (T) dan SK.

2.2.1.5 Pendidikan Peringkat Universiti

Seterusnya, penuntut Tamil dapat mengikuti pendidikan peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah di peringkat universiti. Pada tahun 1956, Jabatan Pengajian India dimulakan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Manakala Unit Bahasa Tamil dimulakan di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya pada tahun 1998. Penuntut mempelajari Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian India) dan Ijazah Sarjana Muda Linguistik (Bahasa Tamil) selama tiga tahun (Rajendran, N. S., 2008:13-14).

Selain itu, Unit Bahasa Tamil dimulakan pada tahun 2010 di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Universiti ini menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Tamil) selama empat tahun. Para guru pelatih akan ditempatkan di sekolah menengah sebagai guru bahasa Tamil.

Tambahan pula, universiti-universiti lain seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris menawarkan kursus bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi atau bahasa asing.

Sekolah Tamil menjadi asas kepada pendidikan bahasa Tamil. Ia menyumbang kepada perkembangan bahasa Tamil di Malaysia. Bahasa Tamil juga berperanan sebagai bahasa media massa bagi televisyen, radio, akhbar dan majalah.

2.2.2 Media Massa Tamil

Media massa terdiri daripada media massa elektronik dan cetak. Media massa elektronik ialah televisyen, radio, video dan penerbitan digital yang lain. Manakala media massa cetak ialah akhbar, majalah, buku, siaran berkala dan lain-lain. Berikut adalah penerangan mengenai perkembangan media massa Tamil seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah di Malaysia.

2.2.2.1 Televisyen dan Radio Awam

Di Malaysia, stesen '*Radio Malaya*' dimulakan pada 1 April 1946. Manakala stesen '*Malaysia Televisyen*' ditubuhkan pada 28 Disember 1963. Kedua-dua stesen ini bergabung pada 17 November 1969 dan dikenali sebagai Radio Televisyen Malaysia (Sejarah Radio Televisyen Malaysia, 2011). Stesen ini dimiliki oleh Jabatan Penyiaran Malaysia, Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi. Perkhidmatan televisyen dan radio ini adalah secara percuma.

i. Saluran TV2

Operasi stesen televisyen dijalankan di Wisma Televisyen, Angkasapuri, Kuala Lumpur. Saluran televisyen terdiri daripada Televisyen Satu (TV1) dan TV2. Saluran-saluran ini juga boleh ditonton dalam saluran Astro 101 (TV1) dan 102 (TV2). Saluran TV2 menyiarkan rancangan Tamil seperti rancangan rumah tangga (*home-making*), rancangan bual bicara, drama, filem dan berita.

Masa penyiaran berita Tamil (*tamiLc ceytikal*) ialah dari pukul 7.30 malam hingga 8.00 malam setiap hari. Bilangan editor berita dan penyampai berita yang bertugas di meja berita Tamil masing-masing terdiri daripada 11 orang pada tahun 2011. Berita Tamil menyampaikan perkembangan mutakhir yang berlaku di dalam negeri dan di luar negara serta pengumuman penting mengenai polisi kerajaan.

ii. ***Minnal Frequency Modulation (Minnal FM)***

Operasi stesen radio pula dijalankan di Wisma Radio, Angkasapuri, Kuala Lumpur. Stesen radio ini dimulakan pada tahun 1938 dan memperkenalkan saluran-saluran radio seperti radio Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil (Sejarah Radio Televisyen Malaysia, 2011).

Pada awalnya, saluran radio Tamil dikenali sebagai Radio 6. Nama ini mengalami beberapa perubahan, iaitu Bahagian India (1961), Rangkaian Merah (1970), Radio 6 (pertengahan 1970-an) dan seterusnya menjadi Minnal FM pada 1 April 2005. Radio 6 dilancarkan sebagai saluran radio Tamil 24 jam yang pertama di dunia pada 1 Julai 1997 (Sejarah Minnal FM, 2011). Kini, Minnal FM menyiarkan rancangannya pada frekuensi 96.3 MHz di Lembah Klang. *Tag line* Minnal FM ialah *iḷamai putumai inimai*. Juru hebah dan penerbit Minnal FM terdiri daripada 21 orang pada tahun 2011. Siaran Minnal FM boleh didengar secara *online* di laman web [*minnal.fm*].

Radio Tamil menyiarkan rancangan Tamil 24 jam setiap hari. Sebanyak lapan jenis rancangan Tamil disajikan bagi para pendengar. Antaranya Sentuhan malam, Segmen awal pagi, *Breakfast show*, Irama pagi, Hati ke hati, Irama senja, Irama sinaran malam dan Rentak tengah malam.

Kekerapan penyiaran berita Tamil (Minnal FM *ceytikal*) ialah sebanyak 24 kali sehari (sejam sekali). Tempoh masa siaran berita ini adalah selama tiga minit, empat minit, lima minit dan sepuluh minit. Berita disiarkan selama 10 minit pada pukul 7.00 pagi, 9.00 pagi, 11.00 pagi, 1.00 tengahari, 5.00 petang, 7.00 malam, 9.00 malam dan 11.00 malam.

2.2.2.2 Televisyen dan Radio Swasta

Seterusnya, stesen televisyen dan radio swasta disiarkan melalui perkhidmatan televisyen berbayar, iaitu *All-Asian Satellite Television and Radio Operator* (Astro). Perkhidmatan televisyen ini adalah milik Astro Holdings dan beroperasi dari Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Perkhidmatan televisyen ini menyiarkan beberapa saluran televisyen dan radio.

Melalui perkhidmatan televisyen berbayar, rancangan Tamil seperti rancangan bual bicara, rumah tangga (*home-making*), drama, filem muzik, komedi, kartun dan berita disiarkan. Antaranya ialah saluran 100 (Astro Fiesta), 201 (*Astro Vaanavil*), 202 (*Astro Vellithirai*), 203 (*Makkal TV*), 211 (*Sun TV*), 212 (*Sun Music*), 213 (*Chutti TV*), 214 (*Adithya TV*), 480 (*Astro First*), 502 (Bernama TV), 867 (*Osai*) dan 951 (*Astro Box Office Thangathirai*).

i. Televisyen Berita Nasional Malaysia (Bernama TV)

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) ialah sebuah badan berkanun yang beroperasi di bawah kerajaan Malaysia mulai 26 Mei 1968. Bernama memainkan peranan sebagai agensi berita yang menyampaikan sumber berita yang terkini dan boleh dipercayai. Manakala Bernama TV ditubuhkan pada 1 September 1998 di Kuala Lumpur. Berita Astro diterbitkan dengan kerjasama agensi berita Bernama sehingga Februari 2007.

Berita Tamil disiarkan melalui saluran Astro 201 (*Vaanavil*). Kemudian, pada 28 Februari 2008, Bernama TV mula disiarkan melalui saluran Astro 502 yang merupakan saluran berita 24 jam pertama di Malaysia dan disiarkan dalam empat bahasa, iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Berita Bernama boleh ditonton secara *online* melalui laman web [*bernama-tv.com*] dan melalui panggilan video telefon bimbit Celcom (*Third generation*). *Tag line* berita Bernama adalah *Right and Now* (Sejarah Bernama, 2011).

Kini, berita Tamil (Bernama *ceytikal*) disampaikan dua kali sehari secara langsung dan siaran ulangan sebanyak tiga kali. Masa berita siaran langsung adalah pada pukul 2.00 petang dan 7.00 malam setiap hari. Siaran ulangan ke udara pada pukul 3.30 petang, 12.30 pagi dan 3.30 pagi. Berita Tamil Bernama menyampaikan berita ke seluruh Malaysia, Asia dan serata dunia.

ii. ***Time Highway Radio Raaga (THR Raaga)***

Stesen radio THR memulakan operasinya pada 31 Ogos 1994 di studio sewaan Angkasapuri, Kuala Lumpur. Radio Tamil, iaitu THR Raaga dimulakan pada 2hb April 2001 (Munimah Sudramanian, 2007:50). *AMP Radio Networks* mengambil alih THR pada tahun 2005 dan mula menyiarkan THR Gegar dan THR Raaga dari Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Kini, THR Raaga boleh didengar melalui radio dan saluran Astro 859. Selain itu, THR Raaga juga disiarkan secara *online* di laman web [*raaga.thr.fm*]. Adalah dianggarkan pendengar THR Raaga terdiri daripada 1.7 million (Buletin THR Raaga, 2011).

Frekuensi radio THR Raaga ialah 99.3 MHz di Lembah Klang. Manakala *tag line* ialah “*THR Raaga aahaa...sirantha isai*”. Juru hebah THR Raaga terdiri daripada enam orang

pada tahun 2011. Siaran rancangan Tamil adalah selama 18 jam setiap hari. Sebanyak lima jenis rancangan Tamil disiarkan pada hari Isnin hingga Jumaat. Antaranya ialah *Kalakkal Kaalai*, *Mid morning*, *Raaga vil 15*, *Hyper Maalai* dan *Love @ Raaga*.

Berita Tamil (*Raaga ceytikal*) diedit dan disampaikan oleh orang yang sama. Seramai empat orang bertugas di THR Raaga sebagai editor dan penyampai berita pada tahun 2011. Kekerapan penyiaran berita Tamil ialah sebanyak sembilan kali antara 7.00 pagi hingga 7.00 malam. Tempoh masa siaran berita ini adalah selama tiga minit. Berita disiarkan pada pukul 7.00 pagi, 8.00 pagi, 9.00 pagi, 12.00 tengahari, 1.00 tengahari, 3.00 petang, 5.00 petang, 6.00 petang dan 7.00 malam.

2.2.2.3 Akhbar

Pada tahun 1875, akhbar Tamil yang pertama, iaitu *Singgai Varthamaani* diterbitkan di Malaysia. Diikuti dengan penerbitan akhbar *Vidyaa Vishaarini*, *Vaagai Nesan* dan *Vijaya Kethanan*. Seterusnya, *Ulagi Nesan*, *Singai Nesan* dan *Hindu Nesan* diterbitkan pada tahun 1887. Banyak akhbar diterbitkan sebelum dan selepas merdeka terutamanya pada tahun 1930-an (Asogan, P., 2000:24). Namun, kebanyakan akhbar terpaksa memberhentikan penerbitan akibat masalah pengurusan, kewangan dan pengedaran. Kini, tiga akhbar Tamil sahaja disiarkan di Malaysia, iaitu Tamil Nesan, Malaysia Nanban dan Makkal Osai.

Akhbar Tamil Nesan merupakan akhbar Tamil yang paling lama di Malaysia. Ia diterbitkan oleh Encik Narashima Iyengar pada 24-09-1924 sebagai akhbar mingguan. Kemudian, akhbar ini menjadi akhbar harian pada tahun 1937 (Meenachi Maruthai, 2003:21). Manakala operasi penerbitan akhbar Malaysia Nanban bermula pada tahun 1981 (Meenachi

Maruthai, 2003:24). Para pembaca dapat melayari laman web, iaitu [*nanban2u.com*] untuk mendapatkan akhbar secara *online*. Akhbar Makkal Osai juga mula diterbitkan pada tahun 1981 sebagai akhbar mingguan dengan nama *Tamil Osai*. Mulai tahun 2005, akhbar ini mula diterbitkan setiap hari dan ditukar nama kepada Makkal Osai (Sejarah Makkal Osai, 2011). Akhbar ini turut boleh dibaca secara online dalam laman web, iaitu [*makkalosai.com.my*]. Selain akhbar-akhbar Tamil ini, berita Tamil juga boleh didapati melalui laman web seperti [*vanakkammalaysia.com*] dan [*malaysiaindru.com*].

2.2.2.4 Majalah

Majalah Tamil pertama yang diterbitkan di Malaysia ialah majalah *Vijayaketanan* yang diterbitkan pada tahun 1888 (Dhandayutham, R., 1983:15). Selepas itu, banyak majalah diterbitkan. Namun, hanya beberapa majalah masih meneruskan penerbitannya.

Majalah *Indian Movie News* (1952), *Movieland*, *Cine Fashion*, *Box Office*, *Video Movie News* (1993) dan *Silver Screen* (1997) merupakan majalah Tamil yang dikeluarkan dalam bahasa Inggeris. Manakala majalah *Muthamil* (1980), *Churian* (1987), *Mannan* (1996), *Malar* (2000), *Thendral* (2002), *Nila*, *Vanampadi*, *Nayanam* (1987), *Thungesam*, *Mangayam Yugam*, *Idayam* (1991), *Ungal Kural*, *Tamil Kural*, *Mayil*, *Kuyil*, *Vetri* dan *Sembaruthi* diterbitkan dalam bahasa Tamil (Chitra Muthusamy, 2007:79). Majalah *Indian Movie News* mempunyai pembaca melebihi 100,000 orang (Chitra Muthusamy, 2007:61). Kekerapan terbitan majalah ialah seminggu sekali, sebulan sekali, tiga bulan sekali dan enam bulan sekali. Majalah memberi keutamaan terhadap bahan kreatif seperti cerpen dan sajak. Media massa seperti akhbar, majalah dan radio banyak menyumbang kepada perkembangan karya sastera Tamil di Malaysia.

2.2.3 Karya Sastra Tamil

Karya sastra Tamil menyumbang kepada perkembangan bahasa Tamil di Malaysia. Antara karya sastra yang dihasilkan ialah sajak, novel, drama dan cerpen. Sejarah karya sastra bermula dengan penulisan sajak. Sathasivap Pandithar, S. N. merupakan penyajak pertama yang menulis sajak Tamil di Malaysia pada tahun 1887. Antara sajak yang ditulisnya ialah *vannai aNta:ti*, *vannai Nakar u:njcal* dan *cingkai Nakar aNta:ti*. Diikuti dengan penulisan sajak *calla:pa la:vani* (1893) dan *ci:Ra:c catakam* (1900). Kebanyakan sajak Tamil bertemakan etika kehidupan, perpaduan, kebebasan, isu semasa dan bahasa (Dhandayutham, R., 1983:109).

Seterusnya, karya novel yang pertama di Malaysia ditulis oleh Venkatarettinam, K. pada tahun 1917, iaitu '*karuna:cakaran allatu ka:talin ma:dcu*'. Diikuti dengan penerbitan novel oleh Subramaniam, K., iaitu '*pa:lacuNtaram allatu canma:rkka jeyam*' pada tahun 1918 (Sababathy, V., 1993:22-23). Novel-novel ini bertemakan penyiasatan, masalah sosial dan kesengsaraan pekerja ladang.

Selanjutnya, drama pentas yang pertama, iaitu '*pa:tuka: patta:pishe:kam*' diadakan oleh kumpulan '*cangki:ta apivirutti capai*' di bawah penyeliaan Kumarasamy Pillai, C. (Baskaran, N., 1981:39). Kemudian, banyak drama pentas dianjurkan. Namun, hanya sesetengah drama pentas diterbitkan dalam bentuk buku. Radio Minnal FM banyak menyiarkan drama Tamil seperti drama sejarah, sastra, sosial, jenaka dan agama. Selain itu, drama Tamil juga disiarkan melalui saluran TV2 dan saluran Astro 201 (*Vaanavil*). Drama pentas jarang diadakan kerana kurang mendapat sambutan daripada masyarakat Tamil.

Manakala cerpen Tamil yang pertama diterbitkan pada tahun 1930 di Malaysia. Buku yang mengandungi lima cerpen ini ditulis oleh Sinniah Pillai, V. dan dikenali sebagai '*Navaraca kata: manjari - ivai iniya kaRpitakkataikal*' (Subramaniam, N., 1980:4). Selepas itu, banyak cerpen ditulis berdasarkan tema kemerdekaan, masalah sosial dan kasta. Akhbar, majalah dan institut pengajian tinggi seperti Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya turut menganjurkan pertandingan menulis cerpen (*pe:ravaik kataikal*) dan terus menyokong perkembangan cerpen. Pada dasarnya, dapat dirumuskan karya sastera Tamil di Malaysia berkembang dengan sokongan akhbar, majalah, radio dan televisyen.

2.3 Berita

Dalam sehari, banyak peristiwa berlaku di dalam dan di luar negara. Hanya sebilangan kejadian dilaporkan oleh media massa melalui berita (*news*). Agee, W. K., Ault, P. H., dan Emery, E. (1983:23) merujuk berita sebagai konsep abstrak yang berubah mengikut perubahan minat manusia. Mohd. Safar Hasim (1986:15) pula mendefinisikan berita sebagai "*sesuatu maklumat yang baru mengenai suatu peristiwa yang baru berlaku dan menarik minat pendengar*". Menurut Md. Nor Abdul Ghani dan Md. Sharit Bharuddin (1989:43), berita ialah "*persembahan laporan tentang peristiwa semasa dalam akhbar, majalah, radio atau televisyen*".

Seterusnya, berita juga merujuk kepada "*apa yang dicetak dalam akhbar atau apa yang dibaca oleh pihak juru hebah*" (Sulaiman Masri, 1990:7-8). Tambah beliau lagi, "*berita memerihalkan manusia dan peristiwa atau kejadian yang berlaku di dunia dan disiarkan tepat waktunya bagi menarik perhatian orang ramai*" (Sulaiman Masri, 1990:143-144).

Selanjutnya, Wahyudi, J. B. (1994:32) menakrifkan berita sebagai “*huraian tentang peristiwa atau pendapat atau realiti yang mengandungi nilai berita dan disiarkan melalui media massa*”. Selain itu, Muthurasan, K. (2001:227) menjelaskan makna berita (*ceyti*) sebagai sesuatu yang tidak diketahui sehingga hari sebelumnya menjadi berita pada hari ini, iaitu “*news is anything you did not know till yesterday*”. Di samping itu, Kamus Dewan (2005:170) menyatakan berita ialah “*maklumat mengenai sesuatu kejadian yang disampaikan sama ada secara lisan atau dengan surat*”.

“*new information about something that has occurred recently*”

(*Oxford advanced learner's dictionary*, 2010:993)

Definisi di atas membawa erti bahawa berita merupakan maklumat penting mengenai kejadian terkini. Seterusnya, kamus bahasa Tamil, iaitu *Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti* (2008:627) menjelaskan berita ialah pengumuman tentang sesuatu atau seseorang sama ada secara lisan atau bertulis. Pada dasarnya, berita dapat disimpulkan sebagai laporan peristiwa terbaru dan penting yang disampaikan oleh media massa dengan segera.

2.3.1 Jenis Berita

Berita terbahagi kepada dua jenis, iaitu *hard-news* dan *soft-news*. *Hard-news* merujuk kepada berita terbaru yang dilaporkan dengan segera. Berita politik, peperangan, ekonomi dan jenayah termasuk dalam kategori *hard-news*. Pendekatan fakta digunakan dalam *hard-news* seperti apa yang telah terjadi, siapakah telah terlibat, di mana dan bila terjadinya serta mengapa. Seterusnya, *soft-news* adalah berita yang berkait dengan kemanusiaan dan menarik minat orang ramai. Berita seni, hiburan dan cara hidup manusia tergolong dalam *soft-news*. *Soft-news* menggunakan pendekatan bersifat hiburan dan nasihat (*Media Awareness Network*, 2008).

Sulaiman Masri (1990:144) dalam bukunya '*Penulisan berita dalam bahasa Melayu*' menyenaraikan beberapa istilah berita seperti berita basi, berita buatan, berita hangat, berita kilat, berita menarik, berita sensasi, berita singkat dan berita terakhir. Beliau turut menghuraikan tiga jenis berita dengan terperinci :

- i. Berita kemalangan, kebakaran dan bencana alam;
- ii. Berita kematian;
- iii. Berita jenayah dan mahkamah.

Berita kemalangan merangkumi kemalangan jalan raya, laut dan udara. Manakala bencana alam adalah seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, ribut taufan, ribut salji dan ledakan gunung berapi (Sulaiman Masri, 1990:86). Dalam berita kematian, perkara-perkara seperti nama, agama, punca kematian, keluarga si mati, tarikh pengkebumian, tarikh dan tempat lahir, pendidikan, pekerjaan, keahlian persatuan, gelaran dan kejayaan si mati perlu dinyatakan (Sulaiman Masri, 1990:84).

Berita jenayah dan mahkamah meliputi pembunuhan, rompakan, rogol, kecurian, penculikan dan penyeludupan. Sumber maklumat diperoleh daripada polis, mangsa dan saksi (Sulaiman Masri, 1990:100). Selain itu, berita sukan, pendidikan, politik, ekonomi dan sosial turut disiarkan.

2.3.2 Sumber Berita

Berita diperoleh daripada pelbagai sumber. Mohd. Safar Hasim (1986:23) menyatakan sumber berita boleh didapati melalui liputan berita, agensi berita, sidang akhbar, taklimat, mesyuarat awam dan hubungan peribadi dengan orang tertentu. Malahan, para pemberita

juga mengumpul berita melalui penglibatan langsung, pemerhatian, sesi soal-jawab, laporan, dokumen rasmi dan buku rujukan bidang tertentu (Muthurasan, K., 2001:236-237).

2.3.3 Fungsi Berita

Fungsi utama berita ialah sebagai penyampai maklumat peristiwa terkini (Sulaiman Masri, 1990:9). Segala peristiwa penting yang berlaku baru-baru ini di dalam dan di luar negara disiarkan melalui berita.

Selain itu, penyiaran berita juga mempercepatkan penyebaran maklumat. Menurut Sulaiman Masri (1990:9-10), "*berita hari ini basi pada hari esok*". Oleh itu, media massa seperti radio dan televisyen menyiarkan berita beberapa kali dalam sehari agar pendengar dapat mengetahui peristiwa terbaru dengan segera.

Tambahan pula, para pendengar dapat mengikuti perkembangan negara melalui penyiaran berita seperti pengumuman dasar kerajaan, belanjawan, undang-undang baru, darurat dan perintah berkurung. Pendengar juga dapat berwaspada dengan laporan berita seperti pembunuhan, rompakan, rogol, kecurian, penculikan dan penyeludupan.

Di samping itu, berita turut memperkembangkan sesuatu bahasa. Pendengar mempelajari kata-kata baru dan penggunaan bahasa formal. Ini dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa pendengar. Tahap penguasaan dan penggunaan bahasa yang tinggi menyebabkan perkembangan bahasa.

2.3.4 Editor Berita

Editor berita ialah orang yang menyunting sesuatu berita untuk disiarkan atau diterbitkan dalam media massa. Menurut organisasi RTM, editor berita ialah orang yang membuat liputan, menulis, menyunting dan menerbitkan berita. Oleh itu, seseorang editor berita perlu mempunyai pendidikan, pengalaman dan kebolehan mengarang untuk menghasilkan skrip berita yang berkualiti. Selain itu, editor berita harus mempunyai pengetahuan dalam tatabahasa, kesusasteraan, isu-isu semasa di dalam dan di luar negara serta mempunyai pengetahuan asas dalam pelbagai bidang seperti politik, undang-undang, sukan dan sains (Muthurasan, K., 2001:201-202).

Menurut Agee, W. K. *et al.* (1983:8), editor yang baik perlu mempunyai lima aspek berikut, iaitu kepekaan terhadap berita, kefahaman tentang cara melaporkan berita, mempunyai minda yang ingin tahu dan kesediaan untuk mencari maklumat baru, keupayaan untuk menulis bahasa yang mudah, efektif, mematuhi tatabahasa dan mengeja dengan betul serta kefahaman tentang teknik penulisan berita. Dengan adanya kelayakan-kelayakan yang dibincangkan, para editor dapat menghasilkan berita yang berkualiti.

Sulaiman Masri (1990:9) pula menyatakan editor perlu belajar menulis dalam keadaan terburu-buru walaupun persekitarannya bising dan dikerumuni oleh orang ramai. Ini kerana kerja penulisan berita tidak boleh ditangguh. Seseorang editor haruslah berkeupayaan mengutamakan mutu bahasa dalam semua keadaan.

2.3.5 Bahasa Berita

Mutu bahasa merupakan elemen yang penting dalam penulisan berita. Editor berita harus menggunakan bahasa yang betul agar pendengar mudah memahami maklumat yang disampaikan. Menurut Sakthi Vel, S. (2002:248), berita Tamil yang disiarkan atau diterbitkan menerusi media massa elektronik dan cetak menggunakan bahasa standard.

Contoh berita Tamil yang bersifat standard adalah seperti yang berikut :

“taRpoLutu 2,060 pe:r tuyarttudaippu maiyangkaḷil adaikalam Na:diyullanar”
(Kini, seramai 2,060 orang berada di pusat pemulihan banjir)

Mohana Dass, R. (2003:18) dan Karthigesu, R. (2009:155) yang mengkaji bahasa media massa Tamil juga mengakui bahawa bahasa penulisan yang standard digunakan dalam berita Tamil di Malaysia.

Tiga jenis kala digunakan dalam penulisan Tamil, iaitu kala lepas, kala kini dan kala masa hadapan. Kala lepas menunjukkan sesuatu kejadian telahpun berlaku. Kala kini merujuk kepada sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Manakala kala masa hadapan menggambarkan sesuatu yang akan berlaku.

Berita Tamil dalam radio dan televisyen menggunakan ketiga-tiga kala. Manakala berita Tamil dalam akhbar dan majalah menggunakan dua kala sahaja, iaitu kala lepas dan kala masa hadapan. Lazimnya, kala kini digunakan dalam berita Tamil media massa elektronik terutamanya dalam siaran langsung dan berita sukan. Kala masa hadapan digunakan dalam kedua-dua media massa elektronik dan cetak khasnya bagi berita pelan kerajaan, isu politik dan keputusan mahkamah. Berikut adalah contoh imbuhan sisipan yang digunakan dalam berita Tamil bagi menunjukkan kala (Paranthamanar, A. K., 1984:217-218) :

a. Kala lepas : Sisipan {-t}, {-d}, {-R} dan {-in}

[cey] (buat) + [t] (sisipan) + [a:r] (akhiran) > [ceyta:r] (membuat)

b. Kala kini : Sisipan {-kiRu}, {-kinRu} dan {-a:NinRu}

[vaLangku] (beri) + [kiRu] (sisipan) + [atu] (akhiran) > [vaLangkukiRatu] (memberi)

c. Kala masa hadapan : Sisipan {-p}, {-v}, {-k} dan {Ø}

[kalaNtuko] (serta) + [v] (sisipan) + [a:r] (akhiran) > [kalaNtuko]va:r] (menyertai)

Karthigesu, R. (2009:154) menyatakan kebanyakan berita Tamil menggunakan kala lepas.

Manakala Agee, W. K. *et al.* (1983:50) menyarankan kala kini (*lively verb*) harus digunakan dalam berita Inggeris bagi mewujudkan perasaan ‘*sedang berlaku*’.

Seterusnya, Sakthi Vel, S. (2002:251-253) menjelaskan tentang penggunaan bentuk bahasa yang baru dalam berita akhbar Tamil seperti yang berikut :

a. Berita Tamil banyak membentuk kata-kata baru. Contohnya, [pa:rvaia_lar tinam] (hari terbuka) dan [Nirappup padivam] (borang pengisian).

b. Dua atau lebih perkataan digabungkan bagi membentuk kata majmuk. Contohnya,

[uyir] + [cittiram] > [uyirccittiram] (animasi)

[kadan] + [paRRu] + [attai] > [kadan paRRu attai] (kad kredit)

c. Banyak perkataan dibentuk dalam berita Tamil dengan menambahkan imbuhan akhiran kepada kata nama atau kata dasar. Contohnya,

[ilakkam] + [iya_l] > [ilakkaviya_l] (pendigitalan)

[a:dc_i] + [a:_lar] > [a:dc_iya:_lar] (pentadbir)

d. Dua perkataan Tamil digabungkan untuk mengungkapkan makna baru. Contohnya,

[*madi*] + [*kanini*] > [*madikanini*] (komputer riba)

[*u:kkuvippu*] + [*tokai*] > [*u:kkuvipput tokai*] (elaun)

e. Perkataan bahasa Inggeris diterjemah langsung kepada bahasa Tamil. Contohnya,

[*smart consumer*] > [*vive:kap payani:tta:lar*] (pengguna bijak)

[*round table talk*] > [*vatta me:cai kalaNturaiya:dal*] (perbincangan meja bulat)

f. Kata-kata dalam bahasa Inggeris ditransliterasi berdasarkan struktur bahasa Tamil.

Contohnya, [*po:li:s*] (polis), [*pila:stik*] (plastik) dan [*ka:mera:*] (kamera).

g. Proses transliterasi menyebabkan bunyi konsonan menjadi pendek (*meymmayakkam*).

Contohnya, [*ke:ptan*] (kapten), [*petro:l*] (petrol) dan [*helikaptar*] (helikopter).

h. Perkataan daripada dua bahasa, iaitu bahasa Tamil dengan bahasa asing dicampurkan.

Contohnya,

[*minca:ram*] (bahasa Tamil) + [*ka:r*] (bahasa Inggeris) > [*minca:rak ka:r*]

[*po:li:s*] (bahasa Inggeris) + [*ca:vadi*] (bahasa Tamil) > [*po:li:s ca:vadi*]

i. Perkataan bahasa asing yang berakhir dengan konsonan /k/, /c/, /d/, /t/ dan /p/ (*vallinam*)

ditambah dengan imbuhan akhiran /u/. Contohnya,

[*tikket*] > [*tikkettu*] (tiket)

[*ko:rt*] > [*ko:rttu*] (kot)

j. Kata nama jantina lelaki ditukar kepada jantina perempuan dan kata nama jantina perempuan ditukar kepada jantina lelaki. Contohnya,

[*ilainjan*] > [*ilainji*] (pemuda > pemudi)

[*vipaca:ri*] > [*vipaca:rar*] (pelacur perempuan > pelacur lelaki)

k. Konsonan bahasa Sanskrit /s/ (ஸ) diubah kepada konsonan bahasa Tamil /c/ (ச). Contohnya, [*patta:s*] ditulis sebagai [*patta:cu*] (mercun).

l. Konsonan Sanskrit /j/ (ஜ) diubah kepada konsonan Tamil /c/ (ச) dalam berita kecuali nama orang. Contohnya, [*Ra:je:Ntiran*] (Rajendran) dan [*Te:vara:jan*] (Thevarajan).

Karthigesu, R. (2009:161-162) menegaskan penggunaan konsonan Sanskrit dapat diganti dengan konsonan Tamil bagi perkataan tertentu sahaja. Konsonan Sanskrit membantu sebutan Tamil, maka ia tidak harus dipandang asing. Selanjutnya, beberapa ciri bahasa lain yang digunakan dalam berita Tamil turut dibincangkan. Antaranya ialah,

a. Kata hubung banyak digunakan untuk menunjukkan kesinambungan antara isi berita. Contohnya, [*itanidaiye:*], [*atai todarNtu*], [*iruppinum*], [*ato:du*], [*me:lum*], [*eninum*], [*pinnar*] dan [*atanai aduttu*].

b. Penggunaan istilah khusus sesuatu bidang terutamanya istilah sains dan teknologi. Contohnya, [*pacumait toLilNuṭpam*] dan [*manita iyaNtiram*].

c. Perkataan yang menaikkan semangat banyak digunakan dalam berita sukan. Contohnya, [paravacam], [atircci], [apa:ram], [ati:tam] dan [ative:kam].

d. Editor membentuk pelbagai kata bagi merujuk makna yang sama. Contohnya,

- i. [inaiyap pative:du] dan [valaippative:du] digunakan bagi merujuk *blog*.
- ii. [pe:RukuRaiNto:r] dan [ma:RRut tiRana:li] dibentuk untuk merujuk orang kurang upaya.

e. Kebanyakan perkataan baru yang dibentuk ialah kata nama. Contohnya, [pe:rangka:di] (pasar raya) dan [poru_lakam] (bank).

f. Kata nama khas seperti jawatan menteri dan ahli politik, nama universiti, nama agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta nama mahkamah kerap digunakan dalam berita Tamil. Contohnya,

[kalvi amaiccar] (Menteri Pelajaran)

[talaimaic ceyala:lar] (Setiausaha Agung)

[Mala:ya:p palkalaikkaLakam] (Universiti Malaya)

[u:Lal taduppu a:naiyam] (Badan Pencegah Rasuah)

[toLiliyal Ni:timanRam] (Mahkamah Perusahaan)

g. Perkataaan bersifat antarabangsa ditransliterasi mengikut struktur bahasa Tamil seperti nama negara, nama negeri, nama bulan, nama ukuran dan nama mata wang. Contohnya, [a:stire:liya:] (Australia), [pipravari] (Februari), [littar] (liter) dan [da:lar] (dolar).

h. Pembentukan kata-kata baru dipengaruhi oleh budaya masyarakat majmuk, iaitu budaya Melayu, Cina, India dan lain-lain. Contohnya, [ka:kita vilakku] (tanglung) dan [pana anpalippu] (ang pau).

Ciri bahasa berita yang dibincangkan di atas adalah pada peringkat kata. Seterusnya, ciri bahasa berita pada peringkat frasa akan dibincangkan. Menurut Sakthi Vel, S. (2002:252-253), penulis berita mengubah struktur frasa seperti subjek, predikat dan objek. Ini adalah untuk memudahkan laras bahasa berita agar pembaca atau pendengar tidak keliru. Ciri-ciri pemudahan (*simplification*) dalam frasa yang dinyatakan oleh beliau ialah :

a. Penggunaan peraturan morfofonemik dielakkan. Contohnya,

[toLila:larka^lidaiye:] > [toLila:larka^l idaiye:] (dalam kalangan pekerja)
 [mudiveduttanar] > [mudivu eduttanar] (membuat keputusan)

b. Kata kerja bantuan (*tunai vinai*) dieja secara terpisah. Contohnya,

[eRpaduttappattatu] > [eRpaduttap pattatu] (disediakan)
 [cevimadukkappadum] > [cevimadukkap padum] (akan didengar)

c. Perkataan yang lebih ringkas digunakan. Contohnya,

[to:RRuvippataRka:ka] > [to:RRuvikka] (diperkenalkan)
 [vaRpuRuttuvataRka:ka] > [vaRpuRutta] (didesak)

d. Ayat-ayat mudah dibina dalam penulisan berita. Contohnya,

“male:ciyarka^lai Na:ttiRku aLaittu varuvatil ta:matam eRpattullatu”
 (Kelambatan berlaku dalam proses membawa orang Malaysia ke negara)

Dari segi tatabahasa, bahasa berita juga didapati mempunyai beberapa kesalahan. Seeni Naina Muhammad, S. (2011:22-25) dalam majalah *Ungal Kural* mengemukakan kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh penulis berita akhbar Tamil. Antara kesalahan yang dinyatakan oleh beliau ialah kesalahan bilangan (*orumai-panmai*), kesalahan morfofonemik (*valimikutal*) dan ketidaktepatan kata.

Selain itu, Paranthamanar, A. K. (1984:522-529), Muthurasan, K. (2001:262-278) dan Poovannan (2003:46) menjelaskan kesalahan bahasa seperti */orul/*, */o:r/* dan imbuhan kasus serta kesalahan ejaan */r/*, */R/*, */n/*, */n̄/*, */N/*, */l/*, */l̄/* dan */L/* turut berlaku dalam penulisan berita. Namun, secara keseluruhannya kebanyakan penulis berita Tamil mematuhi peraturan tatabahasa (Karthigesu, R., 2009:165).

Mohd. Safar Hasim (1986:36-45) mengkaji bahasa berita dalam radio Melayu. Beliau menyarankan perkataan yang digunakan dalam percakapan seharian harus dipraktikkan dalam penulisan berita. Rajan, M. (2009:187) turut menyokong pendapat Mohd. Safar Hasim bahawa penggunaan kata-kata yang sedia ada dalam bahasa lebih digalakkan berbanding pembentukan kata-kata baru. Tambahan pula, kata-kata mudah harus digunakan (Agee, W. K. *et al.*, 1983:50). Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002:26-34) menyatakan penggunaan kata yang biasa, tunggal, pendek dan istilah umum digalakkan dalam penulisan berita. Contohnya,

- a. Kata biasa : Bandar lebih sesuai dari kota
- b. Kata tunggal : Sarapan memadai berbanding sarapan pagi;
- c. Kata pendek : Gagal memadai berbanding tidak berjaya;
- d. Istilah umum : Kereta lebih sesuai dari kenderaan.

Noraini Mohamad (1995:82) turut menegaskan bahawa pemilihan kata yang tidak tepat dalam sesuatu berita dapat mengelirukan dan mempengaruhi interpretasi makna oleh seseorang pendengar. Di samping itu, Mohd. Safar Hasim (1986:36-45) juga menyarankan bahawa ayat berita hendaklah menunjukkan perbuatan masa sekarang dan bukannya perbuatan yang sudah berlaku. Contohnya, “*Perdana Menteri menyatakan ekonomi negara sedang berkembang*”. Tambah beliau lagi, bahasa berita haruslah tidak terlalu formal kerana ia mampu membosankan pendengar.

Seterusnya, ayat dan perenggan yang digunakan dalam berita haruslah pendek dan padat agar pendengar dapat memahami berita dengan mudah. Manakala ejaan dan tanda bacaan yang betul dapat membantu penyampaian berita (Agee, W. K. *et al.*, 1983:50; Mohd. Safar Hasim, 1986:36-45; Md. Nor Abdul Ghani, & Md. Sharit Bharuddin, 1989:71-84).

Selain itu, Md. Nor Abdul Ghani dan Md. Sharit Bharuddin (1989:71-84) yang mengkaji bahasa berita dalam akhbar Melayu menyarankan beberapa ciri bahasa berita lain seperti :

- i. Menggunakan huruf besar bagi kata nama khas;
- ii. Menggunakan singkatan yang diketahui umum seperti *En, Pn, Dr, Prof* dan *PDRM*;
- iii. Gunakan gelaran yang betul seperti *Cik, Dr, Tan Sri, Dato’* dan *Datin*;
- iv. Penggunaan angka yang tepat seperti *8.00 malam, RM 23.00* dan *abad kesepuluh*.

Selanjutnya, Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002:26-34) dan Agee, W. K. *et al.* (1983:50) menyatakan beberapa ciri bahasa berita Melayu dari segi ayat dan kesalahan umum bahasa. Dari segi pembinaan ayat pula, kata kerja aktif harus digunakan berbanding kata kerja pasif. Contohnya, ‘*Ali membaca akhbar*’ (ayat aktif) dan ‘*Akhbar dibaca oleh*

Ali' (ayat pasif). Seterusnya, kesalahan umum bahasa yang kerap dilakukan dalam penulisan berita ialah ejaan dan imbuhan (Sulaiman Masri, & Razali Ayob, 2002:26-34; Romli, A. S. M., 2007).

Tambahan pula, Romli, A. S. M. (2007) menjelaskan bahasa yang digunakan dalam berita radio Melayu hendaklah ringkas, jelas, sederhana dan mudah difahami. Justeru itu, ciri-ciri bahasa seperti penekanan terhadap kata-kata yang penting seperti nama atau istilah khusus, pembulatan angka-angka dan pengucapan kata yang jelas perlu dititikberatkan dalam penulisan berita.

Sulaiman Masri (1990:104) menyatakan bahasa standard yang digunakan dalam berita dapat membantu pendengar bagi memperbaiki dan meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Berdasarkan perbincangan bahasa berita di atas, didapati ciri bahasa yang dititikberatkan ialah kata. Perkataan dibentuk berdasarkan cantuman morfem. Bidang yang mengkaji morfem dan kata disebut sebagai morfologi. Justeru itu, pengkaji membincangkan disiplin morfologi berserta dengan morfem dan kata secara terperinci.

2.4 Morfologi

The new Webster's dictionary (1993:240) menakrifkan linguistik (*moLiyiyal*) sebagai “*the scientific study of language*”. Berdasarkan definisi di atas, linguistik ialah kajian saintifik tentang bahasa. Linguistik terbahagi kepada lima disiplin utama, iaitu fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Morfologi (*urupaniyal*) ialah bidang yang mengkaji pembentukan kata. Nida, E. A. (1949:1) menakrifkan morfologi sebagai kajian tentang morfem dan peraturan-peraturan pembentukan kata. Pitsamai Intarachat (1987:28) menjelaskan penghuraian morfologi melibatkan dua unit utama, iaitu morfem dan kata. Morfem dan kata berbeza dari segi fungsi dan konsep.

2.4.1 Morfem

Istilah morfem (*morpheme*) berasal dari bahasa Greek, iaitu “*morphe*” yang membawa makna ‘*bentuk*’. Nida, E. A. (1949:6) menyatakan morfem ialah unit-unit minimum yang bermakna, iaitu disebut sebagai “*the minimal units of meaning*”. Selain itu, morfem juga merujuk kepada unsur terkecil yang bermakna secara tersendiri dalam sesuatu bahasa (Hockett, C. F., 1970:123).

Morfem turut diertikan sebagai unsur terkecil yang bermakna dan membentuk kata atau bahagian kata (Innasi, S., 1976:10). Tambahan pula, morfem ditakrifkan sebagai “*satu unit bahasa terkecil yang maknanya secara relatif stabil dan yang tidak dapat dibahagi kepada bahagian bermakna yang lebih kecil*” (Kridalaksana, H., 1982:110). Pitsamai Intarachat (1987:28) pula mendefinisikan morfem sebagai “*unit tatabahasa yang terkecil dalam kata dan bermakna*”. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1993:43), morfem ialah “*unit yang terkecil dalam bahasa yang berfungsi gramatis atau yang menjalankan tugas nahu*”.

*“the smallest unit of language that has its own meaning, either a word
or a part of a word”*

(Cambridge advanced learner's dictionary, 2003:807)

Takrifan di atas menjelaskan morfem adalah unit terkecil dalam bahasa yang mempunyai makna tersendiri sama ada kata atau sebahagian kata. Menurut Pedoman umum

pembentukan istilah bahasa Melayu (2004:1), morfem merujuk kepada “*unit atau unsur kecil dalam bahasa yang mengandung makna atau fungsi nahu*”. Selanjutnya, Kamus Dewan (2005:1043) menakrifkan morfem sebagai “*satuan terkecil dalam bahasa yang mempunyai erti atau fungsi tertentu*”. Selain itu, morfem (*urupan*) juga diertikan sebagai kata atau bahagian kata yang tidak boleh dipisahkan dari segi makna (*Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti*, 2008:208). Pada umumnya, morfem dapat disimpulkan sebagai unit terkecil dalam bahasa yang mempunyai makna dan fungsi nahu.

Morfem dilambangkan dengan tanda kurungan { } (Pitsamai Intarachat, 1987:28). Nida, E. A. (1949:7) menyarankan enam prinsip bagi mengenal pasti morfem dalam bukunya *Morphology: the descriptive analysis of words*. Beliau mengelaskan morfem kepada dua, iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas (*free morpheme*) adalah morfem yang dapat wujud bersendirian sebagai satu kata (Nida, E. A., 1949:81). Contohnya,

Bahasa Inggeris	: { <i>boy</i> } dan { <i>do</i> }
Bahasa Melayu	: { <i>buku</i> } dan { <i>tulis</i> }
Bahasa Tamil	: { <i>puRa:</i> } dan { <i>po:</i> }

Manakala morfem terikat (*bound morpheme*) adalah morfem yang tidak dapat wujud bersendirian tetapi mesti wujud bersama dengan satu bentuk morfem lain atau lebih (Nida, E. A., 1949:81). Morfem-morfem terikat yang bergabung dengan morfem bebas disebut imbuhan. Imbuhan terdiri daripada imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dapat menerima keempat-empat jenis imbuhan. Sebaliknya, bahasa Tamil hanya menerima imbuhan akhiran dan sisipan. Contohnya,

Bahasa Inggeris	: <i>impossible</i> { <i>im-</i> }, <i>childish</i> {- <i>ish</i> }, <i>cupsful</i> {- <i>s</i> }, dan <i>uncountable</i> { <i>un-...-able</i> }
Bahasa Melayu	: <i>membaca</i> { <i>mem-</i> }, <i>akui</i> {- <i>i</i> }, <i>telunjuk</i> {- <i>el</i> } dan <i>membaiki</i> { <i>mem-...-i</i> }
Bahasa Tamil	: <i>ceyta:n</i> {- <i>t</i> } dan <i>avanai</i> {- <i>ai</i> }

Morfem terikat dapat dibahagikan kepada dua, iaitu morfem terbitan dan morfem infleksi. Morfem terbitan (*derivational morpheme*) ialah morfem terikat yang mengubah makna atau kategori leksikal sesuatu kata (Rowe, B. M., & Levine, D. P., 2009:91). Contohnya, penambahan morfem terikat {*un-*} kepada morfem bebas {*fair*} membentuk kata [*unfair*] dan menyebabkan makna kata berubah dari ‘*adil*’ kepada ‘*tidak adil*’.

Manakala morfem infleksi (*inflectional morpheme*) pula merujuk kepada morfem terikat yang mengubah fungsi tatabahasa (Rowe, B. M., & Levine, D. P., 2009:91). Contoh morfem bebas ‘*kertas*’ diubah kepada ‘*kertas-kertas*’. Contoh ini menunjukkan makna dan kategori leksikal kekal sama dan hanya fungsi tatabahasa berubah, iaitu dari segi bilangan.

2.4.1.1 Alomorf

Alomorf (*allomorph*) ialah “*a set of morphs representing a particular morpheme*” (Bauer, L., 1983:16). Menurut beliau, alomorf ialah satu set morf yang mewakili morfem tertentu. Alomorf membawa makna yang sama untuk bentuk fonetik berbeza (Rowe, B. M., & Levine, D. P., 2009:93). Sesuatu morfem sekurang-kurangnya mempunyai satu alomorf (Asmah Omar, 1993:7). Lazimnya, alomorf (*ma:RRurupan*) dilambangkan dengan kurungan // . Sesuatu alomorf mestilah mempunyai ciri-ciri seperti ciri fonologi, fungsi dan

makna yang sama (Asmah Omar, 1993:11). Variasi alomorf dapat dilihat dengan jelas melalui peraturan morfofonemik (Pitsamai Intarachat, 1987:28-29).

Contoh alomorf bahasa Inggeris seperti /*de-l*/, /*dis-l*/, /*lim-l*/, /*lin-l*/, /*lir-l*/, /*l-lessl*/, /*l-misl*/, /*non-l*/ dan /*un-l*/ masing-masing membawa maksud yang sama, iaitu bersifat '*negatif*'. Dalam bahasa Melayu pula, imbuhan awalan /*meN-*/ mempunyai enam set alomorf, iaitu /*me-*/, /*mem-*/, /*men-*/, /*meng-*/, /*meny-*/, dan /*menge-*/ bagi membentuk kata kerja terbitan.

Karunakaran, K. dan Jeya, V. (1997:62) menyatakan alomorf terhasil apabila morfem-morfem yang mempunyai maksud yang sama digabungkan di bawah satu morfem. Dalam bahasa Tamil, terdapat dua alomorf bagi merujuk kata ganti nama pertama-tunggal, iaitu *Na:n* (saya) dan *en* (saya). Kedua-duanya berfungsi sebagai subjek dalam ayat. Berikut adalah beberapa contoh alomorf yang terdapat dalam bahasa Tamil :

Jadual 2.4 : Set-set Alomorf dalam Bahasa Tamil

<i>ka:r</i>	<i>karu</i>	<i>karum</i>	<i>kariya</i>	<i>karumai</i>	(kehitaman)
<i>mel / men</i>	-	-	<i>melliya</i>	<i>menmai</i>	(kehalusan)
<i>Nal / Nan</i>	-	-	<i>Nalla</i>	<i>Nanmai</i>	(kebaikan)
<i>e:L</i>	<i>eLu</i>	-	-	<i>e:Lu</i>	(tujuh)
<i>ten</i>	-	-	-	<i>teRku</i>	(selatan)

Jadual 2.4 memaparkan set-set alomorf bagi suatu morfem dan membawa maksud yang sama dalam bahasa Tamil. Contoh di atas membuktikan bahawa sesuatu morfem mempunyai sekurang-kurangnya satu alomorf.

2.4.2 Kata

Kata (*word*) didefinisikan sebagai segmen terkecil dalam pertuturan dan boleh digunakan secara bersendirian (Stageberg, N. C., 1981:115). Selain itu, kata juga merujuk kepada “*morfem atau gabungan morfem yang terkecil dan diujarkan sebagai bentuk bebas*” (Kridalaksana, H., 1982:76). Abdullah Hassan (1993:73) pula menakrifkan kata sebagai “*suatu rentetan bunyi yang diucapkan atau ditulis dan mengandungi makna*”. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1993:46), kata ialah “*satu unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna, yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa bentuk bunyi bahasa*”.

“a single unit of language which has meaning and can be spoken or written”

(Cambridge advanced learner's dictionary, 2003:1471)

Definisi di atas menyatakan kata merujuk kepada unit tunggal dalam bahasa yang mengandungi makna dan boleh ditutur dan ditulis. Menurut Kamus Dewan (2005:684), kata membawa makna “*gabungan atau kesatuan bunyi yang mengandungi atau menyampaikan pengertian tertentu*”. Selain itu, teks tatabahasa terawal *tolka:ppiyam* menyatakan kata (*col*) ialah “*ella:c collum porulkuRit tanave:*” (Ramasubramaniam, V. T., 2008:162). Ia bererti semua kata membawa makna tertentu.

Seterusnya, kamus bahasa Tamil, iaitu *Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti* (2008:646) menakrifkan kata sebagai bunyi atau huruf atau gabungan bunyi atau gabungan huruf yang mengandungi makna tertentu. Berdasarkan definisi-definisi yang diberikan oleh ahli linguistik tempatan dan luar negara, kata dapat dirumuskan sebagai bunyi atau cantuman bunyi yang membawa makna dan boleh disebut dan ditulis.

Perkataan dalam bahasa Tamil terdiri daripada dua bentuk, iaitu kata akar dan kata dasar. Kata akar (*root word*) ialah “kata yang terdiri daripada satu morfem bebas sahaja” (Asmah Omar, 1993:14). Manakala kata dasar (*base word*) terbentuk apabila kata akar ditambah dengan imbuhan atau kata (Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N., 1974:81-82). Contoh kata akar dan kata dasar adalah seperti yang berikut :

- i. [ce:vai] (kata akar) + [a:lar] (imbuhan) > [ce:vaiya:lar] (kata dasar)
- ii. [kai] (kata akar) + [ra:ci] (kata akar) > [kaira:ci] (kata dasar)

2.4.2.1 Golongan Kata

Golongan kata ialah “proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama” (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:43). Para sarjana menggunakan tiga kriteria untuk mengelaskan golongan kata, iaitu kriteria semantik, sintaksis dan morfologi (Abdullah Hassan, 2005:106). Plato merupakan pelopor kepada penggolongan kata. Beliau mengelaskan kata dalam bahasa Greek kepada dua, iaitu kata nama dan kata kerja. Diikuti dengan sarjana Yunani Aristotle yang menjelaskan golongan kata memainkan peranan penting dalam ayat (Agesthialingom, S., 1979:62). Oleh yang demikian, boleh dikatakan semua bahasa mempunyai golongan kata dan dapat melihat persamaan antara golongan-golongan kata ini.

Golongan kata dalam bahasa Inggeris terbahagi kepada lapan (*parts of speech*) mengikut klasifikasi tradisional (Huddleston, R., 1984:90). Fromkin, V. *et al.* (1974:74) pula menggolongkan kata-kata ini dalam dua kelas, iaitu kelas terbuka (*open class*) dan kelas tertutup (*closed class*). Kelas terbuka terdiri daripada kata nama (*noun*), kata kerja (*verb*),

kata adjektif (*adjective*) dan kata adverba (*adverb*). Manakala kata ganti nama (*pronoun*), kata sendi (*preposition*), kata hubung (*conjunction*) dan kata seru (*interjection*) dikategorikan di bawah kelas tertutup (Huddleston, R., 1984:120). Greenbaum, S. (1996:90) pula mengelaskan kata bantu (*auxiliary*), kata tunjuk (*determiner*) dan kata bilangan (*numeral*) dalam kelas tertutup.

Menurut Abdullah Hassan (2005:112-113), usaha awal menggolongkan perkataan bahasa Melayu dilakukan oleh Marsden (1812), Winstedt (1927) dan Zainal' Abidin Ahmad (1947). Kini, Tatabahasa Dewan berfungsi sebagai tatabahasa pegangan bagi bahasa Melayu. Ia menggolongkan perkataan bahasa Melayu kepada empat, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Sebanyak 16 jenis golongan kata kecil terkandung dalam kata tugas, iaitu kata hubung, kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pangkal ayat, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemerli, kata sendi nama, kata membenar, kata bilangan, kata arah, kata pembenda dan kata penekan (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:85-94).

Selain itu, perkataan bahasa Melayu juga dapat dikelaskan kepada empat bentuk, iaitu kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:47-55). Abdullah Hassan (2005:107) berpendapat kata adverba harus dimasukkan dalam golongan kata, khasnya dalam tatabahasa pedagogi.

Golongan kata dalam bahasa Tamil kompleks berbanding bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kerana golongan kata yang disarankan oleh ahli linguistik tradisional dan moden berbeza. Tolkappiyar dalam karya tatabahasa terawal yang dikenali sebagai *tolka:ppiyam*, menggolongkan kata Tamil kepada empat, iaitu kata nama, kata kerja, kata tugas dan kata

sifat (Ramasubramaniam, V. T., 2008:165). Baris ke-158 dan 159 dalam karya beliau menjelaskan golongan kata seperti yang berikut :

“*collenap padupa peyare: vinaienRu a:yirandu enpa aRiNtici no:re:*”
“*idaiccol kilaviyum uriccol kilaviyum avaRRuvaLi marungkil to:nRum enpa*”

(Ramasubramaniam, V. T., 2008:165)

i. **Kata Nama (*peyarccol*)**

Dalam bahasa Tamil, kata nama merujuk kepada nama sesuatu benda. Kata nama menerima kasus (*ve:RRumai*) serta menunjukkan kelas (*tinai*), gender (*pa:l*), bilangan (*en*) dan tempat (*idam*). Namun, ia tidak dapat menunjukkan masa (Agesthialingom, S., 2002:70).

Menurut Paranthamanar, A. K. (1984:81-82), kata nama dibahagikan kepada enam jenis berdasarkan makna, iaitu kata benda (*porul*), kata tempat (*idam*), kata masa (*ka:lam*), kata bahagian (*cinai*), kata sifat (*panpu*) dan kata perbuatan (*toLil*). Contohnya,

- i. Benda : *iRaivan* (Tuhan), *puli* (harimau) dan *puttakam* (buku)
- ii. Tempat : *palli* (sekolah), *ko:vil* (kuil) dan *Na:du* (negara)
- iii. Masa : *ka:lai* (pagi), *Nodi* (saat) dan *iravu* (malam)
- iv. Bahagian : *va:l* (ekor), *pu:* (bunga) dan *cakkaram* (roda)
- v. Sifat : *aLaku* (cantik), *civappu* (merah) dan *venmai* (putih)
- vi. Perbuatan : *o:ttam* (larian), *varukai* (ketibaan) dan *a:dal* (tarian)

ii. Kata Kerja (*vinaiccol*)

Kata kerja pula merujuk kepada sesuatu perbuatan. Kata ini menerima sisipan masa (*ka:la idaiNilai*) bagi menunjukkan kala lepas, kini dan masa hadapan. Namun, ia tidak menerima kasus (Nuhman, M. A., 1993:84-85). Terdapat dua jenis kata kerja, iaitu *teriNilai vinai* (*finite verb*) dan *kuRippu vinai* (*symbolic verb*). *TeriNilai vinai* menunjukkan kelas (*tiṇai*), gender (*pa:l*), bilangan (*en*), tempat (*idam*) dan menunjukkan masa. Contohnya, *po:na:n* (telah pergi), *po:kiRa:n* (sedang pergi) dan *po:va:n* (akan pergi). Manakala *kuRippu vinai* memaparkan kelas dan gender sahaja. Contohnya, *ponnan*, *Nallan*, *kariyan* dan *periyān* (Paramasivam, S., 2000:272-273).

iii. Kata Tugas (*idaiccol*)

Kata tugas tidak hadir secara bersendirian. Ia bersandar kepada kata nama atau kata kerja untuk memberi maksud. Lazimnya, kata tugas hadir di depan, tengah atau akhir sesuatu kata nama atau kata kerja (Mohana Dass, R., 2005:123). Menurut Paramasivam, S. (2000:342), kata tugas terdiri daripada kasus (*ve:RRumai urupu*), akhiran gender (*pa:l vikuti*), sisipan masa (*ka:la idaiNilai*), sisipan (*ca:riyai*), huruf tanya (*vina:veLuttu*), huruf penunjuk (*cuttu eLuttu*), morfem perbandingan (*uvamai urupu*) dan kata puisi (*acaic col*).

Dalam bahasa Tamil moden, kata hubung (*inaippa:n*) juga dikelaskan sebagai kata tugas (Kothandaraman, P., 2002:121). Contoh kata tugas ialah *-ai*, *-an*, *-kiRu*, *-attu*, *-o:*, *u-*, *po:la*, *amma* dan *a:kave:*. Oleh kerana kata tugas bersifat kompleks dan pelbagai, ia sukar dikategorikan sama seperti bahasa-bahasa lain.

iv. **Kata Sifat (*uriccol*)**

Kata sifat digunakan untuk meninggikan tahap atau kualiti atau kuantiti sesuatu kata nama atau kata kerja. Contoh kata sifat ialah *ca:la*, *uRu*, *tava*, *Nani*, *ku:r*, *kadi* dan *kaLi*. Kebanyakan kata sifat digunakan dalam puisi (Paranthamanar, A. K., 1984:134).

Seterusnya, teks tatabahasa *Nannu:l* yang ditulis oleh Nannular (Pavananthi Munivar) mengkategorikan perkataan bahasa Tamil kepada sepuluh, iaitu kata nama umum (*peyariyaRcol*), kata nama klasik (*peyarttiricol*), kata kerja umum (*vinaiyiyaRcol*), kata kerja klasik (*vinaittiricol*), kata tugas umum (*idaiyiyaRcol*), kata tugas klasik (*idaittiricol*), kata sifat umum (*uriyiyaRcol*), kata sifat klasik (*urittiricol*), kata pinjaman (*ticaiccol*) dan kata Sanskrit (*vadacol*) (Puliyurkkesigan, 2002:20-21). Pembahagian golongan kata ini dihuraikan melalui baris-baris yang berikut :

“*iyaRcoR Ririco liyalpiR peyarvinai*
enaviraṇ da:ku midaiyuri yaduttu
Na:nku ma:Nticai vadacolaṇu ka:vaLi”

(Puliyurkkesigan, 2002:20-21)

Mengikut ahli linguistik moden pula, kata penerang (*adai*) dikategorikan sebagai salah satu golongan kata dalam bahasa Tamil (Agesthalingom, S., 1979:66). Kata penerang merujuk kepada kata yang menjelaskan sifat sesuatu kata. Ia terbahagi kepada dua, iaitu kata adjektif (*peyaradai*) dan kata adverba (*vinaiyadai*).

v. **Kata Adjektif (*peyaradai*)**

Kata adjektif menjelaskan sifat kata nama. Ia terbahagi kepada dua, iaitu kata adjektif tunggal (*tanip peyaradai*) dan kata adjektif majmuk (*kuttup peyaradai*). Contoh kata

adjektif tunggal ialah *Nalla*, *putiya*, *iniya* dan *uyarNta*. Manakala kata adjektif majmuk hadir bersama morfem terikat seperti *a:na*, *ulla*, *udaiya*, *miku*, *mikka*, *mikuNta*, *aRRa*, *patta*, *a:rNta* dan *kattiya* (Mohana Dass, R., 2005:86-87). Contoh perkataan ialah *aLaka:na*, *ciRappulla*, *panpudaiya*, *cuvaimiku*, *inimaimikka*, *irulmikuNta*, *celvamaRRa*, *onRupatta*, *aRiva:rNta* dan *meRkattiya*.

vi. **Kata Adverba (*vinaiyadai*)**

Selanjutnya, kata adverba menghuraikan sifat kata kerja. Ia juga terdiri daripada dua jenis, iaitu kata adverba tunggal (*tani vinaiyadai*) dan kata adverba majmuk (*kuttu vinaiyadai*). Contoh kata adverba tunggal adalah *mella*, *Na:lai*, *mi:ndum* dan *adikkadi*. Manakala kata adverba majmuk menerima morfem terikat seperti *a:ka*, *a:y*, *enRu* dan *ena*. Contohnya, *ve:kama:ka*, *cuRucuRuppa:y*, *tidi:renRu* dan *padapadavena*. Kata adverba dapat menjelaskan masa, tempat, cara, kesinambungan masa dan ukuran (Rajendran, S., 2004:194).

Kedua-dua kata adjektif dan kata adverba juga hadir secara berganda. Contohnya, *putiyaputiya*, *aLakaLaka:na* dan *cinnaccinnata:ka*. Dengan ini, golongan kata dalam bahasa Tamil moden dapat dibahagikan kepada lima, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata adverba dan kata tugas (Nuhman, M. A., 1993:39; Agesthialingom, S., 2002:69; Kothandaraman, P., 2002:24). Seterusnya, pengkaji membincangkan pembentukan kata secara terperinci.

2.5 Pembentukan Kata

Pembentukan kata (*word-formation*) ialah penambahan imbuhan kepada kata akar dan penggabungan dua atau lebih perkataan membentuk kata majmuk (Kothandaraman, P., 1973:87). Kridalaksana, H. (1982:123) pula mendefinisikan pembentukan kata sebagai “*konsep umum yang mencakupi infleksi, derivasi, afiksasi, reduplikasi dan penggabungan morfem dasar*”.

Menurut Amat Juhari Moain (1992:136), pembentukan kata merupakan “*satu proses tentang cara bagaimana sesuatu kata itu dicipta, dibentuk atau diwujudkan dalam sesuatu bahasa*”. Hashim Musa (1993:119) pula menyatakan pembentukan kata adalah “*cara bagaimana unsur bagi perkataan, iaitu morfem digandingkan, disusun dan diperingkatkan antara satu sama lain*”. Pembentukan kata merujuk kepada “*proses penyusunan morfem menurut peraturan sistem morfologi sesuatu bahasa*” (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:44).

Seterusnya, Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:158) menjelaskan pembentukan kata (*colla:kkam*) sebagai proses membentuk kata-kata baru dengan meminjam atau mentransliterasikan perkataan bahasa asing bagi perkataan yang belum ada dalam sesuatu bahasa. Siti Hajar Abdul Aziz (1996:40) dalam bukunya ‘*Tatabahasa bahasa Melayu*’ mendefinisikan pembentukan kata sebagai “*cara bagaimana sesuatu kata dibentuk sehingga dapat mewujudkan sesuatu bahasa*”.

Menurut Plago, I. (2003:13), pembentukan kata membawa makna bahawa cara bagaimana perkataan baru yang kompleks dibentuk berdasarkan perkataan atau morfem lain. Selain

itu, pembentukan kata juga diertikan sebagai proses membentuk kata-kata baru bagi mengungkapkan konsep baru (*Kriya:vin taRka:lat TamiL akara:ti*, 2008:646).

Di samping itu, pembentukan kata turut merujuk kepada proses membentuk kata dengan menggunakan perkataan yang sedia ada dalam bahasa atau dengan membentuk kata baru atau meminjam kata dari bahasa asing (Jayadevan, V., 2009:34). Maraimalai, I. (2010:523) menjelaskan pembentukan kata sebagai proses membentuk kata-kata baru dengan menggunakan perkataan yang belum ada dalam bahasa bagi merujuk konsep baru atau menggabungkan dua kata atau menambahkan imbuhan awalan atau akhiran kepada suatu perkataan. Berdasarkan definisi-definisi yang diberikan oleh ahli linguis, pembentukan kata dapat dirumuskan sebagai proses membentuk kata-kata baru bagi mengungkapkan sesuatu konsep dalam bahasa tertentu.

2.5.1 Perkaitan Bidang Pembentukan Kata


Linguistik terapan atau linguistik gunaan (*applied linguistics*) ialah salah satu bidang di bawah ilmu linguistik. Lazimnya, linguistik terapan dikaitkan dengan pengajaran bahasa dan perkamusan. Menurut Cook, G. (2003:5), pengetahuan tentang linguistik terapan membantu untuk membuat keputusan yang betul dan tepat dalam kehidupan manusia.

*“applied linguistics, the academic disciplin concerned with
the relation of knowledge about language to decision making in the real world”*

(Cook, G., 2003:5)

Menurut Kridalaksana, H. (1982:101), linguistik terapan ialah “*disiplin yang merangkumi pelbagai bidang linguistik yang memanfaatkan deskripsi, metod dan hasil penelitian linguistik untuk pelbagai keperluan praktis, iaitu pengajaran bahasa, leksikografi,*

penterjemahan dan patologi bahasa”. Pembentukan kata merupakan salah satu skop di bawah bidang linguistik terapan (Cook, G., 2003:7). Perkaitan bidang ini dapat dilihat melalui Rajah 2.1 :



Rajah 2.1 : Pengkategorian Bidang Pembentukan Kata

Bidang linguistik terapan dibahagikan kepada tiga komponen, iaitu :

- a. Bahasa dan pendidikan;
- b. Bahasa, kerja dan undang-undang;
- c. Bahasa, informasi dan kesannya.

Komponen bahasa, kerja dan undang-undang terbahagi kepada tiga subkomponen lagi, iaitu komunikasi di tempat kerja, perancangan bahasa dan linguistik forensik. Istilah perancangan bahasa diperkenalkan oleh ahli bahasa luar negara, iaitu Haugen, E. dalam usahanya merancang bahasa Norway moden. Perancangan bahasa (*language planning*) ialah “*usaha-usaha yang dijalankan untuk memupuk bahasa ke arah taraf yang lebih maju*” (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:20). Beliau juga menjelaskan bahawa sesuatu bahasa dirancang berdasarkan tiga peringkat, iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian (Nik

Safiah Karim *et al.*, 1993:20-22). Perancangan bahasa terbahagi kepada perancangan taraf dan perancangan korpus.

Perancangan status (*status planning*) melibatkan segala aktiviti yang dapat meningkatkan taraf sesuatu bahasa tersebut. Contohnya, bahasa Melayu diberikan taraf sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi di Malaysia. Manakala taraf bahasa Tamil ialah sebagai bahasa pengantar di sekolah Tamil.

Perancangan korpus (*corpus planning*) melibatkan aktiviti menyusun ejaan baru, penentuan sebutan, pembentukan kata, tatabahasa dan perkamusan bagi memurnikan bahasa. Di Malaysia, DBP bertanggungjawab untuk merancang korpus bahasa Melayu. Namun, bahasa Tamil tidak mempunyai sebuah badan khas untuk merancang korpusnya.

Pembentukan kata ialah salah satu aktiviti di bawah perancangan korpus. Pembentukan kata dalam bahasa Tamil dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Namun, usaha ini tidak bersifat menyeluruh. Ini kerana Pusat Perkembangan Kurikulum hanya membentuk konsep-konsep berkaitan pendidikan.

Lazimnya, pembentukan kata bagi sesuatu bahasa dilakukan oleh Jawatankuasa Istilah yang dilantik secara rasmi di peringkat negara. Jawatankuasa Istilah terdiri daripada pakar, ahli sains dan teknikal, orang profesional, ahli pendidik, pegawai kerajaan dan orang perseorangan yang berpengalaman dalam aktiviti peristilahan (Ismail Dahaman, 1992:1). Ahli Jawatankuasa Istilah harus mempunyai kebolehan untuk menerapkan pedoman pembentukan kata, menguasai tatabahasa dan perbendaharaan kata dengan baik serta kebolehan menterjemah yang mantap (Hassan Ahmad, 1992:10).

Jawatankuasa Istilah haruslah menetapkan sebuah pedoman pembentukan kata sebagai rujukan. Setiap proses pembentukan kata seharusnya dijalankan berdasarkan pedoman tersebut. Ainon Muhammad dan Manshoor Ahmad (1992:107) menyatakan enam prinsip asas pembentukan kata, iaitu bebas dari kekeliruan, mudah difahami, mengelakkan penggunaan kata sinonim, mengelakkan perubahan kata yang sudah mantap, ketepatan konsep, kesesuaian bentuk fonologi dan morfologi dan penerimaan pengguna bahasa. Kata-kata baru yang dibentuk oleh Jawatankuasa Istilah disebarkan melalui pelbagai cara seperti buku istilah, buku teks, akhbar, majalah, senarai istilah dan pertanyaan istilah (Ismail Dahaman, 1992:2).

2.5.2 Pemodenan

Dewasa ini, suatu proses baru banyak digunakan dalam pembentukan kata, iaitu pemodenan (*modernization*). Pemodenan (*putumaiya:kkam*) ialah konsep-konsep sains diungkapkan dengan menukarkan perkataan yang sedia ada dalam bahasa kepada perkataan baru (Sakthi Vel, S., & Rajendran, S., 1994:175). Contohnya, *karuppai* (ovari), *ottunni* (parasit) dan *tu:rikai* (berus).

Proses pemodenan ini membawa masalah-masalah seperti kegagalan mencari perkataan yang sesuai dalam bahasa asli, ketidakbolehan mengaplikasikan tatabahasa, kekurangan rujukan, perubahan istilah yang sudah mantap dan ketidakseragaman kata wujud semasa membentuk kata (Hassan Ahmad, 1992:10-11). Masalah yang paling ketara ialah ketidakseragaman dalam penggunaan kata di mana para sarjana membentuk pelbagai kata bagi merujuk konsep yang sama dan proses standardisasi dapat menangani masalah ini.

2.5.3 Standardisasi

Hampir semua bahasa menggunakan pelbagai kata bagi merujuk makna yang sama. Dalam bahasa Tamil, banyak perkataan digunakan bagi merujuk komputer, iaitu *kampiu:ttar*, *kanippoRi*, *kanippa:n*, *kanippi*, *kanani* dan *kanini*. Ketidakteraturan dalam penggunaan kata ini dapat diatasi melalui proses standardisasi. Standardisasi (*standardisation*) ialah proses memantapkan penggunaan sesuatu kata yang dibentuk oleh ahli bahasa bagi merujuk konsep tertentu (Sakthi Vel, S., & Rajendran, S., 1994:171).

Wuster, E. (disebut dalam Sakthi Vel, S., & Rajendran, S., 1994:172) menyarankan lima prinsip bagi menstandardisasikan penggunaan perkataan, iaitu kesesuaian (*appropriateness*), keseragaman (*uniformity*), mudah (*simplicity*), rujukan pelbagai bidang (*inter disciplinary approach*) dan kemurnian bahasa (*language purity*).

Pertamanya, prinsip kesesuaian (*poruttamudaimai*) merujuk kepada pemilihan satu perkataan dari pelbagai kata yang merujuk konsep yang sama. Contohnya, perkataan seperti *cari:ra iyal*, *udalamaippiyal*, *udaliyal* dan *udalku:RRiyal* dibentuk bagi merujuk konsep ‘*anatomi*’. Antaranya, ‘*udaRku:RRiyal*’ sesuai untuk distandardisasikan. ‘*UdaRku:Ru*’ bermaksud ‘*struktur organ badan makhluk hidup*’. Manakala ‘*iyal*’ bererti ‘*bidang*’. Gabungan kedua-dua perkataan ini dapat merujuk maksud ‘*anatomi*’ dengan tepat, iaitu bidang yang mengkaji struktur organ badan makhluk hidup.

Seterusnya, prinsip keseragaman (*orumaippa:du*) ialah penerimaan suatu bentuk kata yang lazim digunakan untuk membentuk kata. Melalui pembentukan kata *ku:ttu Nadavadikkai* (*joint action*) dan *ku:ttu kanakku* (*joint account*) didapati bahawa perkataan *joint* sering

dibentuk menjadi *ku:ttu* dalam bahasa Tamil. Aplikasi yang sama digunakan jika perkataan baru wujud pada masa kini berdasarkan bentuk kata tersebut. Contohnya, *joint secretary* dan *joint statement* masing-masing diterima sebagai *ku:ttu ceyalar* dan *ku:ttu aRikkai*. Proses ini dirujuk sebagai ‘*analogi*’ oleh Amat Juhari Moain (1992:139).

Prinsip ketiga, iaitu ‘*mudah*’ (*eḷimai*) merujuk kepada penggunaan kata yang mudah disebut dan difahami. Contohnya, *minca:ra va:riyam* (lembaga elektrik) diringkaskan menjadi *min va:riyam* manakala *anjcal Nilaiyam* (pejabat pos) dipendekkan menjadi *anjcalakam*.

Selanjutnya, prinsip rujukan pelbagai bidang (*paltuRai No:kku*) ialah perubahan makna dalam pembentukan kata mengikut bidang. Contohnya, perkataan *cell* merujuk kepada unit organisma (biologi), tempat pengurungan (jenayah) dan bahagian bateri (elektronik). Dalam bahasa Tamil pula, perkataan *ca:ram* merujuk kepada intipati herba (perubatan tradisional), abstrak (pendidikan) dan perancah (pembinaan). Didapati perkataan yang sama merujuk kepada makna yang berlainan mengikut bidangnya.

Akhirnya, prinsip kemurnian bahasa (*moLittu:ymai*) adalah mengelak penggunaan perkataan bahasa asing dalam pembentukan kata. Contohnya, *e:jent* menjadi *mukavar* (agen) dan *kampiyyu:ttar* menjadi *kanini* (komputer). Ringkasnya, prinsip ini menegaskan bahawa proses transliterasi (*transliteration*) haruslah kurang digunakan dalam pembentukan kata.

Berdasarkan prinsip-prinsip yang dinyatakan, kata-kata baru dapat distandardisasikan. Selain itu, kata yang dibentuk dengan menepati proses pembentukan kata dapat mencapai

taraf standardisasi. Oleh itu, perbincangan seterusnya adalah berkaitan proses-proses pembentukan kata yang disarankan oleh para sarjana.

2.5.4 Proses Pembentukan Kata yang Dicadangkan oleh Ahli Linguis

Tinjauan kajian memperlihatkan seramai 12 orang ahli linguis menyarankan proses pembentukan kata yang berlaku dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Tamil. Antara tokoh yang menyarankan proses pembentukan kata ialah Adams, V. (1973), Fromkin, V. *et al.* (1974), Stageberg, N. C. (1981), Bauer, L. (1983), Yule, G. (1985), Amat Juhari Moain (1992), Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994), Siti Hajar Abdul Aziz (1996), Maraimalai, I. (2001), Plago, I. (2003), Rajendran, S. (2004) dan Rowe, B. M. dan Levine, D. P. (2009).

Sebanyak enam proses pembentukan kata diperkenalkan oleh Adams, V. (1973:37-160) khususnya dalam bahasa Inggeris, iaitu pengimbuhan (*derivation*), pemajmukan (*compounds*), pembentukan mengundur (*back-formations*), penyingkatan (*clippings*), akronim (*acronyms*) dan percampuran (*blends*).

Selain itu, Fromkin, V. *et al.* (1974:92-98) juga mencadangkan sebanyak lapan proses pembentukan kata yang berlaku dalam bahasa Inggeris di mana lima daripada proses-proses tersebut memaparkan persamaan dengan Adams, V. (1973), iaitu pemajmukan, pembentukan mengundur, penyingkatan, akronim dan percampuran. Sebagai tambahan, Fromkin, V. *et al.* (1974) mengemukakan tiga proses lain, iaitu penciptaan (*creation*), *eponyms* dan penghurufan (*alphabetic abbreviations*).

Selanjutnya, sebanyak 11 proses pembentukan kata disarankan Stageberg, N. C. (1981:120-127) khasnya dalam bahasa Inggeris. Hasil kajian Stageberg, N. C. (1981) menunjukkan sedikit perbezaan dengan Fromkin, V. *et al.* (1974). Selain daripada proses pemajmukan, pembentukan mengundur, penyingkatan, akronim, percampuran dan penciptaan (*creation*), beliau turut mendapati proses pengimbuhan, *echoism*, *folk etymology*, *antonomasia* dan reduplikasi (*reduplication*) terlibat dalam pembentukan kata. Proses *echoism* juga boleh disebut sebagai *onomatopoeia*. Pembentukan kata yang berlaku berdasarkan nama orang atau tempat dinamakan sebagai proses *antonomasia*. Namun, Jayadevan, V. (2009:36-37) mengasingkan kedua-dua aspek ini dengan memberikan nama yang berlainan. Menurut beliau, *eponyms* merujuk kepada nama orang dan *toponyms* merupakan nama tempat.

Tambahan pula, Bauer, L. (1983:201-240) dalam bukunya *English word-formation* mencadangkan sebanyak sembilan proses pembentukan kata dalam bahasa Inggeris. Antaranya ialah pemajmukan, pengimbuhan, penyingkatan, akronim, percampuran, pembentukan mengundur, penciptaan (*creation*), penukaran (*conversion*) dan gabungan proses (*multiple processes*).

Seterusnya, Yule, G. (1985:51-57) dalam bukunya *The study of language* menjelaskan perkataan boleh dibentuk melalui sepuluh jenis proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa terutamanya bahasa Inggeris. Proses-proses ini mirip dengan saranan Bauer, L. (1983). Sebagai tambahan, Yule, G. (1985) menyarankan bahawa perkataan baru turut dibentuk melalui proses peminjaman (*borrowing*). Gabungan proses dikenali sebagai *mixed formation* atau *multiple processes* dalam bahasa Inggeris.

Amat Juhari Moain (1992:136-137) mengemukakan sebanyak 17 proses pembentukan kata berdasarkan bahasa Melayu Malaysia, bahasa Indonesia, bahasa Melayu Brunei, bahasa Melayu Singapura dan bahasa Melayu Patani. Antara proses-proses yang dinyatakan oleh beliau ialah penciptaan, akronim, pengimbuhan, penyingkatan, pembentukan mengundur, penambahan, penggabungan, analogi, pemberian makna khusus, penggemblengan, peleburan fonem dan suku kata, perluasan peraturan pembentukan kata, perluasan makna, penyempitan makna, perubahan makna, pinjam terjemah dan peminjaman kata. Amat Juhari Moain (1992:138-141) menggunakan perkataan '*penggabungan*' bagi merujuk kepada proses pemajmukan manakala perkataan '*penggemblengan*' digunakan untuk merujuk proses percampuran.

Di samping itu, Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:70-96) dalam bukunya *coRkal* menyenaraikan lapan proses pembentukan kata yang berlaku dalam bahasa Tamil. Antaranya ialah pemajmukan, pengimbuhan, penukaran, pembentukan mengundur, penyingkatan, percampuran, akronim dan penciptaan. Proses pembentukan kata yang disarankan oleh Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994) menampakkan persamaan dengan cadangan Amat Juhari Moain (1992) kecuali proses penukaran.

Selain itu, Siti Hajar Abdul Aziz (1996:40-43) dalam karyanya '*Tatabahasa bahasa Melayu*' menyatakan proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu boleh berlaku melalui 11 proses. Antaranya ialah penambahan, analogi, pemberian makna khusus, penciptaan, akronim, penggemblengan, peleburan fonem, penyingkatan, perluasan makna, penyempitan makna dan peminjaman. Didapati semua proses yang dicadangkan oleh Siti Hajar Abdul Aziz (1996) adalah mirip dengan saranan Amat Juhari Moain (1992).

Maraimalai, I. (2001:46-127) pula menyarankan lapan proses pembentukan kata dalam bahasa Tamil, iaitu pengimbuhan, pemajmukan, peminjaman, penyingkatan, akronim, pinjam campur, pinjam bentuk dan pinjam terjemah.

Selanjutnya, Plago, I. (2003:9-13) mengemukakan proses pemajmukan, pengimbuhan, penyingkatan, akronim, percampuran, penukaran dan penghurufan. Sebanyak tujuh jenis proses ini berlaku dalam pembentukan kata bahasa Inggeris. Proses-proses ini didapati sama dengan cadangan proses Bauer, L. (1983) dan Yule, G. (1985).

Manakala Rajendran, S. (2004:201-233) pula mengemukakan sebanyak lapan proses pembentukan kata yang berlaku dalam bahasa Tamil, iaitu pemajmukan, pengimbuhan, penukaran, pembentukan mengundur, penyingkatan, percampuran, akronim dan penciptaan. Didapati bahawa semua proses pembentukan kata yang dicadangkan oleh Rajendran, S. (2004) adalah sama dengan cadangan Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994).

Akhirnya, sebanyak sepuluh proses pembentukan kata dikemukakan oleh Rowe, B. M. dan Levine, D. P. (2009:95-100) khususnya merujuk kepada bahasa Inggeris. Antaranya ialah pemajmukan, pengimbuhan, penyingkatan, akronim, percampuran, pembentukan mengundur, penciptaan (*creation*), peminjaman, *eponyms* dan nama perniagaan (*trade names*). Cadangan Rowe, B. M. dan Levine, D. P. (2009) menyerupai saranan Yule, G. (1985).

Jadual 2.5 : Proses Pembentukan Kata yang Disarankan oleh Ahli Linguis

Bil.	Proses Pembentukan Lata	Adams, V.	Fromkin, V. <i>et al.</i>	Stageberg, N. C.	Bauer, L.	Yule, G.	Amat Juhari Moain
1.	Pemajmukan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Pengimbuhan	✓		✓	✓	✓	✓
3.	Penyingkatan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Akronim	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Percampuran	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6.	Pembentukan Mengundur	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Penciptaan		✓	✓	✓	✓	✓
8.	Peminjaman					✓	✓
9.	Pinjam Terjemah						✓
10.	Penukaran				✓	✓	
11.	Reduplikasi			✓			
12.	<i>Antonomasia</i>			✓			
13.	<i>Folk Etimology</i>			✓			
14.	<i>Echoism</i>			✓			
15.	<i>Eponyms</i>		✓				
16.	Penghurufan		✓				
17.	Gabungan Proses				✓	✓	
18.	Penambahan						✓
19.	Analogi						✓
20.	Pemberian Makna Khusus						✓
21.	Peleburan Fonem dan Suku Kata						✓
22.	Perluasan Peraturan Pembentukan Kata						✓
23.	Perluasan Makna						✓
24.	Penyempitan Makna						✓
25.	Perubahan Makna						✓
JUMLAH		6	8	11	9	10	17

Jadual 2.5, sambungan : Proses Pembentukan Kata yang Disarankan oleh Ahli Linguis

Bil.	Proses Pembentukan Kata	Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S.	Siti Hajar Abdul Aziz	Maraimalai, I.	Plago, I.	Rajendran, S.	Rowe, B. M. dan Levine D. P.
1.	Pemajmukan	✓		✓	✓	✓	✓
2.	Pengimbuhan	✓		✓	✓	✓	✓
3.	Penyingkatan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Akronim	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Percampuran	✓	✓		✓	✓	✓
6.	Pembentukan Mengundur	✓				✓	✓
7.	Penciptaan	✓	✓			✓	✓
8.	Peminjaman		✓	✓			✓
9.	Pinjam Terjemah			✓			
10.	Pinjam Campur			✓			
11.	Pinjam Bentuk			✓			
12.	Penukaran	✓			✓	✓	
13.	<i>Eponyms</i>						✓
14.	Nama Perniagaan						✓
15.	Penghurufan				✓		
16.	Penambahan		✓				
17.	Analogi		✓				
18.	Pemberian Makna Khusus		✓				
19.	Peleburan Fonem		✓				
20.	Perluasan Makna		✓				
21.	Penyempitan Makna		✓				
JUMLAH		8	11	8	7	8	10

Jadual 2.5 menunjukkan proses penyingkatan dan akronim merupakan proses-proses yang dipersetujui oleh semua ahli linguistik untuk membentuk kata. Diikuti dengan proses-proses seperti percampuran, pemajmukan, pengimbuhan, pembentukan mengundur, meminjaman dan penciptaan. Amat Juhari Moain (1992) merupakan ahli linguistik yang memperkenalkan proses pembentukan kata terbanyak, iaitu sebanyak 17 proses.

Proses-proses yang disarankan oleh setiap ahli linguistik memaparkan persamaan dan perbezaannya tersendiri. Didapati bahawa proses-proses pembentukan kata yang disarankan oleh Yule, G. (1985) sesuai dengan pembentukan kata Tamil. Maka, saranan Yule, G. (1985) dijadikan sebagai Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata dalam analisis kajian ini.

2.5.5 Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985)

Pengkaji menggunakan proses pembentukan kata Yule, G. (1985:51-57) sebagai Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata untuk menganalisis data kajian. Berikut adalah penerangan terperinci tentang setiap proses pembentukan kata berserta dengan contoh.

2.5.5.1 Penciptaan

Penciptaan adalah “*proses membentuk kata-kata baru tanpa bersandar kepada unsur morfologi, fonologi atau apa-apa yang wujud sebelumnya*” (Siti Hajar Abdul Aziz, 1996:41). Kata-kata baru dibentuk untuk menjelaskan sesuatu konsep baru. Industri pengiklanan menambahkan banyak perkataan dalam bahasa Inggeris melalui proses penciptaan. Contohnya, perkataan seperti *Kodak, nylon, aspirin, zipper, teflon, dingbat*,

floosy, goof, quark, blurb, kiwi, Xerox, Orlon, Dacron, Kleenex, Jell-O, Brillo, Blanco, Odorono, Amami, Roneo, Gestetner, Domino, Vaseline, Fab, Breeze, Olay, Colgate, Lux, Maybelline, Avon, Milo dan Maxis.

Lazimnya, perkataan ini merujuk kepada jenama sesuatu produk atau perniagaan. Seseengah kata dibentuk dengan menggunakan kata yang sedia ada dalam bahasa. Contohnya, *Kleenex* berasal dari kata *clean* manakala *Jell-O* berasal dari kata *gel*. Dalam bahasa Melayu pula kata seperti *Ajinomoto*, *Adabi* dan *Safi* digunakan secara meluas.

Menurut Jayadevan, V. (2009:36), perkataan dibentuk dalam bahasa Tamil untuk memenuhi keperluan semasa. Perkataan baru ini mengungkapkan konsep baru. Contohnya, *kanini* (komputer) dan *e:ranam* (logik). Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:96) mengatakan pembentukan kata melalui proses penciptaan tidak wujud dalam bahasa Tamil.

2.5.5.2 Peminjaman

Budaya metropolitan membawa pertembungan bahasa. Peminjaman bermaksud “*proses meminjam perkataan dari bahasa asal dan dibuat penyesuaian pada bahagian bunyi dan ejaan*” (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:303). Proses ini disebut sebagai transliterasi (*transliteration*). Proses peminjaman kata merupakan perhubungan dua hala antara bahasa. Bahasa yang dipinjam disebut sebagai *donor language* dan bahasa yang meminjam ialah *borrowing language*.

Bahasa Inggeris meminjam perkataan dari bahasa lain seperti *recipe* (Perancis), *casino* (Itali), *guitar* (Spain), *kindergarden* (Jerman), *santa claus* (Belanda), *robot* (Czech), *tycoon*

(Jepun), *yogurt* (Turki), *collie* (Tamil), *magazine* (Arab), *tea* (Cina) dan *zebra* (Afrika). Bahasa lain juga meminjam perkataan dari bahasa Inggeris. Contohnya, bahasa Jepun menggunakan perkataan *suupaamaaketto* (*supermarket*) dan *rajio* (*radio*). Manakala bahasa Melayu juga meminjam banyak perkataan dari bahasa Inggeris seperti *geografi*, *abstrak*, *teknik*, *akauntan*, *cek* dan *kuota* dan menyesuaikan bunyinya. Bahasa Melayu turut meminjam kata dari bahasa Tamil. Contohnya *kedai*, *kapal*, *mangga* dan *kari*.

Bahasa Tamil meminjam perkataan dari bahasa Sanskrit, Hindi, Marathi, Urdu, Telugu, Kannada, Malayalam, Cina, Arab, Melayu, Portugis, Belanda, Perancis, Turki, Singhala, Greek dan Inggeris (Sakthi Vel, S., 2002:271-281). Bahasa Tamil meminjam perkataan bahasa Inggeris seperti *pe:na:* (*pen*), *cinima:* (*cinema*), *mo:ta:r* (*motor*) dan *pencil* (*pencil*).

Proses peminjaman boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pinjam campur dan pinjam terjemah. Menurut Hockett, C. F. (1970:412-413), proses pinjam campur merupakan gabungan perkataan bahasa asing dengan perkataan bahasa lain.

*“a loan blend in a new idiom developed in the borrowing situation,
in which both the loan word and the loan shift mechanisms are involved;
the borrower imports part of the model and replaces part of it by something
already in his own language”.*

(Hockett, C. F., 1970:412-413)

Contohnya, perkataan bahasa Tamil *minca:ram* (elektrik) bergabung dengan perkataan bahasa Inggeris *car* (kereta) membentuk perkataan *minca:rak ka:r* (kereta elektrik). Contoh lain ialah *rakaciyak kanka:nippuk ka:mera:* (kamera litar tutup), *po:li:s ca:vadi* (pondok polis) dan *ko:l ka:valar* (penjaga gol).

Manakala pinjam terjemah merupakan proses membentuk kata secara langsung dengan menggunakan perkataan yang sedia ada dalam bahasa. Perkataan baru ini memberi makna baru untuk konsep tertentu yang sebelumnya tiada dalam bahasa tersebut. Contoh perkataan bahasa Inggeris yang diterjemah ke dalam bahasa Tamil ialah *kaRuppup pattiya* (*blacklist*), *Nankodai Na:duka* (*donor countries*) dan *kadaivi:duka* (*shophouses*).

2.5.5.3 Pemajmukan

Rowe, B. M. dan Levine, D. P. (2009:96) mendefinisikan pemajmukan sebagai “*compounding is creating a word with more than one root*,” iaitu proses merangkaikan lebih dari satu kata akar untuk membentuk kata majmuk. Kata majmuk ini diberi makna, konsep atau pengertian yang berlainan dengan makna asal bagi setiap kata dasarnya. Semua bahasa membentuk kata majmuk untuk meluaskan perbendaharaan kata masing-masing.

Proses pemajmukan boleh berlaku kepada kata nama (*homework* dan *matahari*), kata kerja (*sleepwalk* dan *mengujikaji*), kata adjektif (*bittersweet* dan *sukacita*) dan kata tugas (*meskipun*). Menurut Fromkin, V. *et al.*, 1974:95), kata majmuk boleh dieja terpisah (*paper clip*), bersama (*girlfriend*) atau dengan meletakkan sempang antara kata (*daughter-in-law*). Contoh lain dalam bahasa Inggeris ialah *outdated*, *afternoon*, *bookmark*, *bus stop*, *road block*, *life insurance*, *chewing-gum*, *loud-speaker*, *time-consuming* dan *life-long*.

Dalam bahasa Melayu, kata majmuk dieja secara terpisah dan terdiri daripada rangkaian kata bebas (*jam tangan*), istilah khusus (*cari gali*) dan maksud kiasan (*anak emas*). Sesetengah bentuk kata seperti *kakitangan*, *warganegara* dan *bumiputera* dianggap mantap sebagai satu perkataan utuh (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993:75). Maka, ia tetap dieja sebagai

satu perkataan walaupun mengandungi dua kata dasar. Gelaran seperti *Perdana Menteri*, *Naib Canselor* dan *Ketua Pustakawan* juga termasuk dalam bentuk kata majmuk.

Banyak perkataan dibentuk dalam bahasa Tamil dengan menggunakan proses pemajmukan. Kata majmuk boleh dibahagikan kepada kata majmuk tunggal dan kata majmuk berganda (Maraimalai, I., 2001:70). Kata majmuk tunggal (*irupeyart tokaic col*) ialah seperti *kuttu vilakku*, *eriporul*, *toLiRpayiRRuNar*, *aracinar ma:likai* dan *anjcalakak kanka:nippa:lar*. Manakala kata majmuk berganda (*palpeyart tokaic col*) pula adalah seperti *Ni:timanRak kattana villai*, *ciRuvaLakkup pative:du* dan *ve:laiva:ypput takavalakam*.

2.5.5.4 Percampuran

Percampuran ialah proses mencampurkan dua atau lebih perkataan dengan menggugurkan sebahagian kata untuk melahirkan konsep baru. Kata-kata baru ini tidak mematuhi peraturan morfologi (Adams, V., 1973:159). Proses ini hampir sama dengan proses akronim. Dalam bahasa Inggeris, banyak perkataan dibentuk secara percampuran. Contohnya, *guestimate* (*guest* + *estimate*), *transistor* (*transfer* + *resistor*), *escalator* (*escalade* + *elevator*), *infotainment* (*information* + *entertainment*), *modem* (*modulator* + *demodulator*) dan *Tanglish* (*Tamil* + *English*). Kebanyakan kata yang dibentuk melalui proses percampuran tidak dimasukkan dalam entri kamus dan kurang digunakan dalam pertuturan seharian. Ini kerana kurang kefahaman, tidak tahu mengeja atau menyebut perkataan tersebut (Adams, V., 1973:151).

Banyak perkataan dan istilah dibentuk dalam bahasa Melayu melalui proses ini. Contohnya, *Bernamea* (*Berita* + *Nasional* + *Malaysia*), *Proton* (*Perusahaan* + *Otomobil* + *Nasional*),

Mara (Majlis + Amanah + Rakyat), *Perkeso* (Pertubuhan + Keselamatan + Sosial) dan *cerpen* (cerita + pendek).

Jayadevan, V. (2009:35) menegaskan perkataan bahasa Tamil boleh dibentuk melalui proses percampuran. Contohnya, *te:Ni:r* ([*te:*] + [*ilai*] + [*Ni:r*]). Namun, Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:95) berpendapat perkataan bahasa Tamil tidak dapat dibentuk melalui proses percampuran. Walau bagaimanapun, pembentukan kata dengan mencampurkan perkataan bahasa Inggeris atau bahasa Sanskrit dengan bahasa Tamil berserta imbuhan banyak didapati dalam bahasa Tamil. Antaranya ialah *po:li:ca:r* ([*po:li:s*] + [*a:r*]) dan *piratamar* ([*piratam*] + [*ar*]).

2.5.5.5 Penyingkatan

Menurut Rowe, B. M. dan Levine, D. P. (2009:97), penyingkatan adalah proses menyingkatkan perkataan yang sedia ada dengan menggugurkan sebahagian kata, iaitu,

“clipping is deleting a section of a word to create a shortened form”

(Rowe, B. M., & Levine, D. P., 2009:97)

Kadang-kadang proses ini melibatkan perubahan ejaan dari perkataan asal. Didapati tiada satu peraturan fonologi atau morfologi khusus untuk memotong suku kata. Lazimnya, suku kata pertama dikekalkan dan suku kata akhir digugurkan.

Tujuan penyingkatan adalah untuk memudahkan sebutan dan panggilan semasa pertuturan. Kata singkatan banyak digunakan dalam situasi tidak formal. Contoh perkataan bahasa Inggeris ialah *ad* (*advertisement*), *flu* (*influenza*), *specs* (*spectacles*), *perm* (*permanent wave*), *pop* (*popular music*), *bus* (*omnibus*), *van* (*caravan*), *piano* (*pianoforte*) dan *fridge*

(*refrigerator*). Dalam bahasa Melayu pula, perkataan yang disingkatkan adalah seperti *baru* (*baharu*) dan *lelaki* (*laki-laki*).

Jayadevan, V. (2009:35-36) mendapati perkataan bahasa Tamil boleh disingkatkan. Contohnya, perkataan *pe:ra:* (*pe:ra:ciriyar*), *ma:mi* (*ma:miya:r*) dan *tiru* (*tiruva:lar*). Sebaliknya, Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:95) menyangkal bahawa penyingkatan perkataan tidak wujud dalam bahasa Tamil. Namun, perkataan panjang yang dipendekkan untuk mempermudah sebutan dapat dilihat dalam bahasa Tamil. Contohnya, *mutalvar* (*mutalamaiccar*), *ceyalar* (*ceyala:lar*), *Ko:vai* (*Koyamputtu:r*), *Tanjcai* (*Tanjca:vu:r*), *Nu:lakam* (*Nu:l Nilaiyam*), *anjcalakam* (*anjcal Nilaiyam*) dan *min aduppu* (*minca:ra aduppu*). Lazimnya, perkataan yang disingkatkan merujuk kepada nama tempat atau jawatan.

Penutur bahasa Inggeris juga menyingkatkan nama orang. Contoh nama-nama orang ialah *Kate* (Catherine), *Ray* (Raymond), *Christ* (Christopher) dan *Jim* (Jimmy). Penyingkatan nama orang turut berlaku dalam bahasa Melayu dan bahasa Tamil. Contoh bahasa Melayu adalah *Mat* (Ahmad), *Man* (Azman), *Zul* (Zulkifli) dan *Timah* (Fatimah). Manakala nama bahasa Tamil yang disingkatkan ialah *Nimmy* (Nirmala), *Andy* (Muniandy), *Vicky* (Viknesvaran) dan *Nandy* (Nanthini). Perubahan ejaan dan bunyi yang berlaku kepada nama orang disebut *diminutives* (Plago, I., 2003:13).

Dalam bidang pendidikan pula, kata-kata yang disingkatkan digunakan secara berleluasa. Contohnya, *prof* (*professor*), *maths* (*mathematics*) dan *bio* (*biology*). Contoh lain seperti *lunch* dan *movie* berfungsi secara bersendirian kerana perkataan *luncheon* dan *moving picture* kurang digunakan.

2.5.5.6 Pembentukan Mengundur (*Back-formation*)

Pembentukan mengundur merupakan “*proses menggugurkan imbuhan perkataan yang sedia ada dalam bahasa*”. Kata tersebut merujuk kepada orang atau pembuat sesuatu pekerjaan (Amat Juhari Moain, 1992:142). Namun, perkataan ini kelihatan seperti hasil daripada penambahan imbuhan kepada kata akar. Contohnya, perkataan *worker* dibentuk daripada perkataan *work* dan bukan sebaliknya. Perkataan *worker* tidak wujud sebelum ini. Contoh lain ialah *tell* (*teller*), *write* (*writer*), *speak* (*speaker*), *televise* (*television*), *act* (*action*) dan *revise* (*revision*).

Dalam bahasa Melayu, pembentukan kata secara mengundur tidak berlaku. Namun, perkataan yang dipinjam dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu mengalami proses pembentukan mengundur. Contohnya, perkataan *editor* menjadi *edit*.

Manakala Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:94-95) turut menyatakan bahasa Tamil hanya mengalami proses pembentukan mengundur apabila meminjam kata dari bahasa Sanskrit. Contohnya, kata *vica:ri* (*vica:raṇai*) dan *po:ti* (*po:tanai*) terbentuk daripada kata nama kepada kata kerja. Sebaliknya, Jayadevan, V. (2009:36) mengatakan pembentukan mengundur berlaku dalam bahasa Tamil apabila kata nama berubah kelas menjadi kata kerja. Contohnya, *payanam* menjadi *payanittal*, *katai* menjadi *kataittal* dan *Nakai* menjadi *nakaittal*.

2.5.5.7 Penukaran

Penukaran merupakan proses menukar kelas sesuatu kata untuk kegunaan baru tanpa melibatkan perubahan bentuk (Yule, G., 1985:55). Lazimnya, kata nama berubah menjadi kata kerja atau sebaliknya. Kata nama bahasa Inggeris *vacation* berubah kelas dari kata nama kepada kata kerja, iaitu *vacationing*. Ini dapat dilihat dalam ayat '*they're vacationing in France*'. Contoh lain ialah '*we want to go for a walk*' dan '*he is spying Thomas's movement*'.

Dalam bahasa Melayu pula, perkataan ditukar kelas dengan menambah imbuhan. Contohnya, *jalan* dan *berjalan*, *makan* dan *makanan*, *simpul* dan *simpulan*, serta *anggur* dan *menganggur*. Dalam bahasa Tamil, pembentukan kata melalui proses penukaran berlaku dengan mudah dan teratur. Contohnya, *adi* (memukul dan pukulan), *utai* (menendang dan tendangan), *pidi* (memegang dan pegangan), *Nakai* (gelak dan barang kemas), *udai* (memecah dan pakaian), *a:du* (menari dan kambing) dan *pa:r* (tengok dan dunia).

2.5.5.8 Akronim

Akronim ialah proses menggabungkan huruf pertama dua atau lebih perkataan untuk membentuk kata baru. Akronim disebut sebagai satu perkataan. Contoh perkataan dalam bahasa Inggeris ialah *SARS* (*severe acute respiratory syndrome*), *PIN* (*personal identification number*), *WHO* (*World Health Organisation*) dan *RAM* (*random access memory*). Dalam bahasa Melayu, perkataan seperti *UPSI* (Universiti Pendidikan Sultan Idris) dan *ADUN* (Ahli Dewan Undangan Negeri) boleh diambil sebagai contoh.

Sebaliknya, ada juga perkataan yang dieja secara berasingan. Dalam bahasa Inggeris, kita dapat lihat perkataan seperti *ATM* (*automatic teller machine*), *MC* (*master of ceremonies*) dan *DJ* (*disk jockey*). Contoh perkataan dalam bahasa Melayu ialah *JPA* (Jabatan Perkhidmatan Awam), *YB* (Yang Berhormat), *KH* (Kemahiran Hidup), *RM* (Ringgit Malaysia), *BN* (Barisan Nasional) dan *BSN* (Bank Simpanan Nasional). Jenis perkataan ini dikenali sebagai penghurufan atau *alphabetic abbreviations* (Fromkin, V. *et al.*, 1974:98).

Lazimnya, kata yang dibentuk secara proses akronim merujuk kepada nama agensi kerajaan, organisasi antarabangsa (Adams, V., 1973:136). Selain itu, perkataan akronim juga digunakan untuk menyebut nama perniagaan, gelaran, nama universiti atau kolej, mata wang, nama parti, nama penyakit, mata pelajaran dan sebagainya dengan mudah dan ringkas. Dalam bahasa Tamil juga terdapat penggunaan akronim. Contohnya, *ki. mu.* (*kirustuviRku mun*), *e. ka:.* (*eduttukka:ttu*) dan *ma: i. ka:.* (*male:ciyan iNtiyan ka:ngkiras*).

2.5.5.9 Pengimbuhan

Pengimbuhan adalah proses menambah imbuhan awalan (*prefixes*), akhiran (*suffixes*), sisipan (*infixes*) atau apitan (*circumfixes*) kepada kata akar atau kata dasar. Proses ini memainkan peranan penting untuk menghasilkan pelbagai kata dalam semua bahasa.

Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu membentuk kata melalui imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Imbuhan bahasa Inggeris seperti [*un-*], [*mis-*] dan [*pre-*], [*-less*], [*-ism*] dan [*-ness*], [*-s*], [*un-...-ful*] dan [*dis-...-ity*] dapat membentuk perkataan *unlucky*, *misplace*, *preschool*, *careless*, *gangsterism*, *happiness*, *cupsful*, *unfaithful* dan *disability*.

Dalam bahasa Melayu, perkataan seperti *peragut*, *memasak*, *tertarik*, *tempatan*, *akui*, *sertakan*, *telunjuk*, *seruling*, *penyiaran*, *kerugian* dan *mendekati* dapat dibentuk dengan menambahkan imbuhan [peN-], [meN-], [teR-], [-an], [-i], [-kan], [-el], [-er], [peN-...-an], [ke-...-an] dan [meN-...-i].

Bahasa Tamil terdiri daripada imbuhan akhiran dan sisipan sahaja. Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:80) menegaskan bahasa Tamil tidak mempunyai imbuhan awalan. Pendapat Maraimalai, I. (2001:50) pula didapati berbeza. Beliau berpendapat bahawa kata tugas (*idaiccoRkaḷ*) seperti *mun* dan *pin* boleh berfungsi sebagai imbuhan awalan dalam bahasa Tamil. Namun, Nida, E. A. (1949:81) menekankan morfem terikat (imbuhan awalan) tidak dapat berfungsi secara bersendirian, iaitu :

“bound morphemes never occur in isolation”

(Nida, E. A., 1949:81)

Oleh itu, kata tugas [*mun*] dan [*pin*] tidak boleh dianggap sebagai imbuhan awalan kerana kedua-duanya dapat berfungsi sendiri tanpa bersandar pada mana-mana morfem. Namun, sesetengah perkataan yang dipinjam dari bahasa Sanskrit ke dalam bahasa Tamil mempunyai imbuhan awalan (Rajendran, S., 2004:211-212). Contohnya,

[*a*] + [*cuttam*] > *acuttam*

[*tush*] + [*pirayo:kam*] > *tushpirayo:kam*

[*Nir*] + [*a:cai*] > *Nira:cai*

Imbuhan akhiran dalam bahasa Tamil adalah banyak dari segi bilangannya. Contohnya, imbuhan [*-ka:ran*], [*-a:li*], [*-iyal*], [*-akam*], [*-ta:rar*], [*-Nar*], [*-ma:nam*], [*-njar*], [*-i*], [*-pu*], [*-kai*], [*-vai*], [*-vu*], [*-tal*], [*-al*], [*-am*], [*-mai*], [*-mam*] dan [*-ccal*] boleh membentuk kata-

kata seperti *ve:laikka:ran*, *No:ya:li*, *ta:varaviyal*, *paniyakam*, *pangkuta:rar*, *iyakkuNar*, *ti:rma:nam*, *kalainjar*, *Nirva:ki*, *amaippu*, *aRikkai*, *iLuvai*, *i:vu*, *te:rtal*, *kuviyal*, *a:naiyam*, *Nunmai*, *kanimam* dan *alaiccal*.

2.5.5.10 Gabungan Proses

Gabungan proses pula merujuk kepada perihal menggabungkan dua atau lebih proses untuk membentuk sesuatu kata. Dalam bahasa Inggeris, kata-kata baru dibentuk dengan cara ini secara meluas. Contohnya, perkataan *deli* dipinjam dari bahasa Jerman dan disingkatkan dari *delicatessen* kepada *deli*. Contoh lain dapat dilihat melalui klausa *problems with the project have snowballed*. Perkataan *snow* dan *ball* yang dimajmukkan menjadi *snowball*, kemudian ditukarkan kelas daripada kata nama kepada kata kerja.

Pembentukan kata secara gabungan proses adalah meluas dalam bahasa Melayu. Contohnya, perkataan *pos*, *kod* dan *bom* merupakan kata pinjaman dari bahasa Inggeris. Setiap perkataan tersebut boleh ditukar kelas dari kata nama kepada kata kerja, iaitu *mengepos*, *mengekod* dan *mengebom*.

Dalam bahasa Tamil, perkataan seperti [*adipidittatu*] terbentuk daripada proses pemajmukan dan penukaran. Pertamanya, kata kerja [*adi*] dan [*pidi*] bergabung menjadi kata nama. Kemudian kelas kata ditukarkan dari kata nama kepada kata kerja.

2.6 Kajian Pembentukan Kata dalam Bahasa Lain

Kajian pembentukan kata-kata baru berlaku dalam setiap bahasa. Kajian-kajian yang dijalankan di dalam dan di luar negara adalah seperti yang berikut :

2.6.1 Bahasa Inggeris

Pembentukan kata berlaku apabila penutur mencipta kata-kata baru untuk menamakan sesuatu objek yang tidak wujud sebelumnya terutamanya perubahan teknologi (Aishah Mahdi, & Azizah Hussein, 1995:24). Manakala Keller, R. E. (1978:571) pula mengatakan dorongan untuk pembentukan kata lahirnya daripada bidang sains dan teknologi, jurnalisme dan pengiklanan. Felber, H. (1995:153-154) pula dalam bukunya '*Panduan Peristilahan*' menggariskan pembentukan kata hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti tepat, singkat, mudah dieja dan disebut serta mematuhi struktur linguistik.

Greenbaum, S. (1996:435-436) menyenaraikan sembilan proses pembentukan kata, iaitu peminjaman, pengimbuhan, pemajmukan, penukaran, penciptaan, pembentukan mengundur, penyingkatan, akronim dan percampuran. Seterusnya, Pyles, T. dan Algeo, J. (1993:258) juga mencadangkan proses-proses seperti penciptaan, pemajmukan, penyingkatan, percampuran dan penukaran.

Selanjutnya, Marchand, H. (1969:2-3) menyarankan pemajmukan, pengimbuhan, perlambangan ekspresif, penyingkatan, pemanjangan konsonan fros dan ablaut serta penciptaan. Menurut Quirk, R. dan Greenbaum, S. (1973:430-431), proses pengimbuhan, penukaran dan pemajmukan dapat membentuk kata dengan mengubah kata dasar.

Manakala proses reduplikasi, penyingkatan, percampuran dan akronim membentuk kata baru berdasarkan kata yang sedia ada.

Banyak kajian pembentukan kata dijalankan dalam bahasa Inggeris berdasarkan kerangka-kerangka ini. Kajian-kajian pembentukan kata menggunakan pelbagai jenis data seperti perbualan internet, testimonial, forum internet, sistem pesanan ringkas, majalah, bahasa slanga dan akhbar. Kajian Algeo, J. dan Algeo, A. (1991:269) selama 50 tahun (tahun 1941 hingga 1991) menunjukkan peratus penggunaan proses yang utama, iaitu pemajmukan (40%), pengimbuhan (28%), penukaran (17%), penyingkatan (8%), percampuran (5%), peminjaman (2%) dan penciptaan (kurang dari 0.5%) dalam pembentukan kata.

Henny Meliemton (2002), Lilyana Efendy (2002) dan Santy Anggraeni Tanoyo (2008) menjalankan kajian pembentukan kata dalam perbualan internet. Hasil kajian ketiga-tiga pengkaji ini menunjukkan persamaan dari segi penggunaan proses pembentukan kata, iaitu penyingkatan, akronim dan percampuran. Lilyana Efendy (2002) pula mendapati lima proses sebagai tambahan, iaitu pemajmukan, pengimbuhan, gabungan proses, penghurufan dan penghurufan ortografi. Manakala Santy Anggraeni Tanoyo (2008) menyatakan proses pembentukan mengundur juga terlibat dalam pembentukan kata perbualan internet.

Dari sudut kekerapan penggunaan proses, didapati proses penyingkatan kerap digunakan (Henny Meliemton, 2002; Lilyana Efendy, 2002). Sebaliknya, Santy Anggraeni Tanoyo (2008) mendapati proses akronim banyak digunakan dalam perbualan internet. Pengguna cenderung untuk menggunakan penyingkatan dalam perbualan internet kerana dapat menaip dan menghantar pesanan dengan segera (Lilyana Efendy, 2002).

Seterusnya, Theresia Natalia (2006) melakukan kajian terhadap testimonial *Friendster*. Dapatan kajian beliau memaparkan proses pemajmukan digunakan secara kerap dalam testimonial. Selain itu, Franky Yohanes Nangoi (2008) mengkaji pembentukan istilah komputer dalam forum komuniti *Chip*. Didapati proses-proses seperti akronim, pembentukan mengundur, percampuran, peminjaman, penyingkatan, penciptaan, penukaran, pemajmukan, pengimbuhan, onomatopoeia dan gabungan proses terlibat dalam pembentukan istilah komputer. Proses akronim kerap digunakan dalam forum. Di samping itu, Lina Lasmono (2003) menganalisis teks sistem pesanan ringkas. Hasil kajian beliau menunjukkan proses penyingkatan banyak digunakan berbanding peminjaman, akronim, percampuran dan gabungan proses.

Selanjutnya, kajian pembentukan kata melibatkan majalah dikaji oleh Lyliawati (2005), Hennyliya Chandra (2006) dan Yuliana Fansuri (2006). Hasil kajian pengkaji-pengkaji ini menampakkan perbezaan. Dapatan kajian Lyliawati (2005) menunjukkan gabungan proses digunakan secara meluas dalam majalah. Manakala Hennyliya Chandra (2006) menyatakan proses pemajmukan mencatat penggunaan tertinggi. Yuliana Fansuri (2006) pula mendapati proses penukaran dan pengimbuhan digunakan secara kerap untuk membentuk kata.

Kajian Like Stevanny (2006) fokus terhadap pembentukan kata dalam bahasa slanga. Dapatan kajian beliau memaparkan proses peminjaman, penyingkatan, pengimbuhan, percampuran, akronim dan gabungan proses terlibat dalam perbualan pelajar Universiti Kristian Petra.

Su, S. P. (1983:179-224) pula menumpukan perhatian terhadap proses pemajmukan dalam 412 iklan akhbar Inggeris tempatan, iaitu *The New Straits Times*, *The Malay Mail*, *The*

Star, The Sunday Times, The Sunday Special, The Sunday Mail dan *The Sunday Star*. Didapati proses pemajmukan digunakan secara meluas. Selain itu, proses-proses lain seperti derivasi, percampuran, penyingkatan, akronim dan simbolik bunyi turut terlibat dalam iklan akhbar Inggeris.

Kajian-kajian yang dibincangkan di atas bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan proses pembentukan kata dan kekerapannya. Selain itu, terdapat juga kajian-kajian yang fokus terhadap satu proses sahaja. Elita Naomi (2004) menumpukan perhatian terhadap proses pengimbuhan. Beliau mendapati imbuhan awalan, akhiran dan gabungan imbuhan banyak digunakan dalam artikel majalah.

Hockett, C. F. (1970:408) mengelaskan proses peminjaman kepada tiga, iaitu kata pinjaman (*loanword*), pinjam ubah (*loanshift*) dan pinjam campur (*loanblend*). Romarani Malakar (2004:124) pula mengkaji proses peminjaman dalam akhbar Inggeris. Beliau menyatakan pengaruh perkataan Melayu dapat dilihat dalam akhbar Inggeris. Peminjaman perkataan Melayu tidak dapat dielakkan kerana ia berfungsi sebagai Bahasa Kebangsaan di Malaysia.

Seterusnya, Mirabela, P. A. dan Ariana, S. M. (2009:560) menyelidiki pembentukan kata secara akronim dan penyingkatan dalam bidang perniagaan. Kajiannya menunjukkan penggunaan kedua-dua proses ini difahami oleh pengguna bahasa yang terlibat dalam bidang perniagaan sahaja. Kemungkinan besar orang di luar bidang perniagaan kurang memahami makna perkataan itu atau tidak dapat memahaminya langsung.

2.6.2 Bahasa Melayu

Perkembangan teknologi membawa banyak konsep, benda, proses, keadaan, atau kejadian baru dan memerlukan perkataan baru bagi mengungkapkannya. Nik Safiah Karim *et al.* (1993:279) menyatakan perkataan baru dibentuk bagi mendukung konsep atau perkara baru yang wujud dalam kalangan pengguna bahasa. Sulaiman Masri (1992:85-86) pula mengatakan pembentukan kata penting untuk menyampaikan pengetahuan dan penyebaran maklumat.

Sesuatu kata yang dipilih untuk membentuk kata hendaklah mematuhi syarat seperti singkat, memberi makna, konsep, proses, keadaan atau ciri dengan tepat dan tidak mempunyai konotasi buruk atau sebutan sumbang (Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu, 2004:4). Manakala syarat umum perkataan standard yang disarankan oleh Sulaiman Masri dan Rusli Abdul Ghani (1992:104) ialah ringkas, mudah dieja, tidak samar, dan sesuai untuk pembentukan istilah terbitan.

Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu (2004:4) menyatakan sumber kata diperoleh daripada kata bahasa asli, kata bahasa serumpun dan kata bahasa asing. Sebaliknya, Siti Hajar Abdul Aziz (1996:40) menjelaskan sumber kata berasal dari bahasa Melayu sendiri atau melalui proses-proses tertentu.

Setiap kata haruslah dibentuk berdasarkan pedoman dan peraturan pembentukan kata yang ditetapkan (Amat Juhari Moain, 1992:136-145). Kerangka proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu disarankan oleh Amat Juhari Moain (1992:136-145) dan Siti Hajar Abdul Aziz (1996:40-43). Di samping itu, Asmah Omar (1993:22) menjelaskan proses

pembentukan kata Melayu dapat dibahagikan kepada lima, iaitu menimbulkan kata selapis, menggunakan penambahan, menggunakan penggabungan kata, menggunakan penggandaan dan menimbulkan akronim. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1993:61), proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu menghasilkan empat bentuk kata, iaitu bentuk kata tunggal, kata terbitan, kata majmuk dan kata ganda.

Mengikut Nik Safiah Karim *et al.* (1993:299-300), perkataan baru boleh timbul dalam suatu bahasa melalui penggunaan popular dan proses perancangan bahasa secara rasmi. Penggunaan popular adalah seperti media massa (akhbar, majalah, radio dan televisyen) dan penulisan kreatif (cerpen, novel dan sajak). Manakala perancangan bahasa dilakukan oleh badan rasmi di peringkat negara. Justeru itu, setiap kata yang dicipta dan diberi takrifan hendaklah dicetak dan disebar dengan segera. Tindakan ini dicadangkan oleh Amat Juhari Moain (1992:145) supaya orang ramai yang memerlukannya dapat memanfaatkannya dengan cepat dan mudah.

Kajian pembentukan kata berkaitan karya sastera Melayu seperti surat-surat Melayu lama, Hikayat Anggun Cik Tunggal dan Hikayat Tuan Putri Sa'dong dijalankan oleh Kamarudin Tahir (1999:114-115), Muhamad Aidi Mat Yusof (2003:88) dan Badariah Mohamad Noor (2003:113). Dapatan kajian pengkaji-pengkaji ini memaparkan proses pembentukan kata dalam karya sastera Melayu bertepatan dengan pembentukan kata Tatabahasa Dewan, iaitu bahasa Melayu moden. Namun, wujudnya sedikit perbezaan kerana bahasa Melayu mengalami perubahan dan pembaharuan dari semasa ke semasa.

Seterusnya, Hasnita Hamzah (2003:117) yang mengkaji majalah mendapati kata terbitan digunakan secara kerap kerana ia dapat mengungkapkan empat makna yang berlainan

dengan menerima imbuhan. Tambahan pula, kepelbagaian bentuk kata dalam karya dapat menyampaikan maklumat secara berkesan.

Selanjutnya, Khreedah, A. (2008:201-202) mengkaji proses peminjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani mendapati wujudnya peminjaman daripada bahasa serumpun dan luar bahasa serumpun seperti bahasa Sanskrit, Arab dan Thai. Didapati peminjaman kata memperkayakan perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Kajian Zuraini Hamisan (2003:100) pula menunjukkan perkataan Arab semakin sebatan dengan bahasa Melayu dari segi makna dan ejaan, sama ada penulisan atau pertuturan.

Menurut Zaiton Abdul Rahman dan Rudiah Arshad (1992:189), pembentukan kata secara cantuman (percampuran) semakin berleluasa khasnya dalam akhbar dan majalah Melayu. Namun, proses cantuman tidak mendapat pengiktirafan secara rasmi daripada ahli bahasa yang terlibat dalam perancangan bahasa. Farid M. Onn (1992:179-180) yang mengkaji masalah akronim dan singkatan dalam bahasa Melayu menyarankan nama penuh singkatan antarabangsa harus diterjemah kepada bahasa Melayu dan mengekalkan singkatan antarabangsa.

2.6.3 Bahasa Cina

Baxter, W. H. dan Sagart, L. (1998:45-68) menggariskan proses pembentukan kata dalam bahasa Cina lama kepada tiga jenis, iaitu pengimbuhan, reduplikasi dan pemajmukan.

Seng, L. C. (2006:83-85) menjalankan kajian terhadap 80 istilah baru bahasa Cina dalam bidang sukan dan menganalisisnya berdasarkan kerangka Wang Aiguo (2003). Beliau

mendapati pembentukan istilah baru dalam surat khabar dan majalah menepati peraturan pembentukan kata bahasa Cina. Kajiannya menunjukkan proses pemajmukan, pengimbuhan, penyingkatan, percampuran, penukaran, peminjaman dan penciptaan terlibat dalam pembentukan istilah bahasa Cina.

Seterusnya, kajian Soon, C. T. (2008:91) berkaitan dengan proses peminjaman dalam akhbar Cina tempatan. Hasil kajiannya menunjukkan kata pinjaman melibatkan kategori nama syarikat, tempat, orang, mata wang dan unit pengukuran. Selain itu, kata pinjaman dibentuk berdasarkan proses peminjaman bunyi secara kerap dan ia tidak dapat diganti dengan kata lain. Ini kerana kata pinjaman sudah berasimilasi dalam bahasa Cina sehingga pengguna bahasa tidak dapat mengesannya.

Selain itu, Loh, P. P. (2009:94-97) juga menyelidiki akhbar negara China, iaitu *Renmin Ribao*. Beliau menganalisis lexis baru dalam bidang ekonomi yang merangkumi kategori bursa saham, perbankan, insurans, dana, hartanah dan matawang. Hasil kajiannya memaparkan proses pemajmukan, akronim, pengimbuhan, penghurufan dan peminjaman terlibat dalam pembentukan kata akhbar.

2.6.4 Bahasa Arab

Mohammad Seman (1994:65-70) menegaskan pembentukan kata secara akronim dalam bahasa Arab harus mematuhi syarat-syarat seperti dibentuk atas dasar keperluan, memilih pola biasa, wujud keseragaman antara bunyi konsonan dalam satu kata, mengandungi bunyi konsonan dan mengecualikan tanda *-al*. Ia bertujuan untuk mengekalkan keaslian bahasa Arab.

2.6.5 Bahasa Indonesia

Kridalaksana, H. (1996:12) membahagikan proses pembentukan kata dalam bahasa Indonesia kepada tujuh, iaitu derivasi zero, afiksasi, reduplikasi, abreviasi, komposisi, derivasi balik dan metanalisis. Dalam bahasa Indonesia, pelbagai kajian pembentukan kata dilakukan dalam bahasa slanga, program televisyen, slaid perbentangan, majalah dan novel. Kajian pembentukan kata dalam bahasa slanga dijalankan oleh Floreance Sahertian (2001), Tienekke Suryaputra (2004), Ewaldine Melanie (2004), Wahyu Esthiwiyanti (2005) dan Anita (2006) dengan menggunakan data yang berlainan.

Floreance Sahertian (2001), Tienekke Suryaputra (2004) dan Ewaldine Melanie (2004) masing-masing menggunakan bahasa slanga dalam majalah, perbualan juru rambut dan pelakon filem sebagai data kajian. Hasil kajian pengkaji-pengkaji ini menampakkan persamaan dari segi penggunaan proses, iaitu peminjaman, percampuran, penyingkatan, akronim dan gabungan proses. Sebagai tambahan, Floreance Sahertian (2001) dan Ewaldine Melanie (2004) mendapati proses penciptaan dan pengimbuhan turut terlibat dalam bahasa slanga. Selain itu, dapatan kajian kedua-dua pengkaji ini memaparkan proses peminjaman mencatat penggunaan tertinggi.

Kajian Wahyu Esthiwiyanti (2005) menampakkan proses penyingkatan digunakan secara meluas dalam sistem pesanan ringkas. Seterusnya, Anita (2006) mengkaji bahasa slanga dalam kalangan *homosexuals*. Beliau mendapati proses pengimbuhan digunakan secara kerap untuk membentuk kata slanga. Selain bahasa slanga, terdapat juga kajian pembentukan kata yang fokus terhadap data lain.

Dalam program televisyen, peminjaman digunakan lebih kerap untuk membentuk kata berbanding pengimbuhan dan akronim (Martha Yasmin, 2002). Seterusnya, Stevanus Rahmadi Christdian (2009) pula mengkaji slaid perbentangan pegawai angkatan senjata dan merumuskan hanya proses penyingkatan digunakan untuk membentuk kata-kata baru. Tambah beliau lagi, pegawai tentera gemar menggunakan kata yang singkat dan mudah diingati untuk menerangkan sesuatu berbanding kata asal.

Dapatan kajian Irene Vanesa Stanley (2009) menunjukkan proses peminjaman, percampuran, penyingkatan, akronim, pengimbuhan, reduplikasi dan gabungan proses digunakan dalam majalah. Antaranya, proses peminjaman mencatat penggunaan tertinggi. Selanjutnya, Louisa Maureen Tanaja (2007) fokus terhadap proses pengimbuhan dalam novel. Didapati kebanyakan perkataan dibentuk berdasarkan imbuhan apitan berbanding imbuhan awalan dan akhiran.

2.6.6 Bahasa Bali

Kajian Nengah Suandi (2008) fokus terhadap proses peminjaman dalam bahasa Bali. Berdasarkan 309 kata pinjaman baru, beliau merumuskan bahasa Bali bersifat terbuka dan dapat menerima perkataan asing dengan mudah terutamanya kata bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris.

2.6.7 Gabungan Bahasa

Wang Aiguo (2003) pula membandingkan proses pembentukan kata dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris berdasarkan tujuh proses, iaitu pemajmukan, pengimbuhan, penyingkatan,

percampuran, penukaran, peminjaman dan penciptaan. Hasil kajiannya menunjukkan wujudnya persamaan dalam kedua-dua bahasa dari segi penggunaan proses.

Selain itu, kajian perbandingan proses pembentukan kata antara dua bahasa dilakukan oleh Kirar Sare (1998:156-164). Hasil kajiannya memperlihatkan persamaan yang rapat antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu dari segi perbendaharaan kata, persamaan huruf vokal dan konsonan, peminjaman kata asing, golongan kata, peribahasa dan sintaksis. Ini kerana kedua-dua bahasa berasal dari rumpun bahasa yang sama.

Di samping itu, Chun, T. H. (1998:244) membandingkan proses onomatopea antara bahasa Melayu dan bahasa Korea. Dapatan kajiannya menampakkan kedua-dua bahasa mempunyai ciri khasnya tersendiri. Namun, terdapat beberapa persamaan yang bersifat universal. Proses onomatopea ini mencerminkan tanggapan setiap penutur terhadap dunia kenyataan (Chun, T. H., 1998:313).

Seterusnya, Meliana Tanoyo (2002) membandingkan proses pembentukan kata secara pemajmukan antara bahasa Inggeris dan Indonesia. Data kajian dikumpul dari akhbar Kompas dan *USA Today*. Hasil kajian Meliana Tanoyo (2002) memaparkan proses pemajmukan bahasa Inggeris tidak mematuhi peraturan pembentukan kata. Didapati wujudnya persamaan antara bahasa Indonesia dan Inggeris dari segi bentuk majmuk.

Selanjutnya, Melly Hendrawan (2004) yang mengkaji majalah menumpukan perhatian terhadap imbuhan bahasa Inggeris dan pengaruhnya terhadap pembentukan kata Indonesia. Kajiannya mendapati imbuhan bahasa Inggeris mematuhi peraturan pembentukan kata dan imbuhan yang tidak mematuhi peraturan ialah kata pinjaman dari bahasa Belanda.

Akhirnya, Abdul Mahmoud Idrees Ibrahim (2010:620) membandingkan pembentukan kata antara bahasa Inggris dan bahasa Arab. Kedua-dua bahasa menampakkan persamaan dari segi penggunaan proses, iaitu pemajmukan, pengimbuhan, percampuran, akronim, penciptaan, peminjaman, penukaran, gabungan proses dan onomatopoeia. Selain itu, perbezaan juga wujud dalam penggunaan proses, iaitu penyingkatan, reduplikasi, pembentukan mengundur, *big derivation* dan *bigger derivation*.

Berdasarkan kajian-kajian pembentukan kata di atas, dapat dirumuskan para pengkaji menggunakan kerangka proses pembentukan kata yang disarankan oleh sarjana bahasa tertentu untuk menganalisis data. Pengkaji-pengkaji seperti Henny Meliemton (2002), Lilyana Efendy (2002), Theresia Natalia (2006), Franky Yohanes Nangoi (2008), Lyliawati (2005), Hennyliya Chandra (2006), Like Stevanny (2006), Tienekke Suryaputra (2004), Anita (2006), Ewaldine Melanie (2004), Wahyu Esthiwiyanti (2005), Irene Vanesa Stanley (2009) dan Meliana Tanoyo (2002) memilih Kerangka George Yule. Beliau menyarankan proses-proses pembentukan kata dalam bukunya *The study of language*.

Buku Yule, G. diterbitkan pertama kali pada tahun 1985. Diikuti dengan edisi kedua dan ketiga pada tahun 1996 dan 2006. Yule, G. (1985:51-57) dan Yule, G. (1996:64-70) masing-masing menyenaraikan sebanyak sepuluh jenis proses pembentukan kata, iaitu penciptaan, peminjaman, pemajmukan, percampuran, penyingkatan, pembentukan mengundur, penukaran, akronim, pengimbuhan dan gabungan proses. Pada edisi ketiga, Yule, G. (2006:53-59) menambah satu lagi proses dalam senarai proses pembentukan kata, iaitu etimologi. Kerangka Yule, G. bersesuaian dengan pembentukan kata Tamil. Oleh itu, pengkaji memilih kerangka Yule, G. (1985) bagi menganalisis data kajian ini.

2.7 Kajian Pembentukan Kata dalam Bahasa Tamil

Dewasa ini, kajian pembentukan kata dalam bahasa Tamil semakin berkembang dan mendapat perhatian dalam kalangan para penyelidik. Usaha awal dalam pembentukan kata Tamil dilakukan oleh sarjana-sarjana seperti Manonmaniam Sundaram Pillai, Barathiyar, Manikkanayagar, Parithimarkalainyar, Rajaji, Subramaniam Pillai dan Vaiyapuri Pillai (Maraimalai, I., 2010:522). Selain itu, Jabatan Tamil Saintifik di Universiti Tamil, India giat berusaha untuk melahirkan bahasa Tamil saintifik.

Bidang pembentukan kata dalam bahasa Tamil semakin mendapat perhatian dalam kalangan ahli linguistik dan para penyelidik. Namun, kajian-kajian pembentukan kata masih tidak dapat memenuhi keperluan semasa. Hal ini kemungkinan besar kerana sehingga kini tiada kerangka proses pembentukan kata yang rasmi dan dipersetujui bersama oleh para sarjana (Bauer, L., 1983:1; Rajendran, S., 2004:1). Sekiranya ahli linguistik mengikuti suatu kerangka tertentu, pembentukan kata dapat dilakukan secara sistematik. Sebaliknya, Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:96) menegaskan pembentukan kata juga boleh berlaku tanpa sebarang kerangka proses pembentukan kata.

Beberapa sarjana seperti Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994), Maraimalai, I. (2001) dan Rajendran, S. (2004) menyarankan kerangka proses pembentukan kata Tamil. Perbincangan terperinci tentang kerangka sarjana-sarjana ini dapat dilihat dalam subtopik 2.5.4 (muka surat 67). Sebagai tambahan, Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:160) juga mengemukakan lima cara asas untuk membentuk kata Tamil, iaitu dengan menggunakan kata yang sedia ada dalam bahasa, memperluaskan makna kata, mencipta perkataan baru, meminjam dan menterjemah daripada bahasa lain.

Charles, L. (2010:243) menyelidiki pembentukan kata-kata perkomputeran Tamil. Beliau mengkelaskan pembentukan kata kepada tiga, iaitu transliterasi, penterjemahan dan penciptaan. Kebanyakan pembentukan istilah teknikal berkaitan perkomputeran Tamil mematuhi peraturan tatabahasa Tamil (Charles, L., 2010:246). Kajian Sakthi Vel, S. dan Rajendran, S. (1994:96) serta Rajendran, S. (2004:232) menunjukkan pembentukan kata dalam bahasa Tamil banyak melibatkan proses pemajmukan dan pengimbuhan akhiran.

Selain kerangka proses pembentukan kata, pembentukan kata juga perlu mematuhi syarat-syarat seperti mudah, keutamaan kepada penggunaan semasa, produktiviti dan kejelasan (Sakthi Vel, S., 2002:246). Maraimalai, I. (2001:148) pula menjelaskan sesuatu kata harus bersifat singkat, mengungkapkan makna dengan jelas, menggunakan kata dan bunyi yang mudah serta mematuhi struktur bahasa Tamil. Sesuatu kata kekal dan mantap melalui penggunaan umum seperti media massa (Maraimalai, I., 2001:186). Apabila media massa seperti radio, televisyen, akhbar dan majalah memperkenalkan kata-kata baru, pengguna bahasa dapat menggunakannya.

Menurut Charles, L. (2010:244), semua bahasa berubah dari segi bentuk tulisan, tatabahasa, kata dan frasa. Pembentukan kata ialah salah satu aspek yang dapat mengubah bahasa (Innasi, S., 1976:209). Poovannan (2003:8) juga menyatakan sesuatu kata akan mengalami perubahan dan menjadi mantap mengikut peredaran masa. Contohnya, perkataan *librarian* dibentuk dalam bahasa Tamil dan ia mengalami perubahan secara penyingkatan, iaitu *Nu:l Nilaiyak ka:ppa:lar > Nu:lakak ka:ppa:lar > Nu:lakar*.

Pembentukan kata juga boleh berlaku akibat perkembangan sains dan teknologi yang pesat. Perkembangan ini membawa konsep-konsep baru dalam bahasa Tamil terutamanya istilah-

istilah teknikal (Karunakaran, K., & Jeya, V., 1997:114). Jayadevan, V. (2009:33) dan Maraimalai, I. (2010:525) menyatakan pengguna bahasa Tamil membentuk kata bagi memenuhi keperluan semasa dan dapat membantu perkembangan bahasa Tamil. Charles, L. (2010:246) pula mengatakan pembentukan kata memartabatkan taraf bahasa Tamil sebagai bahasa klasik (*classical language*).

Seterusnya, pembentukan kata secara peminjaman kata asing wujud sejak zaman Tolkappiyar terutamanya dari bahasa Sanskrit. Mengikut Innasi, S. (1976:227), peminjaman kata berlaku dalam sesuatu bahasa kerana bahasa itu tidak mempunyai makna baru untuk memperkenalkan bidang ilmu baru, kemalasan untuk menterjemah serta mengagungkan bahasa yang mempunyai kuasa politik dan agama pada peringkat antarabangsa. Poovannan (2003:6) menegaskan pembentukan kata pinjaman dalam bahasa Tamil hendaklah mematuhi sistem bunyi bahasa Tamil.

Sebaliknya, Maraimalai Adikal (disebut dalam Maraimalai, I., 2001:175) berusaha untuk mengekalkan prinsip keunikan Tamil (*tanit tamiLk kol_kai*). Beliau berpendapat bahasa Tamil dapat berfungsi secara bersendirian tanpa meminjam daripada bahasa asing. Oleh itu, Maraimalai Adikal menegah percampuran kata asing supaya bahasa Tamil dapat mengekalkan status tanpa kehilangan sifat keunikannya.

2.7.1 Kajian Pembentukan Kata Tamil di Malaysia

Kajian pembentukan kata Tamil Malaysia masih berada di peringkat awal. Hal ini kemungkinan besar kerana pedoman dan panduan pembentukan kata dalam bahasa Tamil tidak mencukupi (Karthigesu, R., 2009:160).

Hasil kajian Bamah Subramaniam (2001:64) menunjukkan pembentukan kata dalam iklan radio Tamil berlaku berdasarkan proses pemajmukan, pengimbuhan, penyingkatan, percampuran, akronim, penukaran, pembentukan mengundur, penciptaan, perubahan dalaman dan reduplikasi. Proses pemajmukan didapati mencatat penggunaan tertinggi. Kajian Yokammal Mariasomalia (2008:156) juga menunjukkan pembentukan kata-kata baru dalam iklan akhbar Tamil berlaku secara proses pemajmukan.

Kata nama digunakan secara kerap untuk membentuk kata dalam iklan akhbar Tamil (Munimah Sudramanian, 2007:201-202). Manakala Yokammal Mariasomalia (2008:156) mengatakan istilah khusus pengiklanan banyak digunakan. Kedua-dua pengkaji ini mendapati peminjaman kata daripada bahasa asing banyak digunakan dalam iklan akhbar Tamil, terutamanya kata bahasa Inggeris. Pada amnya, pembentukan kata dalam iklan Tamil bertujuan untuk menarik perhatian pelanggan (Bamah Subramaniam, 2001:64).

Muniisvaran, K. (2011) mengkaji pembentukan kata dalam iklan akhbar Tamil. Beliau menggunakan iklan-iklan daripada akhbar Tamil Nesan, Malaysia Nanban dan Makkal Osai. Sebanyak 110 perkataan dianalisis berdasarkan kerangka Yule, G. (1996). Dapatan kajian Muniisvaran, K. (2011:112) memaparkan lima proses pembentukan kata, iaitu pemajmukan, peminjaman, pengimbuhan, perubahan makna dan pengkhususan makna digunakan dalam iklan akhbar Tamil. Tambahan pula, kajian Muniisvaran, K. (2011:114) mendapati faktor utama yang mendorong pembentukan kata dalam iklan akhbar Tamil ialah keinginan untuk menyampaikan mesej dengan tepat.

Lily Selvaraja (2011) mengkaji pembentukan kata dalam akhbar Tamil. Beliau fokus terhadap istilah sains, teknologi komunikasi maklumat, perubahan dan ekonomi dalam satu

akhbar sahaja, iaitu Makkal Osai. Kerangka Rajendran, S. (2004) digunakan untuk menganalisis 100 patah perkataan baru. Hasil kajian Lily Selvaraja (2011:44) menunjukkan pembentukan kata melibatkan bidang ekonomi (40%) dilakukan secara meluas dalam akhbar Makkal Osai dan dalam bidang sains sebanyak 27%. Bidang perubatan dan teknologi komunikasi maklumat masing-masing mencatat penggunaan sebanyak 18% dan 15% daripada jumlah perkataan baru.

Dari segi penggunaan proses pembentukan kata, didapati tujuh proses terlibat dalam akhbar Makkal Osai, iaitu pemajmukan, pengimbuhan awalan, pengimbuhan akhiran, percampuran, penciptaan, transliterasi dan pinjam terjemah (Lily Selvaraja, 2011:44). Hasil kajian Lily Selvaraja (2011:54) dan Muniisvaran, K. (2011:113) menunjukkan persamaan dari segi kekerapan penggunaan proses, iaitu proses pemajmukan banyak digunakan untuk membentuk kata dalam akhbar Tamil.

Seterusnya, Ilancelian, V. (2009:197) menegaskan bidang perkomputeran Tamil menghadapi masalah kekurangan istilah atau kata. Keadaan ini berlaku akibat daripada masalah ketidakseragaman dalam penggunaan kata. Contohnya, pengguna bahasa Tamil membentuk kata-kata seperti *cutteli*, *eliyan*, *cutti*, *codukki* dan *mavus* bagi merujuk tetikus. Oleh itu, pengguna bahasa Tamil tidak dapat menentukan istilah yang mantap.

Rajan, M. (2009:187) menjelaskan media massa Tamil di Malaysia menghadapi cabaran dalam pembentukan kata-kata baru. Ini kerana media massa bertanggungjawab untuk membentuk kata tanpa percampuran bahasa asing dan tidak mengelirukan pengguna bahasa Tamil. Semua perkataan yang tersenarai dalam kamus bahasa Tamil tidak boleh digunakan

kerana ia bersifat standard dan formal. Kemungkinan besar para pendengar atau pembaca tidak dapat memahaminya (Karthigesu, R., 2009:160).

Selanjutnya, Maniyarasan, M. (2007:252) yang mengkaji kata pinjaman menjelaskan pengaruh bahasa Melayu dalam bahasa Tamil Malaysia tidak dapat dielakkan. Hal ini kerana bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia. Tambah beliau lagi, proses peminjaman tidak menjejaskan perkembangan bahasa Tamil.

2.8 Penutup

Berdasarkan kajian pustaka, adalah jelas pembentukan kata banyak berlaku dalam bidang pendidikan, media massa dan karya kreatif. Pembentukan kata yang tepat dan sesuai adalah penting untuk memantapkan bahasa Tamil. Lantaran itu, bidang pembentukan kata Tamil harus mendapat perhatian para penyelidik di Malaysia.

Pengkaji mendapati kajian-kajian terdahulu melibatkan akhbar dan radio sahaja. Sebenarnya, media massa televisyen juga terlibat secara aktif dalam pembentukan kata-kata baru. Namun, kajian pembentukan kata berkaitan rancangan televisyen tidak diselidiki oleh sesiapaupun sehingga sekarang. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji proses pembentukan kata-kata baru yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data kajian. Pengkaji meneliti dan menganalisis proses-proses pembentukan kata dan cara-cara yang digunakan oleh editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru. Antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini adalah seperti yang berikut :

- i. Rekabentuk dan Kaedah Kajian
- ii. Data Kajian
- iii. Instrumen Kajian
- iv. Populasi dan Responden Kajian
- v. Prosedur Pengumpulan Data
- vi. Prosedur Penganalisan Data

3.2 Rekabentuk dan Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif. Rekabentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk menerangkan proses-proses pembentukan kata-kata baru yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM. Selain itu, pengkaji dapat menghuraikan cara-cara yang digunakan oleh editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru dengan terperinci.

Pengkaji menggunakan kaedah gabungan, iaitu kualitatif dan kuantitatif mudah. Kaedah kualitatif digunakan untuk menghuraikan proses-proses pembentukan kata-kata baru yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM. Di samping itu, cara-cara yang digunakan oleh editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru dapat dibincangkan secara terperinci. Kaedah kualitatif sesuai untuk menghuraikan data secara deskriptif.

Manakala kaedah kuantitatif mudah digunakan untuk menghitung proses-proses pembentukan kata, bidang dan golongan kata yang kerap digunakan untuk membentuk kata-kata baru. Kaedah kuantitatif mudah pula dipilih kerana pengkaji dapat menunjukkan peratus dan jumlah penggunaan kekerapan dengan mudah.

3.3 Data Kajian

Kajian ini menggunakan skrip berita Tamil TV2, RTM sebagai data utama kajian. Pemilihan data ini relevan kerana ia merupakan satu-satunya berita berbahasa Tamil yang disiarkan melalui stesen televisyen kerajaan Malaysia. Selain itu, kata-kata baru mudah disebarkan melalui berita televisyen kepada orang ramai. Berita ini diterjemah, ditulis dan disunting oleh seramai 11 orang editor.

Sebanyak 59 skrip berita Tamil yang disiarkan selama tempoh dua bulan, iaitu dari 1hb Januari 2011 hingga 28hb Februari 2011 dipungut. Skrip berita yang disiarkan dalam tempoh berkenaan digunakan untuk mengumpul data kajian, iaitu kata-kata baru. Seterusnya, proses-proses pembentukan yang dialami oleh setiap perkataan baru tersebut dikaji.

3.3.1 Maklumat Data Kajian

- i. Tajuk berita : Berita Tamil;
- ii. Sumber : Saluran TV2, RTM;
- iii. Hari penyiaran : Isnin - Ahad;
- iv. Waktu siaran : 7.30 malam - 8.00 malam (Setengah jam termasuk iklan);
- v. Bahasa sumber : Bahasa Inggeris dan bahasa Melayu;
- vi. Bahasa sasaran : Bahasa Tamil;
- vii. Skrip berita yang dipilih sebagai data kajian : 01/01/2011 - 28/02/2011.

3.3.2 Kajian Rintis Data Kajian

Pengkaji menjalankan kajian rintis ke atas lima skrip berita Tamil TV2, RTM yang bertarikh dari 1hb November 2010 hingga 5hb November 2010. Pengkaji menganalisis kata-kata baru yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM. Pengkaji mendapati bahawa data yang secukupnya boleh dikumpulkan bagi menjalankan kajian ini melalui berita yang disiarkan selama dua bulan.

3.4 Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan tiga jenis instrumen kajian, iaitu Borang Analisis Kata-kata Baru, Panduan Temu Bual Semi Berstruktur dan Borang Soal Selidik Latar Belakang Responden. Ketiga-tiga instrumen kajian dibina oleh pengkaji sendiri dengan mengadakan

perbincangan bersama penyelia dan merujuk kajian perpustakaan. Kegunaan instrumen-instrumen ini adalah untuk mengumpul data utama dan sampingan.

3.4.1 Borang Analisis Kata-kata Baru

Borang Analisis Kata-kata Baru (Lampiran B) dirangka oleh pengkaji sendiri. Fungsinya adalah untuk mengkategorikan kata-kata baru mengikut proses-proses pembentukan kata. Sekiranya sesuatu perkataan tidak diklasifikasikan berdasarkan Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985), maka perkataan tersebut digolongkan sebagai proses-proses lain. Melalui cara ini, pengkaji dapat mengetahui proses-proses pembentukan kata lain yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM.

Justeru itu, pengkaji mengkaji proses-proses pembentukan kata, bidang dan golongan kata yang kerap digunakan untuk membentuk kata-kata baru. Jumlah dan peratusan setiap aspek dikira untuk menentukan kekerapan penggunaannya.

3.4.2 Panduan Temu Bual Semi Berstruktur

Panduan Temu Bual Semi Berstruktur (Lampiran C) dibina oleh pengkaji sendiri. Temu bual ini dijalankan untuk mendapatkan maklum balas tentang cara-cara yang digunakan oleh editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru. Instrumen ini sesuai untuk mengumpulkan maklumat secara bersemuka dengan para responden. Melalui kaedah bersemuka, kadar respons yang diperoleh adalah tinggi. Tambahan pula, kaedah temu bual secara individu dilakukan bersama setiap responden secara berasingan pada masa yang berlainan.

Panduan Temu Bual Semi Berstruktur terdiri daripada sepuluh soalan. Dua soalan merupakan soalan tertutup manakala lapan soalan ialah soalan terbuka. Soalan-soalan temu bual merangkumi skop tugas editor, sumber berita, penglibatan editor dalam pembentukan kata, cara-cara pembentukan kata, keperluan pembentukan kata, langkah-langkah untuk memastikan ketepatan kata, masalah penterjemahan, maklum balas orang ramai tentang penggunaan kata-kata baru, cadangan untuk mengatasi masalah ketidakseragaman kata dan kepentingan penubuhan suatu badan perancang bahasa Tamil di Malaysia. Soalan-soalan diterjemah dari bahasa Melayu kepada bahasa Tamil (Lampiran D). Sesi temu bual ini dirakam dengan menggunakan perakam suara dan transkripsi data temu bual dilampirkan (Lampiran E).

3.4.3 Borang Soal Selidik Latar Belakang Responden

Borang Soal Selidik Latar Belakang Responden (Lampiran F) dirangka oleh pengkaji sendiri. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden. Borang ini dikemukakan kepada responden secara bersemuka. Kaedah bersemuka ini didapati efektif kerana responden dapat mengemukakan sebarang keraguan berkaitan soalan soal selidik.

Sebelum memulakan sesi temu bual semi berstruktur, pengkaji mengedarkan borang soal selidik ini kepada responden dan tempoh masa menjawab soalan tidak ditetapkan. Setiap responden menjawab soalan soal selidik secara bertulis. Setelah menjawab, pengkaji mengumpul balik borang soal selidik untuk dianalisis. Sebanyak enam soalan terbuka dikemukakan merangkumi aspek jawatan, pengalaman dalam bidang pengeditan berita,

taraf pendidikan, pencapaian akademik di peringkat SPM dan STPM, tahap penguasaan bahasa serta penyertaan dalam kursus atau latihan.

3.4.4 Kajian Rintis Instrumen Kajian

Kajian rintis dijalankan untuk memperbaiki kekeliruan yang timbul dalam item instrumen kajian. Tujuan utama kajian rintis ialah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Kesahan ialah data yang diperoleh seiring dengan apa yang ingin diukur. Manakala kebolehpercayaan merujuk kepada aspek seperti arahan dan gaya bahasa yang ringkas dan mudah difahami. Justeru itu, kajian rintis dilakukan untuk memurnikan Borang Analisis Kata-kata Baru, Panduan Temu Bual Semi Berstruktur dan Borang Soal Selidik Latar Belakang Responden dari 20hb November 2010 hingga 26hb November 2010.

Pengkaji memberikan ketiga-tiga instrumen kepada dua pensyarah bahasa untuk meneliti isi kandungannya. Pengkaji memantapkan item ketiga-tiga instrumen daripada maklum balas pensyarah bahasa. Pemantapan item merangkumi aspek kesesuaian item dengan tujuan kajian, penambahan atau pengguguran item, arahan, istilah, ejaan dan bahasa.

3.5 Populasi dan Responden Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada editor berita Tamil TV2, RTM. Jumlah editor berita Tamil TV2 yang bertugas di RTM ialah seramai 11 orang pada tahun 2011 (Lampiran K). Mereka terdiri daripada tiga orang lelaki dan lapan orang perempuan. Antara 11 orang editor, empat orang editor bertugas secara tetap manakala tujuh orang editor lain bertugas


secara kontrak. Namun, tiada perbezaan antara editor tetap dan kontrak dari segi pembahagian kerja dan masa bertugas. Malahan, semua editor tidak pernah menjalani kursus atau latihan berkaitan pembentukan kata Tamil. Menurut Chua, Y. P. (2006:182), kajian kualitatif boleh melibatkan saiz responden sekecil lima orang sekiranya populasi kajian mempunyai data demografi yang sama.

Sehubungan itu, pengkaji memilih seramai lima orang editor berita Tamil TV2, RTM sebagai responden kajian. Mereka terdiri daripada tiga orang editor tetap dan dua orang editor kontrak. Pengkaji menemu bual para editor bagi mendapatkan maklumat tentang cara-cara yang digunakan untuk membentuk kata-kata baru.

Kajian ini menggunakan kerangka persampelan bertujuan. Kerangka ini sesuai untuk mengumpul data kualitatif kerana responden yang dipilih berpengalaman dalam isu berkaitan dengan tajuk. Oleh itu, editor berita Tamil TV2, RTM dipilih kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pembentukan kata-kata baru.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Pengkaji mendapatkan kelulusan bidang kajian dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya terlebih dahulu. Kemudian, pengkaji mendapatkan kebenaran RTM. (Lampiran A). Kajian ini mengikuti prosedur kajian yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1.



Rajah 3.1 : Prosedur Kajian

Tempoh pengumpulan data ialah selama dua bulan, iaitu dari 1hb Januari 2011 hingga 28hb Februari 2011. Prosedur pengumpulan data terdiri daripada dua peringkat. Data utama dipungut dari skrip berita manakala data sampingan pula dikumpul dari para responden, iaitu editor berita. Pada peringkat pertama, sebanyak 59 skrip berita Tamil TV2 dipungut. Seterusnya, data kajian, iaitu kata-kata baru dipilih daripada skrip berita tersebut.

Selanjutnya, kata-kata baru yang dikumpul disenaraikan dalam Borang Analisis Kata-kata Baru. Semua kata baru yang dikenal pasti dikodkan berdasarkan tarikh siaran seperti yang berikut :

tarikh / bulan / tahun / muka surat / bilangan

Berdasarkan pengekodan data yang diberi, item seperti tarikh, bulan dan tahun menunjukkan tarikh siaran sesuatu data. Manakala item muka surat merujuk kepada halaman yang mengandungi data kajian. Seterusnya, bilangan merujuk kepada kedudukan data kajian. Sesebuah halaman mungkin terdiri daripada lebih dari satu kata baru. Justeru itu, bilangan dapat menunjukkan kedudukan data dengan tepat.

Seterusnya, pada peringkat kedua, data sampingan dipungut daripada responden. Pengkaji mendapatkan kebenaran para editor berita Tamil TV2, RTM untuk ditemu bual. Pengkaji

sendiri ke lokasi responden untuk menjalankan sesi temu bual. Penemu bual haruslah memilih tempat yang selesa, iaitu tidak terlalu bising atau terlalu serius (Chua, Y. P., 2006:135). Sehubungan itu, pengkaji memilih Bilik Tetamu di Wisma TV, Angkasapuri untuk mengadakan sesi temu bual. Kaedah temu bual secara individu digunakan. Setiap responden ditemu bual secara berasingan pada masa yang berlainan.

Sesi temu bual dijalankan selama dua hari, iaitu pada 24hb Mac 2011 (2.00 petang hingga 5.00 petang) dan 1hb April 2011 (1.00 tengah hari hingga 3.00 petang). Setiap sesi temu bual mengambil masa antara 30 hingga 40 minit. Pada hari pertama, tiga orang editor tetap ditemu bual manakala pada hari kedua, dua orang editor kontrak ditemu bual. Jadual 3.1 menunjukkan huraian terperinci tentang sesi temu bual.

Jadual 3.1 : Sesi Temu Bual

Bil.	Tarikh	Masa	Tempat	Bilangan Responden	Tempoh Masa Temu Bual
1.	24/03/2011	2.00 - 5.00 petang	Bilik Tetamu, Wisma TV, Angkasapuri	3 orang editor tetap	30 - 40 minit
2.	01/04/2011	1.00 tengah hari - 3.00 petang		2 orang editor kontrak	

Soalan dikemukakan oleh pengkaji sendiri secara lisan dalam bahasa Tamil. Perbualan temu bual dirakam dengan menggunakan perakam suara. Melalui cara ini, pengkaji dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap sesi temu bual. Soalan tambahan ditanya berdasarkan jawapan responden. Penemu bual boleh menggalakkan responden untuk bercakap bagi mendapatkan maklumat tambahan (Chua, Y. P., 2006:129). Sesi temu bual ini ditranskripsikan dari bahasa Tamil kepada bahasa Melayu.

3.7 Prosedur Penganalisan Data

Prosedur analisis data ini melibatkan usaha mentafsir data secara kualitatif dan kuantitatif mudah. Ia terbahagi kepada dua peringkat, iaitu analisis data skrip berita dan sesi temu bual. Pada peringkat pertama, pengkaji menganalisis data utama yang diperoleh daripada skrip berita, iaitu kata-kata baru dengan menggunakan Borang Analisis Kata-kata Baru.

Semua kata yang dikenal pasti disemak statusnya dengan menggunakan dua buah kamus bahasa Tamil. Tujuannya adalah untuk memastikan kata-kata baru yang disenaraikan tidak terkandung dalam kedua-dua kamus tersebut. Andai kata sesuatu perkataan tersenarai dalam mana-mana kamus yang digunakan dalam kajian ini, perkataan tersebut tidak akan diambil kira sebagai data kajian. Berikut adalah kamus-kamus yang digunakan dalam kajian ini, iaitu :

- i. *Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti* (2008)
- ii. *Narmata:vin tamiL akara:ti* (2009)

Kamus-kamus ini diterbitkan di India Selatan dan masing-masing mengandungi 23,000 leksis dan 21,000 leksis. Kedua-dua kamus ini dipilih kerana ia merupakan terbitan terkini pada tahun 2011. Entri kamus-kamus ini terdiri daripada senarai kata majmuk yang banyak. Oleh kerana kebanyakan data kajian merupakan kata majmuk, pengkaji menggunakan kamus-kamus ini untuk menyemak statusnya.

Selain itu, pengkaji juga memberikan Borang Analisis Kata-kata Baru kepada penyelia untuk meneliti sama ada sesuatu kata itu baru atau sebaliknya. Sekiranya sesuatu perkataan

tidak diperakui oleh penyelia bahawa ia bukannya perkataan baru, maka pengkaji mengecualikan kata tersebut daripada data kajian. Selepas itu, semua data ditranskripsi dan diterjemah daripada bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Terjemahan bahasa Inggeris pula hanya dilakukan kepada data yang mengalami proses peminjaman, iaitu pinjam terjemah dan pinjam campur. Terjemahan dilakukan dengan menggunakan beberapa cara, iaitu :

- i. Kamus seperti Oxford dan Kamus Dewan;
- ii. Kamus elektronik seperti <http://www.citcat.com>;
- iii. Merujuk editor berita Tamil TV2, RTM;
- iv. Merujuk laman web akhbar tempatan seperti <http://utusan.com.my> dan <http://thestar.com.my>;
- v. Merujuk enjin carian seperti <http://www.google.com.my>, <http://www.yahoo.com> dan <http://www.hotmail.com>.

Malahan, kata akar atau kata dasar bagi setiap perkataan dikenal pasti. Hubungan terdekat (*anmai todarpu*) juga dicari untuk data yang terdiri lebih daripada dua perkataan.

Selanjutnya, pengkaji turut mengkaji peraturan morfofonemik (PM) yang dialami oleh data kajian. Peraturan morfofonemik ini dirangka berpandukan buku Rajendran, S. (2004). Rajendran, S. (2004:78-92) menjalankan kajian pembentukan kata dalam bahasa Tamil. Oleh itu, pengkaji memilih karya beliau untuk dijadikan sebagai rujukan. Huraian tentang peraturan-peraturan morfonemik dibincang secara terperinci berserta dengan contoh dalam bab empat. Semua data dihurai mengikut susunan abjad fonem Tamil berserta dengan pengekodan tarikh siaran. Contoh persembahan analisis data adalah seperti yang berikut :

[*uttarava:tat tokai*] (உத்தரவாதத் தொகை)

28/02/11/16/01

Perkataan [i>uttarava:tam] + [tokai]

(bail + amount)

(உத்தரவாதம்) + (தொகை)

PM 11 > [*uttarava:tat tokai*]

(wang jaminan)

Setiap kata baru tersebut dikategorikan mengikut proses pembentukan kata. Semua proses pembentukan kata dijumlahkan secara berasingan dan dicari peratusannya. Melalui cara ini, pengkaji dapat menjawab persoalan kedua, iaitu proses-proses pembentukan kata yang kerap digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM.

Selain itu, bidang dan golongan kata bagi setiap data dikenal pasti. Golongan kata terbahagi kepada kata nama (KN), kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Bidang dan golongan kata yang paling banyak dibentuk sebagai kata baru dihitung kekerapan penggunaannya bagi menjawab persoalan ketiga dan keempat. Berikut adalah formula pengiraan peratus :


Jumlah sesuatu kategori x 100

Jumlah keseluruhan

Pada peringkat kedua, analisis data dilakukan berdasarkan data temu bual. Dengan menemu bual lima orang responden, iaitu editor berita Tamil TV2, RTM, penyelidik dapat mengetahui cara-cara yang digunakan oleh mereka untuk membentuk kata-kata baru dalam bahasa Tamil. Jawapan daripada para responden dapat menjawab persoalan kelima. Semua data dicatat dalam bentuk deskriptif.

3.7.1 Penganalisan Proses Pembentukan Kata

Pengkaji menggunakan Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata yang disarankan oleh Yule, G. (1985:51-57) untuk menganalisis proses-proses pembentukan kata dalam kajian ini. Kerangka ini digunakan kerana proses pembentukan kata yang disarankan oleh Yule, G. (1985) sesuai dengan pembentukan kata Tamil. Sebanyak sepuluh proses pembentukan kata yang dicadangkan oleh Yule, G. (1985) dapat dilihat dalam Rajah 3.2.



Rajah 3.2 : Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985)

Menurut Yule, G. (1985:51-57), penciptaan adalah proses mencipta kata baru. Manakala peminjaman bermaksud proses meminjam perkataan daripada bahasa lain. Seterusnya, pemajmukan ialah proses menggabungkan dua atau lebih perkataan bagi menghasilkan

makna baru. Percampuran ialah proses menggabungkan sebahagian kata dengan sebahagian kata lain. Penyingkatan pula adalah proses menyingkatkan perkataan yang sedia ada.

Menurut beliau lagi, pembentukan mengundur merupakan proses menggugurkan imbuhan perkataan yang sedia ada. Penukaran pula proses menukar kelas kata untuk kegunaan baru. Akronim ialah proses menggabungkan huruf pertama beberapa perkataan untuk membentuk kata. Pengimbuhan adalah proses menambah imbuhan awalan atau akhiran. Gabungan proses merujuk kepada perihal menggabungkan dua atau lebih proses untuk membentuk kata. Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985) dibincangkan secara mendalam berserta dengan contoh dalam bab 2 (muka surat 73).

Jika sesuatu kata tidak dapat diklasifikasikan di bawah proses pembentukan kata Yule, G. (1985), pengkaji menggolongkan kata tersebut di bawah kategori proses-proses lain. Justeru itu, pengkaji dapat mengetahui proses-proses pembentukan kata lain yang digunakan dalam skrip berita Tamil TV2, RTM. Semua proses pembentukan kata yang terlibat dalam data kajian dibincangkan secara deskriptif. Dengan ini, persoalan pertama terjawab.

3.8 Penutup

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan rekabentuk kajian, kaedah kajian, data kajian, instrumen kajian, responden kajian, prosedur pengumpulan dan penganalisan data. Melalui metodologi kajian ini, pengkaji mendapat maklumat yang dikehendaki dan analisis data dapat dilakukan dengan tepat. Selanjutnya, bab empat membincangkan analisis data secara terperinci.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Bab ini memberi tumpuan terhadap analisis data. Analisis data dipersembahkan dalam bentuk kualitatif dan kuantitatif mudah. Ia terbahagi kepada enam subtopik utama. Berikut adalah subtopik yang dibincangkan dalam bab ini :

- i. Analisis Proses Pembentukan Kata;
- ii. Analisis Kekerapan Penggunaan Proses Pembentukan Kata;
- iii. Analisis Kekerapan Penggunaan Bidang dalam Pembentukan Kata;
- iv. Analisis Kekerapan Penggunaan Golongan Kata dalam Pembentukan Kata;
- v. Analisis Borang Soal Selidik Latar Belakang Responden;
- vi. Analisis Panduan Temu Bual Semi Berstruktur.

4.2 Analisis Penggunaan Proses Pembentukan Kata

Pengkaji menggunakan skrip berita Tamil TV2, RTM untuk mengumpul data kajian, iaitu kata-kata baru. Sebanyak 220 perkataan diperoleh dari 59 skrip berita Tamil yang disiarkan dari 1hb Januari 2011 hingga 28hb Februari 2011 (Lampiran J). Data kajian dianalisis dengan menggunakan Borang Analisis Kata-kata Baru. Manakala, penggunaan proses pembentukan kata dikenal pasti berpandukan Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985).

Melalui analisis kajian, didapati setiap perkataan baru yang dibentuk mengandungi dua atau lebih perkataan. Apabila dua perkataan digabungkan, berlakunya perubahan morfologi yang dinamakan morfofonemik (*pun̄arcci*). Dalam tatabahasa tradisional, morfofonemik merupakan suatu proses di mana dua morfem atau perkataan bergabung dan berlakunya penambahan, pengguguran atau penggantian fonem atau perubahan dalam struktur morfem. Kridalaksana, H. (1982:111) mendefinisikan peraturan morfofonemik sebagai “*struktur bahasa yang menggambarkan pola fonologi daripada morfem termasuk penambahan, pengurangan, penggantian fonem atau perubahan tekanan*”.

Paranthamanar, A. K. (1984:291) menggariskan pelbagai jenis peraturan morfofonemik dalam bahasa Tamil. Beliau merujuk morfofonemik sebagai gabungan dua morfem melalui penyatuan fonem akhir morfem pertama dan fonem pertama morfem kedua. Fonem akhir morfem pertama dan fonem pertama morfem kedua boleh terdiri daripada vokal dan konsonan. Oleh itu, penyatuan tersebut boleh dijelaskan dalam bentuk berikut :

- | | | | |
|------|---------------------|---------------------|-------------------------------|
| i. | Vokal + Vokal | : [eri] + [ampu] | > [eriyampu] (panah) |
| ii. | Vokal + Konsonan | : [a:du] + [ka:l] | > [a:ttukka:l] (kaki kambing) |
| iii. | Konsonan + Vokal | : [kal] + [uppu] | > [kalluppu] (garam batu) |
| iv. | Konsonan + Konsonan | : [kadal] + [karai] | > [kadaRkarai] (pantai) |

Peraturan morfofonemik bahasa Tamil terbahagi kepada dua, iaitu penggabungan yang tidak membawa sebarang perubahan dalam pembentukan kata baru (*iyalpu pun̄arcci*) dan penggabungan yang menyebabkan perubahan dalam struktur kata (*vika:rap pun̄arcci*). Penggabungan secara perubahan terdiri daripada tiga jenis, iaitu penambahan (*to:nRal*), pengguguran (*kedutal*) dan penggantian (*tiritai*). Penggabungan secara penambahan dan

pengguguran masing-masing melibatkan penambahan atau pengguguran huruf. Manakala penggabungan secara penggantian merangkumi penggantian huruf kepada huruf lain.

Sebanyak 16 peraturan morfofonemik yang dialami oleh setiap data kajian dikenal pasti berpandukan karya Rajendran, S. (2004:78-92), iaitu *tamiLil colla:kkam*. Huraian tentang peraturan-peraturan morfofonemik tersebut dibincang secara terperinci berserta dengan contoh.

1. Tanpa Perubahan

i. Peraturan Morfofonemik 1 (PM 1)

Perkataan bergabung tanpa melibatkan sebarang perubahan secara morfologi. Contohnya,

- a. $[aluval] + [payan\underline{a}m] > [aluval\ payan\underline{a}m]$ (lawatan kerja)

*** Fonem akhir morfem pertama dan fonem pertama morfem kedua bergabung tanpa sebarang perubahan di mana penyatuan dua perkataan kekal sebagai dua perkataan.

- b. $[ko:l] + [arangku] > [ko:l\ arangku]$ (planetarium)

*** Fonem akhir morfem pertama (konsonan) dan fonem pertama morfem kedua (vokal) dapat bergabung tanpa melibatkan sebarang perubahan dalam struktur kata. Dua perkataan bergabung menjadi satu perkataan.

2. Penambahan

i. Peraturan Morfofonemik 2 (PM 2)

$$\emptyset \rightarrow \begin{pmatrix} -k \\ -c \\ -t \\ -p \end{pmatrix} / (k) V + \begin{pmatrix} -k \\ -c \\ -t \\ -p \end{pmatrix}$$

Contohnya,

- a. [madi] + [kanini] > [madikkanini] (komputer riba)
- b. [ca:lai] + [caNtippu] > [ca:laic caNtippu] (simpang jalan)
- c. [u:kkuvippu] + [tokai] > [u:kkuvippu tokai] (bonus)
- d. [kaRuppu] + [pattiyal] > [kaRuppup pattiyal] (senarai hitam)

ii. Peraturan Morfofonemik 3 (PM 3)

$$\emptyset \rightarrow \begin{pmatrix} -k \\ -c \\ -t \\ -p \end{pmatrix} / \begin{pmatrix} -y \\ -r \\ -L \end{pmatrix} + \begin{pmatrix} -k \\ -c \\ -t \\ -p \end{pmatrix}$$

Contohnya,

- a. [enney] + [kidangu] > [enney kidangu] (depot minyak)
- b. [uyir] + [cittiram] > [uyirccittiram] (animasi)

iii. Peraturan Morfofonemik 4 (PM 4)

$$\emptyset \rightarrow y / -Vf + V$$

*** Vf merujuk kepada bunyi vokal seperti /i/, /i:/ dan /ai/. Contohnya,

- a. [ce:vai] + [a:lar] > [ce:vaiya:lar] (pekhidmat)

iv. **Peraturan Morfofonemik 5 (PM 5)**

$$(k) V k1 + V \rightarrow (k) V k1 k1 + V$$

*** V ialah vokal bunyi pendek. Manakala k1 adalah /n/, /n/, /y/, /l/, /L/ dan /v. Contohnya,

a. $[pal] + [u:dakam] > [pallu:dakam]$ (multimedia)

v. **Peraturan Morfofonemik 6 (PM 6)**

$$(k) V k1 u + P \rightarrow (k) V k1 k1 u P P$$

*** V ialah vokal bunyi panjang. Manakala k1 ialah /d/ atau /R/. P merujuk kepada bunyi letupan seperti /k/, /c/, /t/ dan /p/. Contohnya,

a. $[iLappi:du] + [tokai] > [iLappi:\underline{tt}ut tokai]$ (wang pampasan)

vi. **Peraturan Morfofonemik 7 (PM 7)**

$$(k) V k1 u + \begin{pmatrix} -nj \\ -N \\ -m \\ -y \\ -v \end{pmatrix} \rightarrow (k) V k1 k1 u + \begin{pmatrix} -nj \\ -N \\ -m \\ -y \\ -v \end{pmatrix}$$

*** V ialah vokal bunyi panjang. Manakala k1 ialah /d/ atau /R/. Contohnya,

a. $[payani:du] + [vari] > [payani:\underline{tt}u vari]$ (cukai penggunaan)

3. Pengguguran

i. Peraturan Morfofonemik 8 (PM 8)

$$m \rightarrow \emptyset / (k) \{am\} + V$$

Contohnya,

a. $[avacaram] + [aLaippu] > [avacara aLaippu]$ (panggilan kecemasan)

ii. Peraturan Morfofonemik 9 (PM 9)

$$m \rightarrow \emptyset / (k) \{am\} + \begin{pmatrix} -nj \\ -N \\ -m \\ -y \\ -v \\ -d \end{pmatrix}$$

*** /d/ [ட] merujuk kepada huruf pertama bagi perkataan bahasa asing sahaja. Ini kerana huruf /d/ tidak wujud sebagai huruf pertama dalam perkataan Tamil. Contohnya,

- a. $[camu:kam] + [mandapam] > [camu:ka mandapam]$ (dewan komuniti)
- b. $[va:kanam] + [Nerical] > [va:kana Nerical]$ (kesesakan lalu lintas)
- c. $[ciRurakam] + [va:kanam] > [ciRuraka va:kanam]$ (kenderaan ringan)
- d. $[payanam] + [tikket] > [payana tikket]$ (tiket perjalanan)

iii. Peraturan Morfofonemik 10 (PM 10)

$$u \rightarrow \emptyset / (k) k1 + V$$

Contohnya,

- a. [kadappu] + [itaL] > [kadappitaL] (pasport)
- b. [a:yvu] + [arangku] > [a:yvarangku] (makmal penyelidikan)

iv. Peraturan Morfofonemik 11 (PM 11)

$$u \rightarrow \emptyset / (k) k1 + V$$

*** V ialah vokal bunyi pendek. Contohnya,

- a. [pativu] + [e:RRam] > [pative:RRam] (muat naik)

v. Peraturan Morfofonemik 12 (PM 12)

$$\begin{bmatrix} m \\ n \end{bmatrix} \rightarrow \emptyset / - [N]$$

*** N merujuk kepada /m/ dan /n/.

Contohnya,

- a. [manitan] + [mu:latanam] > [manitamu:latanam] (modal insan)

4. Penggantian

i. Peraturan Morfofonemik 13 (PM 13)

$$m \rightarrow \begin{pmatrix} -k \\ -c \\ -t \\ -p \end{pmatrix} \quad / \quad (k) \{am\} + \begin{pmatrix} -k \\ -c \\ -t \\ -p \end{pmatrix}$$

Contohnya,

- a. [avacaram] + [ka:lam] > [avacarak ka:lam] (darurat)
- b. [kattanam] + [ca:vadi] > [kattanac ca:vadi] (pondok bayaran)
- c. [apara:tam] + [tokai] > [apara:tat tokai] (denda)
- d. [inaiyam] + [pative:du] > [inaiyap pative:du] (web log)

ii. Peraturan Morfofonemik 14 (PM 14)

$$m \rightarrow \begin{pmatrix} -ng \\ -nj \\ -N \end{pmatrix} \quad / \quad m + \begin{pmatrix} -k \\ -c \\ -t \end{pmatrix}$$

Contohnya,

- a. [kuRum] + [ceyti] > [kuRunjceyti] (sistem pesanan ringkas)
- b. [kuRum] + [tattu] > [kuRuNtattu] (cakera padat)

iii. Peraturan Morfofonemik 15 (PM 15)

$$(k) V n + N \rightarrow (k) V n n$$

*** V ialah vokal bunyi pendek. Penggantian fonem ini berlaku akibat daripada proses asimilasi. Bunyi akhiran morfem pertama menyebabkan perubahan nasal (bunyi pertama morfem kedua). Contohnya,

a. $[min] + [Nu:l] > [minnu:l]$ (buku elektronik)

iv. Peraturan Morfofonemik 16 (PM 16)

$$m \rightarrow v / (k) \{am\} + V$$

Contohnya,

a. $[ilakkam] + [iyal] > [ilakkaviyal]$ (pendigitalan)

Peraturan morfofonemik yang disenaraikan di atas dinyatakan dalam analisis data. Selain peraturan morfofonemik, pengkaji juga mengenal pasti penggunaan alomorf dalam pembentukan kata Tamil. Sebanyak 14 jenis alomorf digunakan dalam data kajian ini. Perbincangan tentang alomorf secara terperinci dapat dilihat dalam bab 2 berserta dengan contoh (muka surat 51).

Selain itu, didapati bahawa bagi perkataan yang terdiri lebih daripada dua perkataan, hubungan terdekat perlu dikenal pasti. Hubungan terdekat (*anmai todarpu*) merujuk kepada dua perkataan yang mempunyai hubungan terikat di mana perkataan lain tidak boleh diganti di tempatnya.

Contoh (a) :

Perkataan > [*taniya:r*] + [*cikiccai*] + [*maiya:m*]

Hubungan terdekat 1 > [*taniya:r*] + [*cikiccai maiya:m*]

Hubungan terdekat 2 > [*taniya:rc cikiccai maiya:m*]

Berdasarkan contoh (a), data tersebut terdiri daripada tiga perkataan. Perkataan [*cikiccai maiya:m*] mempunyai hubungan terdekat dan terikat berbanding perkataan [*taniya:r*]. Ini kerana perkataan [*taniya:r*] boleh diganti dengan perkataan lain. Hubungan terdekat ini boleh berlaku kepada dua perkataan pertama atau dua perkataan akhir. Dalam contoh (a), hubungan terdekat berlaku terhadap dua perkataan akhir dahulu. Contoh (b) pula menunjukkan hubungan terdekat yang berlaku kepada dua perkataan pertama dahulu, iaitu :

Contoh (b) :

Perkataan > [*vattam*] + [*me:cai*] + [*kalanTuraiya:dal*]

Hubungan terdekat 1 > [*vatta me:cai*] + [*kalanTuraiya:dal*]

Hubungan terdekat 2 > [*vatta me:cai kalanTuraiya:dal*]

Selanjutnya, analisis penggunaan proses pembentukan kata dihuraikan berdasarkan Kerangka Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985) berserta dengan peraturan morfofonemik mengikut urutan tarikh dan abjad. Analisis ini dapat menjawab persoalan pertama, iaitu :


Persoalan Kajian 1 :

Apakah proses-proses pembentukan kata-kata baru yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM?

4.2.1 Proses Peminjaman

Analisis proses peminjaman (*borrowing*) memaparkan sebanyak 143 patah perkataan dibentuk melalui proses peminjaman. Semua perkataan (100.0%) dipinjam daripada bahasa Inggeris.

Melalui data kajian, pengkaji mengenal pasti proses pembentukan kata yang bukannya saranan Yule, G. (1985), iaitu proses pinjam campur (*loan blend*). Oleh iu, analisis proses peminjaman terdiri daripada proses pinjam terjemah (*loan translation*) dan pinjam campur. Berikut adalah huraian terperinci mengenai penggunaan proses peminjaman.



Rajah 4.1 : Penggunaan Proses Peminjaman

Rajah 4.1 menunjukkan proses pinjam terjemah (*loan translation*) merupakan proses yang paling banyak digunakan berbanding proses pinjam campur (*loan blend*). Sebanyak 127 (88.8%) patah perkataan dibentuk secara proses pinjam terjemah. Manakala sebanyak 16 (11.2%) patah perkataan dibentuk dengan menggunakan proses pinjam campur (muka surat 158).

4.2.1.1 Proses Pinjam Terjemah

Analisis data kajian menunjukkan sebanyak 127 patah perkataan dibentuk secara proses pinjam terjemah (*loan translation*). Didapati semua perkataan (100.0%) dipinjam terjemah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Tamil. Perkataan dari bahasa lain tidak digunakan dalam proses penterjemahan ini. Berikut adalah huraian lanjut bagi setiap perkataan yang dibentuk melalui proses pinjam terjemah :

1. [*akanRa tirai*] (அகன்ற திரை) 02/02/11/07/01
 Perkataan [*akanRa*] + [*tirai*] (*broad + screen*)
 (அகன்ற) + (திரை)
 PM 1 > [*akanRa tirai*] KN (skrin lebar)

2. [*akanRa alaivaricai*] (அகன்ற அலைவரிசை) 18/01/11/12/01
 Perkataan [*akanRa*] + [*alaivaricai*] (*broad + band*)
 (அகன்ற) + (அலைவரிசை)
 PM 1 > [*akanRa alaivaricai*] KN (jalur lebar)

3. [*anjcal va:kka:lar*] (அஞ்சல் வாக்காளர்) 26/01/11/06/01
 Perkataan [*anjcal*] + [*va:kka:lar*] (*postal + voter*)
 (அஞ்சல்) + (வாக்காளர்)
 PM 1 > [*anjcal va:kka:lar*] KN (pengundi pos)

4. [anjcal va:kkuc ci:ttu] (அஞ்சல் வாக்குச் சீட்டு) 26/01/11/06/02

Perkataan [anjcal] + [va:kkuc] + [ci:ttu] (postal + ballot + paper)
(அஞ்சல்) + (வாக்கு) + (சீட்டு)

PM 2 > [anjcal] + [va:kkuc ci:ttu]

PM 1 > [anjcal va:kkuc ci:ttu] KN (kertas undi pos)

5. [ani Nirva:ki] (அணி நிர்வாகி) 24/02/11/35/01

Perkataan [ani] + [Nirva:ki] (team + manager)
(அணி) + (நிர்வாகி)

PM 1 > [ani Nirva:ki] KN (pengurus pasukan)

6. [araca:ngkac ca:rpaRRa amaippu] (அரசாங்கச் சார்பற்ற அமைப்பு) 22/01/11/23/01

Perkataan [araca:ngkam] + [ca:rpaRRa] + [amaippu] (governmental + non
(அரசாங்கம்) + (சார்பற்ற) + (அமைப்பு) + organization)

PM 1 > [araca:ngkam] + [ca:rpaRRa amaippu]

PM 13 > [araca:ngkac ca:rpaRRa amaippu] KN (organisasi bukan kerajaan)

7. [araca:ngka Nirva:ka maiyam] (அரசாங்க நிர்வாக மையம்) 01/02/11/07/01

Perkataan [araca:ngkam] + [Nirva:kam] + [maiyam] (government + administrative
(அரசாங்கம்) + (நிர்வாகம்) + (மையம்) + centre)

PM 9 > [araca:ngkam] + [Nirva:ka maiyam]

PM 9 > [araca:ngka Nirva:ka maiyam] KN (pusat pentadbiran kerajaan)

8. [aluval payanam] (அலுவல் பயணம்)		08/01/11/03/01
Perkataan	[aluval] + [payanam] (அலுவல்) + (பயணம்)	(working + visit)
PM 1	> [aluval payanam] KN	(lawatan kerja)
9. [avacara aLaippu] (அவசர அழைப்பு)		26/02/11/15/02
Perkataan	[avacaram] + [aLaippu] (அவசரம்) + (அழைப்பு)	(emergency + call)
PM 8	> [avacara aLaippu] KN	(panggilan kecemasan)
10. [a:dai vadivamaippa:lar] (ஆடை வடிவமைப்பாளர்)		13/02/11/22/01
Perkataan	[a:dai] + [vadivamaippa:lar] (ஆடை) + (வடிவமைப்பாளர்)	(clothes + designer)
PM 1	> [a:dai vadivamaippa:lar] KN	(pereka pakaian)
11. [a:yvaRikkai] (ஆய்வறிக்கை)		14/02/11/19/01
Perkataan	[a:yvu] + [aRikkai] (ஆய்வு) + (அறிக்கை)	(research + report)
PM 10	> [a:yvaRikkai] KN	(laporan penyelidikan)
12. [a:yvarangku] (ஆய்வரங்கு)		10/02/11/07/01
Perkataan	[a:yvu] + [arangku] (ஆய்வு) + (அரங்கு)	(research + laboratory)
PM 10	> [a:yvarangku] KN	(makmal penyelidikan)

13. [a:yutak kidangku] (ஆயுதக் கிடங்கு)	26/02/11/20/01
Perkataan [a:yutam] + [kidangku] (ஆயுதம்) + (கிடங்கு)	(weapon + depot)
PM 13 > [a:yutak kidangku] KN	(depot senjata)
14. [inaiyak kuRRam] (இணையக் குற்றம்)	13/01/11/04/01
Perkataan [inaiyam] + [kuRRam] (இணையம்) + (குற்றம்)	(cyber + crime)
PM 13 > [inaiyak kuRRam] KN	(jenayah siber)
15. [inaiyattala maiyam] (இணையத்தள மையம்)	02/02/11/31/01
Perkataan [inaiyattalam] + [maiyaam] (இணையத்தளம்) + (மையம்)	(internet + centre)
PM 9 > [inaiyattala maiyam] KN	(pusat internet)
16. [iyaNtirap padukkai] (இயந்திரப் படுக்கை)	10/02/11/19/01
Perkataan [iyaNtiram] + [padukkai] (இயந்திரம்) + (படுக்கை)	(machine + bed)
PM 13 > [iyaNtirap padukkai] KN	(katil mesin)

17. [iruvaLip payanam] (இருவழிப் பயணம்)

01/01/11/24/01

Perkataan [iru] + [vaLi] + [payanam]

(two-way + travel)

(இரு) + (வழி) + (பயணம்)

PM 1 > [iruvaLi] + [payanam]

PM 2 > [iruvaLip payanam] KN

(perjalanan dua hala)

*** Alomorf : /i:r/, /irul/ dan /irandul/

18. [ilakkaviyal idaivel_i] (இலக்கவியல் இடைவெளி)

14/01/11/39/01

Perkataan [ilakkaviyal] + [idaivel_i]

(digital + gap)

(இலக்கவியல்) + (இடைவெளி)

PM 1 > [ilakkaviyal idaivel_i] KN

(jurang digital)

19. [ilakkaviyal Na:litaL] (இலக்கவியல் நாளிதழ்)

03/02/11/23/01

Perkataan [ilakkaviyal] + [Na:litaL]

(digital + newspaper)

(இலக்கவியல்) + (நாளிதழ்)

PM 1 > [ilakkaviyal Na:litaL] KN

(surat khabar digital)

20. [iLappi:ttut tokai] (இழப்பீட்டுத் தொகை)

05/01/11/15/01

Perkataan [iLappi:du] + [tokai]

(compensation + money)

(இழப்பீடு) + (தொகை)

PM 6 > [iLappi:ttut tokai] KN

(wang pampasan)

21. [uttarava:tat tokai] (உத்தரவாதத் தொகை)		28/02/11/16/01
Perkataan	[uttarava:tam] + [tokai]	(bail + amount)
	(உத்தரவாதம்) + (தொகை)	
PM 13	> [uttarava:tat tokai] KN	(wang jaminan)
22. [uparip pa:kam] (உபரிப் பாகம்)		17/02/11/35/01
Perkataan	[upari] + [pa:kam]	(spare + part)
	(உபரி) + (பாகம்)	
PM 2	> [uparip pa:kam] KN	(alat ganti)
23. [uyiriyal toLilNudpam] (உயிரியல் தொழில்நுட்பம்)		29/01/11/03/01
Perkataan	[uyiriyal] + [toLilNudpam]	(biology + technology)
	(உயிரியல்) + (தொழில்நுட்பம்)	
PM 1	> [uyiriyal toLilNudpam] KN	(bioteknologi)
24. [ulla:cattalam] (உல்லாசத்தளம்)		26/02/11/25/01
Perkataan	[ulla:cam] + [talam]	(tourism + spot)
	(உல்லாசம்) + (தளம்)	
PM 13	> [ulla:cattalam] KN	(tempat pelancongan)

25. [*ulaka va:nipa maiyam*] (உலக வாணிப மையம்) 04/01/11/25/01

Perkataan [*ulakam*] + [*va:nipam*] + [*maiyam*] (*world + trade + centre*)
(உலகம்) + (வாணிபம்) + (மையம்)

PM 9 > [*ulakam*] + [*va:nipa maiyam*]

PM 9 > [*ulaka va:nipa maiyam*] KN (pusat perdagangan dunia)

26. [*u:Liyar ce:ma Niti*] (ஊழியர் சேம நிதி) 20/02/11/02/01

Perkataan [*u:Liyar*] + [*ce:mam*] + [*Niti*] (*employee + provident + fund*)
(ஊழியர்) + (சேமம்) + (நிதி)

PM 9 > [*u:Liyar*] + [*ce:ma Niti*]

PM 1 > [*u:Liyar ce:ma Niti*] KN (wang kebajikan pekerja)

27. [*eccarikkaip palakai*] (எச்சரிக்கைப் பலகை) 11/01/11/29/01

Perkataan [*eccarikkai*] + [*palakai*] (*warning + signboard*)
(எச்சரிக்கை) + (பலகை)

PM 2 > [*eccarikkaip palakai*] KN (papan tanda amaran)

28. [*enneyk kidangku*] (எண்ணெய்க் கிடங்கு) 18/01/11/20/01

Perkataan [*enney*] + [*kidangku*] (*oil + depot*)
(எண்ணெய்) + (கிடங்கு)

PM 3 > [*enneyk kidangku*] KN (depot minyak)

29. [*ellai NuLaiva:cal*] (எல்லை நுழைவாசல்) 19/01/11/28/01

Perkataan [*ellai*] + [*NuLaiva:cal*] (*border + entry + gate*)
(எல்லை) + (நுழைவாசல்)

PM 1 > [*ellai NuLaiva:cal*] KN (pintu masuk sempadan)

30. [*oruvaLip payanam*] (ஒருவழிப் பயணம்) 14/01/11/15/01

Perkataan [*oru*] + [*vaLi*] + [*payanam*] (*one-way + trip*)
(ஒரு) + (வழி) + (பயணம்)

PM 1 > [*oruvaLi*] + [*payanam*]

PM 2 > [*oruvaLip payanam*] KN (perjalanan sehalu)

*** Alomorf : /o:r/, /oru/ dan /onRu/

31. [*kattana attavanai*] (கட்டண அட்டவணை) 11/01/11/10/01

Perkataan [*kattanam*] + [*attavanai*] (*payment + schedule*)
(கட்டணம்) + (அட்டவணை)

PM 8 > [*kattana attavanai*] KN (jadual bayaran)

32. [*katta:ya maranat tandanai*] (கட்டாய மரணத் தண்டனை) 25/01/11/25/01

Perkataan [*katta:yam*] + [*maranam*] + [*tandanai*] (*mandatory + death + sentence*)
(கட்டாயம்) + (மரணம்) + (தண்டனை)

PM 13 > [*katta:yam*] + [*maranat tandanai*]

PM 9 > [*katta:ya maranat tandanai*] KN (hukuman mati mandatori)

33. [<i>kadai vi:du</i>] (கடை வீடு)	03/02/11/28/02
Perkataan [<i>kadai</i>] + [<i>vi:du</i>] (கடை) + (வீடு)	(<i>shop + house</i>)
PM 1 > [<i>kadai vi:du</i>] KN	(rumah kedai)
34. [<i>katirvi:ccu cikiccai</i>] (கதிர்வீச்சு சிகிச்சை)	10/02/11/20/01
Perkataan [<i>katirvi:ccu</i>] + [<i>cikiccai</i>] (கதிர்வீச்சு) + (சிகிச்சை)	(<i>radiotherapy + treatment</i>)
PM 1 > [<i>katirvi:ccu cikiccai</i>] KN	(rawatan radioterapi)
35. [<i>kaRuppup pattiyaal</i>] (கறுப்புப் பட்டியல்)	26/02/11/14/01
Perkataan [<i>kaRuppu</i>] + [<i>pattiyaal</i>] (கறுப்பு) + (பட்டியல்)	(<i>black + list</i>)
PM 2 > [<i>kaRuppup pattiyaal</i>] KN	(senarai hitam)
36. [<i>kaninik ku:dam</i>] (கணினிக் கூடம்)	28/01/11/21/01
Perkataan [<i>kanini</i>] + [<i>ku:dam</i>] (கணினி) + (கூடம்)	(<i>computer + laboratory</i>)
PM 2 > [<i>kaninik ku:dam</i>] KN	(makmal komputer)
37. [<i>kanaraka iyaNtiram</i>] (கனரக இயந்திரம்)	04/01/11/10/01
Perkataan [<i>kanarakam</i>] + [<i>iyaNtiram</i>] (கனரகம்) + (இயந்திரம்)	(<i>heavy + machinery</i>)
PM 8 > [<i>kanaraka iyaNtiram</i>] KN	(jentera berat)

38. [kaLivup paRRucci:ttu] (கழிவுப் பற்றுச்சீட்டு)		02/01/11/31/01
Perkataan	[kaLivu] + [paRRucci:ttu]	(discount + voucher)
	(கழிவு) + (பற்றுச்சீட்டு)	
PM 2	> [kaLivup paRRucci:ttu] KN	(baucar diskaun)
39. [kallakkudiye:Ri] (கள்ளக்குடியேறி)		11/01/11/30/01
Perkataan	[kallam] + [kudi] + [e:Ri]	(illegal + immigrant)
	(கள்ளம்) + (குடி) + (ஏறி)	
PM 4	> [kallam] + [kudiye:Ri]	
PM 13	> [kallakkudiye:Ri] KN	(pendatang asing tanpa izin)
40. [ka:ppuRuti mukavar] (காப்புறுதி முகவர்)		12/02/11/23/01
Perkataan	[ka:ppuRuti] + [mukavar]	(insurance + agent)
	(காப்புறுதி) + (முகவர்)	
PM 1	> [ka:ppuRuti mukavar] KN	(agen insurers)
41. [ka:RRuppai] (காற்றுப்பை)		21/01/11/01/01
Perkataan	[ka:RRu] + [pai]	(air + bag)
	(காற்று) + (பை)	
PM 2	> [ka:RRuppai] KN	(beg udara)

42. [*kuRunjceyti*] (குறுஞ்செய்தி) 15/02/11/32/01

Perkataan [*kuRum*] + [*ceyti*] (*short + message*)
(குறும்) + (செய்தி)

PM 14 > [*kuRunjceyti*] KN (pesanan ringkas)

43. [*kuRuNtattu*] (குறுந்தட்டு) 16/01/11/28/01

Perkataan [*kuRum*] + [*tattu*] (*compact + disc*)
(குறும்) + (தட்டு)

PM 14 > [*kuRuNtattu*] KN (cakera padat)

*** Alomorf : /*kuR*/, /*kuRu*/, /*kuRum*/, /*kuRukiya*/ dan /*kuRumail*/

44. [*ku:ttaracu Nedunjca:lai*] (கூட்டரசு நெடுஞ்சாலை) 17/02/11/20/01

Perkataan [*ku:ttaracu*] + [*Nedunjca:lai*] (*federal + highway*)
(கூட்டரசு) + (நெடுஞ்சாலை)

PM 1 > [*ku:ttaracu Nedunjca:lai*] KN (lebuhraya persekutuan)

45. [*ke:likkai maiyam*] (கேளிக்கை மையம்) 30/01/11/35/01

Perkataan [*ke:likkai*] + [*maiyam*] (*entertainment + centre*)
(கேளிக்கை) + (மையம்)

PM 1 > [*ke:likkai maiyam*] KN (pusat hiburan)

46. [kaitu a:nai] (கைது ஆணை)	08/02/11/23/01
Perkataan [kaitu] + [a:nai] (கைது) + (ஆணை)	(arrest + warrant)
PM 1 > [kaitu a:nai] KN	(waran tangkap)
47. [kol^lkalan kappal] (கொள்கலன் கப்பல்)	22/01/11/06/01
Perkataan [kol ^l kalan] + [kappal] (கொள்கலன்) + (கப்பல்)	(container + ship)
PM 1 > [kol^lkalan kappal] KN	(kapal kontena)
48. [camu:ka akappakkam] (சமூக அகப்பக்கம்)	22/01/11/24/02
Perkataan [camu:kam] + [akappakkam] (சமூகம்) + (அகப்பக்கம்)	(social + webpage)
PM 8 > [camu:ka akappakkam] KN	(laman web sosial)
49. [camu:ka mandapam] (சமூக மண்டபம்)	11/01/11/27/01
Perkataan [camu:kam] + [mandapam] (சமூகம்) + (மண்டபம்)	(community + hall)
PM 9 > [camu:ka mandapam] KN	(dewan komuniti)
50. [carakku vima:nam] (சரக்கு விமானம்)	01/02/11/16/01
Perkataan [carakku] + [vima:nam] (சரக்கு) + (விமானம்)	(cargo + craft)
PM 1 > [carakku vima:nam] KN	(kapal terbang kargo)

51. [*ca:nRitaLk kalvi*] (சான்றிதழ்க் கல்வி) 25/02/11/25/01

Perkataan [*ca:nRitaL*] + [*kalvi*] (certificate + studies)
(சான்றிதழ்) + (கல்வி)

PM 3 > [*ca:nRitaLk kalvi*] KN (pengajian peringkat sijil)

52. [*ca:laik katt^uan^uac ca:vadi*] (சாலைக் கட்டணச் சாவடி) 17/02/11/09/01

Perkataan [*ca:lai*] + [*katt^uan^uam*] + [*ca:vadi*] (toll + plaza)
(சாலை) + (கட்டணம்) + (சாவடி)

PM 13 > [*ca:lai*] + [*katt^uan^uac ca:vadi*]

PM 2 > [*ca:laik katt^uan^uac ca:vadi*] KN (plaza tol)

53. [*ca:laic caNtippu*] (சாலைச் சந்திப்பு) 25/01/11/29/01

Perkataan [*ca:lai*] + [*caNtippu*] (road + junction)
(சாலை) + (சந்திப்பு)

PM 2 > [*ca:laic caNtippu*] KN (simpang jalan)

54. [*ciRuraka va:kanam*] (சிறுரக வாகனம்) 02/01/11/38/01

Perkataan [*ciRu*] + [*rakam*] + [*va:kanam*] (light + vehicle)
(சிறு) + (ரகம்) + (வாகனம்)

PM 1 > [*ciRurakam*] + [*va:kanam*]

PM 9 > [*ciRuraka va:kanam*] KN (kendaraan ringan)

*** Alomorf : /*ciR*/, /*ciRu*/, /*ciRiya*/ dan /*ciRumai*/

55. [*cuRRula: mukavar*] (சுற்றுலா முகவர்) 11/01/11/28/01

Perkataan [*cuRRula:*] + [*mukavar*] (*travel + agent*)

(சுற்றுலா) + (முகவர்)

PM 1 > [*cuRRula: mukavar*] KN (*agen pelancongan*)

56. [*cu:riyak katiralai*] (சூரியக் கதிரலை) 18/02/11/20/01

Perkataan [*cu:riya*] + [*katiralai*] (*solar + radio wave*)

(சூரிய) + (கதிரலை)

PM 2 > [*cu:riyak katiralai*] KN (*solar radio wave*)

*** Alomorf : /*cu:riya*/ dan /*cu:riyan*/

57. [*ceyti va:cippa:lar*] (செய்தி வாசிப்பாளர்) 25/01/11/23/01

Perkataan [*ceyti*] + [*va:cippa:lar*] (*news + reader*)

(செய்தி) + (வாசிப்பாளர்)

PM 1 > [*ceyti va:cippa:lar*] KN (*pembaca berita*)

58. [*ceyaliLappu o:yvu:tiyam*] (செயலிழப்பு ஓய்வூதியம்) 18/02/11/09/01

Perkataan [*ceyaliLappu*] + [*o:yvu:tiyam*] (*disability + pension*)

(செயலிழப்பு) + (ஓய்வூதியம்)

PM 1 > [*ceyaliLappu o:yvu:tiyam*] KN (*pencen keilatan*)

59. [*tadayaviyal Nipunar*] (தடயவியல் நிபுணர்) 11/01/11/24/01
- Perkataan [*tadayaviyal*] + [*Nipunar*] (*forensic + specialist*)
(தடயவியல்) + (நிபுணர்)
- PM 1 > [*tadayaviyal Nipunar*] KN (pakar forensik)
-
60. [*taRka:ppu va:tam*] (தற்காப்பு வாதம்) 10/02/11/24/01
- Perkataan [*taRka:ppu*] + [*va:tam*] (*defence + argument*)
(தற்காப்பு) + (வாதம்)
- PM 1 > [*taRka:ppu va:tam*] KN (hujahan pertahanan)
-
61. [*taniya:rc cikiccai maiyam*] (தனியார்ச் சிகிச்சை மையம்) 22/01/11/25/01
- Perkataan [*taniya:r*] + [*cikiccai*] + [*maiyam*] (*private + medical + centre*)
(தனியார்) + (சிகிச்சை) + (மையம்)
- PM 1 > [*taniya:r*] + [*cikiccai maiyam*]
- PM 3 > [*taniya:rc cikiccai maiyam*] KN (pusat perubatan swasta)
-
62. [*talaimaic ceyalmuRai atika:ri*] 13/01/11/07/01
- (தலைமைச் செயல்முறை அதிகாரி)
- Perkataan [*talaimai*] + [*ceyalmuRai*] + [*atika:ri*] (*chief + executive + officer*)
(தலைமை) + (செயல்முறை) + (அதிகாரி)
- PM 1 > [*talaimai*] + [*ceyalmuRai atika:ri*]
- PM 2 > [*talaimaic ceyalmuRai atika:ri*] KN (ketua pegawai eksekutif)

63. [*tidakkaLivu*] (திடக்கழிவு) 07/02/11/19/01
 Perkataan [*tidam*] + [*kaLivu*] (solid + waste)
 (திடம்) + (கழிவு)
 PM 13 > [*tidakkaLivu*] KN (sisa pepejal)
64. [*tiRaNta ciNtanai*] (திறந்த சிந்தனை) 26/02/11/30/01
 Perkataan [*tiRaNta*] + [*ciNtanai*] (open + minded)
 (திறந்த) + (சிந்தனை)
 PM 1 > [*tiRaNta ciNtanai*] KN (pemikiran terbuka)
65. [*tiRaNtaveli va:nipam*] (திறந்தவெளி வாணிபம்) 04/01/11/39/03
 Perkataan [*tiRaNtaveli*] + [*va:nipam*] (open + trade)
 (திறந்தவெளி) + (வாணிபம்)
 PM 1 > [*tiRaNtaveli va:nipam*] KN (perdagangan terbuka)
66. [*ti:virak kanka:nippup pirivu*] (தீவிரக் கண்காணிப்புப் பிரிவு) 21/01/11/02/02
- v. Keperluan Pembentukan Kata;
- vi. Langkah-langkah untuk Memastikan Ketepatan Kata;
- vii. Masalah Penterjemahan;
- viii. Maklum Balas Penggunaan Kata-kata Baru;
- ix. Cadangan untuk Mengatasi Ketidakteraturan Penggunaan Kata;
- x. Kepentingan Penubuhan Badan Perancang Bahasa Tamil di Malaysia.

4.7.2.1 Skop Tugas

Para editor ditugaskan untuk membuat liputan, menterjemah berita, menulis berita dan menerbitkan berita. Berikut adalah penjelasan yang diberikan oleh responden 5.

நான் செய்திகளைச் சேகரிப்பது, செய்திகளைத் தயாரிப்பது, கிடைக்கப்பெறும் செய்திகளை மொழிபெயர்த்து எழுதுவது போன்ற பணிகளில் ஈடுபட்டுள்ளேன்.

Na:n ceytika_laic ce:karippatu, ceytika_lait taya:rippatu, kidaikkappeRum ceytika_lai moLipeyarttu eLutuvatu po:nRa panika_lil i:dupattulle:n.

Saya membuat liputan berita, menerbitkan berita, menterjemah dan menulis berita.

Lampiran E - Responden 5

Seorang editor yang berpengalaman dipilih dalam kalangan editor sendiri untuk berperanan sebagai ketua editor (*chief staff*) setiap hari. Lebih kurang empat atau lima editor akan bertugas di bawah penyeliaan ketua editor tersebut. Beliau membahagikan tugas sesama editor dan menyemak skrip berita sebelum menyerahkannya kepada pembaca berita.

Semua editor diselia oleh seorang ketua yang dikenali sebagai Penolong Pengarah Berita Bahasa Tamil. Selain menulis skrip, beliau turut bertanggungjawab menyelia para editor dari segi pembahagian tugas dan penyemakan skrip berita.

4.7.2.2 Sumber Berita

Berita Tamil menerima berita dari luar negara dan dalam negeri. Sumber berita luar negara diterima daripada agensi berita seperti *Thomson Reuters Group Limited* (REUTERS), *Agence France-Presse* (AFP), *Cable News Network* (CNN) dan *Associated Press*

Television News (APTN). Manakala berita dalam negeri diterima daripada pihak Bernama, wartawan RTM dan wartawan berita Tamil. Berikut adalah keterangan yang diberikan oleh responden 2.

உள்நாட்டுச் செய்திகள் பெர்னாமா மற்றும் ஆர்.டி.எம் - இன் நிருபர்களின் மூலம் கிடைக்கப்பெறுகின்றன. வெளிநாட்டுச் செய்தி நிறுவனங்களான எ.எப்.பி., ரோய்டர்ஸ் மற்றும் எ.பி.டி.என். வெளிநாட்டுச் செய்திகளை அனுப்புகின்றன.

ulNa:ttuc ceytikal perna:ma: maRRum a:r.ti.em – in Niruparkal in mu:lam kidaikkappeRukinRana. veliNa:ttuc ceyti NiRuvanangkala:na e.ep.pi., ro:yṭars maRRum e.pi.ti.en. veliNa:ttuc ceytikalai anuppukinRana.

Berita dalam negeri diterima daripada agensi berita BERNAMA dan wartawan RTM. Manakala berita luar negara diterima daripada agensi berita seperti AFP, REUTERS dan APTN.

Lampiran E - Responden 2

4.7.2.3 Keterlibatan dalam Pembentukan Kata

Kajian mendapati para editor berita Tamil TV2, RTM terlibat secara langsung dalam proses pembentukan kata. Para editor tidak pernah menghadiri kursus atau latihan tentang proses pembentukan kata. Namun, mereka membentuk kata yang hampir sama maksud agar mudah difahami oleh pendengar. Berikut adalah penjelasan daripada responden 4.

நாங்கள் சொல்லாக்கம் பற்றிய திறனைப் பெற்றிருக்கவில்லை என்றாலும், மொழிபெயர்க்கும் பொழுது எளிமையாகப் புரிந்துகொள்ளக்கூடிய, அண்மைப் பொருளைத் தருகின்ற சொல்லை உருவாக்குகின்றோம்.

Na:ngkal colla:kkam paRRiya tiRanaip peRRirukkavillai enRa:lum, moLipeyarppuc ceyyum poLutu eḷimaiya:kap puriNtukollakku:diya, anmaip porulait tarukinRa collai uruva:kkukinRo:m.

Kami tidak mempunyai kemahiran tentang proses pembentukan kata. Apabila membuat penterjemahan, kami akan cuba membentuk kata yang hampir sama maksud dan mudah difahami.

Lampiran E - Responden 4

4.7.2.4 Cara-cara Pembentukan Kata

Huraian terperinci tentang cara-cara membentuk kata-kata baru dapat dilihat dalam subtopik 4.7.1.

4.7.2.5 Keperluan Pembentukan Kata

Para editor berpendapat bahawa pembentukan kata-kata baru penting untuk perkembangan bahasa Tamil. Banyak istilah sains dan teknologi diperkenalkan dalam bahasa Inggeris. Kata-kata baru ini perlu diterjemah kepada bahasa Tamil. Pengguna bahasa Tamil dapat menggunakan kata-kata baru dalam penulisan dan pertuturan. Dengan ini, bahasa Tamil dapat berkembang mengikut peredaran zaman.

Selain itu, penggunaan perkataan asing dapat dielakkan melalui pembentukan kata. Kadang-kadang para editor terpaksa menggunakan penerangan panjang untuk menjelaskan sesuatu istilah bahasa asing kerana tidak dapat mencari perkataan yang sesuai dalam bahasa Tamil. Pada dasarnya, pembentukan kata dapat menyenangkan kerja penulisan berita. Berikut adalah keterangan yang diberikan oleh responden 3.

புதிய சொற்கள் இருப்பின், நாம் அந்நிய மொழியின் பயன்பாட்டைத் தவிர்க்கலாம். தவிர, நாம் தமிழ் மொழியின் கலைச்சொற்களைப் பெருக்குவதோடு, பயன்பாட்டையும் மேம்படுத்தலாம்.

putiya coRkaḷ iruppin, Na:m aNNiya moLiyin payanpa:ttait tavirkkala:m. tavira, Na:m TamiL moLiyin kalaiccoRkaḷaip perukkuvato:du, payanpa:ttaiyum me:mpaduttala:m.

Dengan adanya kata-kata baru, kita dapat mengelakkan penggunaan bahasa asing. Selain itu, kita dapat menambahkan perbendaharaan kata dalam bahasa Tamil selain meningkatkan penggunaan bahasa Tamil.

Lampiran E - Responden 3

4.7.2.6 Langkah-langkah untuk Memastikan Ketepatan Kata

Para editor berita harus memastikan bahawa mereka menggunakan kata yang tepat melalui pengalaman, tahap penguasaan bahasa dan kemahiran menulis. Lazimnya, pembahagian berita sesama editor dibuat berdasarkan kebolehan mereka. Apabila sesuatu skrip berita diterima, editor perlu membacanya dahulu secara keseluruhan. Setelah siap menulis skrip berita, setiap editor harus membaca keseluruhan skrip yang ditulis olehnya beberapa kali.

Kemudian, ketua editor memeriksa skrip tersebut dari segi penterjemahan, penggunaan kata dan ayat serta meluluskan skrip tersebut. Sekiranya didapati penterjemahan suatu kata tidak sesuai dengan konteksnya, maka ketua editor akan mengekalkan kata asing dan memberikan penerangan ringkas dalam bahasa Tamil tentang kata asing tersebut. Akhirnya, pembaca berita membaca skrip tersebut sebelum ke udara. Tambahan pula, editor digalakkan membaca akhbar untuk membandingkan cara penulisannya. Selain itu, kelemahan dalam penggunaan kata yang tepat juga diatasi melalui maklum balas daripada pendengar. Berikut adalah penjelasan yang diberikan oleh responden 1.

செய்திப் படிவத்தில் பயன்படுத்தப்படும் சொற்கள் பொருத்தமானவையாக உள்ளனவா என்பதை உறுதிப்படுத்துவதற்குத், தலைமைச் செய்தியாசிரியர் சரிபார்ப்பார்.

ceytip padivattil payanpaduttappadum coRkaḷ pottama:navaiya:ka ullanava: enpatai uRutippaduttuvataRkut, talaimaic ceytiya:ciriyar caripa:rppa:r.

Ketua editor akan memeriksa skrip berita dari segi penggunaan kata untuk memastikan ketepatan kata.

Lampiran E - Responden 1

4.7.2.7 Masalah Penterjemahan

Kelima-lima responden mengakui bahawa kosa kata atau istilah merupakan antara masalah yang dihadapi dalam proses penterjemahan. Apabila menterjemah berita daripada bahasa Inggeris, kadang-kadang para editor tidak tahu konteks penggunaan sesuatu perkataan kerana sesuatu kata boleh membawa pelbagai maksud. Berikut adalah keterangan yang diberikan oleh responden 1.

மொழிபெயர்க்கும் பொழுது, எங்களுக்குச் சில சொற்கள் எந்தச் சூழலில் பொருள் தருகின்றன எனத் தெரிந்துகொள்ளமுடிவதில்லை. ஏனெனில் ஒரு சொல் பல பொருள்களைத் தரும்.

moLiPeyarkkum poLutu, engkalukkuc cila coRkaḷ eNtac cu:Lalil poruḷ tarukinRana enat teriNtukollamudivatillai. e:nenil oru col pala poruḷkalait tarum.

Apabila menterjemah, kami tidak tahu konteks penggunaan sesuatu perkataan kerana sesuatu kata boleh membawa pelbagai maksud.

Lampiran E - Responden 1

Kadang-kadang para editor tidak dapat mencari kata yang sepadan dalam bahasa Tamil. Jika membuat penterjemahan langsung, kemungkinan besar pendengar tidak memahaminya. Dalam keadaan sedemikian, mereka mengekalkan penggunaan kata asing dan memberi penerangan ringkas dalam bahasa Tamil tentang makna kata tersebut.

4.7.2.8 Maklum Balas Terhadap Penggunaan Kata-kata Baru

Para editor menerima maklum balas tentang penyiaran berita daripada pendengar. Lazimnya, maklum balas diterima sejurus selepas berita tamat atau selepas dua hari. Antara maklum balas yang diterima ialah penggunaan perkataan yang tidak sesuai atau kesalahan tatabahasa. Pendengar juga menulis komen dalam akhbar tentang penyiaran berita. Jika

komen pendengar didapati benar dan relevan, para editor mengadakan perbincangan dan merujuk sesetengah pihak untuk memperbaiki kesilapan tersebut.

Jawapan responden tentang kekerapan penerimaan maklum balas adalah berbeza. Ada editor yang mengatakan maklum balas diterima sekali dalam sebulan dan ada pula yang menjawab dua kali dalam seminggu. Ada juga yang menegaskan bahawa hampir setiap hari maklum balas diterima. Berikut adalah penjelasan yang diberikan oleh responden 5.

பொதுவாக, ஒவ்வொரு நாளும் செய்தி முடிந்தவுடன் மக்களிடமிருந்து கருத்துகள் கிடைக்கப்பெறுகின்றன.

potuva:ka, ovvoru Na:lum ceyti mudiNtavudan makkaḷidamiruNtu karuttukaḷ kidaikkappeRukinRana.

Kekerapan penerimaan maklum balas boleh dikatakan hampir setiap hari sejurus selepas berita tamat.

Lampiran E - Responden 5

4.7.2.9 Cadangan untuk Mengatasi Ketidakseragaman Penggunaan Kata

Ketidakseragaman penggunaan kata antara media elektronik dan media cetak dapat diatasi sedikit demi sedikit. Akhbar mempunyai ruang halaman yang banyak dan pembaca pula boleh membaca sesuatu berita berulang kali. Tetapi media elektronik seperti televisyen hanya menyiarkan berita sekali dalam sehari selama setengah jam. Maka, pendengar hanya dapat mendengar berita ini sekali dan ia tidak akan disiarkan semula. Berikutan daripada kekangan masa, berita televisyen harus menyiarkan berita dengan kata yang tepat, padat dan ringkas. Jika berita televisyen menggunakan kata yang sukar difahami, pendengar tidak

dapat merujuk semula untuk memahami berita tersebut. Situasi ini sering kali menimbulkan ketidakseragaman kata antara media massa.

Oleh itu, wakil editor dari setiap media massa seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah boleh mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan masalah ketidakseragaman kata ini. Istilah yang didapati menimbulkan keraguan boleh dibincang bersama untuk menyeragamkan penggunaannya. Seterusnya, sebuah kamus boleh diterbitkan untuk memudahkan kerja para editor. Berikut adalah penjelasan yang diberikan oleh responden 2.

தொலைக்காட்சி, வானொலி, நாளிதழ் மற்றும் சஞ்சிகை போன்ற ஊடகங்களின் எழுத்தாசிரியர்கள் கலந்துரையாடுவதன் மூலம் சொற்களின் பயன்பாட்டைச் சீரமைக்கலாம்.

*Tolaikka: dci, va:noli, Na:litaL maRRum canjikai po:nRa u:dakangkalin
eLutta:ciriyarkaḷ kalaNturaiya:duvatan mu:lam coRkalin payanpa:ttai
ci:ramaikkala:m.*

Wakil editor dari setiap media massa seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah boleh mengadakan perbincangan untuk menyeragamkan penggunaan kata.

Lampiran E - Responden 2

Kini, radio Minnal FM sedang memperkenalkan beberapa perkataan baru melalui rancangan khas pada hari Ahad dari 10.45 pagi hingga 11.00 pagi. Dalam rancangan ini, juru hebah akan memberitahu sesuatu perkataan atau istilah dalam bahasa Inggeris. Para pendengar yang mengetahui terjemahannya dalam bahasa Tamil akan menelefon untuk memberitahu serta mendapatkan hadiah wang tunai. Selain itu, akhbar Tamil tempatan juga sedang menerbitkan senarai kata baru. Usaha memperkenalkan perkataan baru perlu

diteruskan oleh pihak media massa. Dengan ini, pendengar dan pembaca dapat mengetahui perkataan bahasa Tamil yang sepadan dengan kata asing.

Di samping itu, masalah ketidakseragaman dapat diatasi sedikit sebanyak di peringkat sekolah. Sekolah Tamil berfungsi sebagai institusi perkembangan bahasa Tamil. Oleh itu, penggunaan perkataan baru perlu dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh memperkenalkan sekurang-kurangnya sepuluh patah perkataan baru dalam seminggu agar murid-murid dapat menggunakannya dalam penulisan dan pertuturan.

4.7.2.10 Kepentingan Penubuhan Badan Perancang Bahasa Tamil di Malaysia

Semua responden bersetuju sebulat suara bahawa sebuah badan perancang bahasa Tamil perlu ditubuhkan di Malaysia bagi membentuk kata. Hal ini kerana badan tersebut dapat mengumumkan penggunaan sesuatu kata dalam bentuk kamus secara rasminya. Maka, semua pengguna bahasa dapat menggunakan istilah atau kata yang sama secara seragam. Berikut adalah keterangan yang diberikan oleh responden 2.

மொழி திட்டமிடல் அமைப்பு புதிய சொற்களின் பயன்பாட்டை ஓர் அகராதியை வெளியிட்டு அதிகாரப்பூர்வமாக அறிவிக்கலாம்.

moLi tittamidal amaippu putiya coRka_{lin} payanpa:ttai o:r akara:tiyai veliyittu atika:rappu:rvama:ka aRivikkala:m.

Suatu badan dapat mengumumkan penggunaan kata secara rasmi melalui terbitan kamus.

Lampiran E - Responden 2

4.8 Penutup

Daripada analisis data kajian ini, didapati editor berita Tamil TV2, RTM menggunakan tiga jenis proses pembentukan kata yang disarankan oleh Yule, G. (1985:51-57) untuk membentuk kata-kata baru dalam bahasa Tamil. Tambahan pula, para editor turut menggunakan sepuluh cara untuk membentuk kata. Selanjutnya, pengkaji merumuskan dapatan kajian dalam bab kesimpulan.

BAB 5

DAPATAN KAJIAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini merumuskan dapatan kajian secara keseluruhan berdasarkan persoalan kajian. Selanjutnya, suatu perbincangan dibuat disertai dengan implikasi kajian. Tambahan pula, pengkaji menyarankan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah ketidakseragaman penggunaan kata. Bab ini diakhiri dengan cadangan kajian lanjutan.

5.2 Dapatan Kajian

Hanya tiga proses pembentukan kata berdasarkan Kerangka Pengkategorian Proses Pembentukan Kata Yule, G. (1985:51-57) digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM. Didapati para editor berita Tamil TV2, RTM menggunakan sepuluh cara untuk membentuk kata-kata baru. Seterusnya, pengkaji merumuskan dapatan kajian mengikut persoalan-persoalan kajian.

5.2.1 Penggunaan Proses Pembentukan Kata-kata Baru

Persoalan pertama ialah untuk mengkaji penggunaan proses-proses pembentukan kata-kata baru dalam berita Tamil TV2, RTM. Hasil kajian memaparkan sebanyak tiga proses pembentukan kata digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM, iaitu peminjaman, pemajmukan dan pengimbuhan.

Proses peminjaman (*borrowing*) yang terbahagi kepada dua jenis, iaitu pinjam terjemah dan pinjam campur digunakan secara meluas dalam pembentukan kata-kata baru, iaitu sebanyak 143 (65%) patah perkataan.

Proses pinjam terjemah (*loan translation*) mencatat penggunaan sebanyak 127 (88.8%) patah perkataan. Didapati semua perkataan (100.0%) diterjemah dari bahasa Inggeris kepada bahasa Tamil. Perkataan bahasa lain tidak digunakan dalam pembentukan kata-kata baru.

Proses pinjam campur (*loan blend*) bukannya proses pembentukan kata yang disarankan oleh Yule, G. (1985). Namun, pengkaji mendapati pembentukan kata turut berlaku melalui proses pinjam campur. Pembentukan kata jenis ini tidak mengambil kira sama ada kata baru atau lama. Hal ini kerana kata pinjaman bahasa lain tidak tersenarai dalam kamus bahasa Tamil. Oleh itu, status kata pinjaman sama ada baru atau lama tidak dapat disemak.

Proses pinjam campur mencatat penggunaan sebanyak 16 (11.2%) patah perkataan. Terdapat dua jenis pola pembentukan kata dalam proses pinjam campur, iaitu pola [kata pinjaman + kata asli] dan [kata asli + kata pinjaman]. Pola [kata pinjaman + kata asli] dan pola [kata asli + kata pinjaman] masing-masing mencatat penggunaan yang sebanyak sembilan (56.2%) patah perkataan dan tujuh (43.8%) patah perkataan.

Semua (100.0%) perkataan dibentuk menggunakan kata pinjaman bahasa Inggeris. Dalam kajian ini, perkataan bahasa Sanskrit tidak diambil kira sebagai kata pinjaman. Ini kerana bahasa Sanskrit sudah bercampur dengan struktur kata Tamil.

Seterusnya, proses pemajmukan (*compounding*) mencatat penggunaan sebanyak 66 (30%) patah perkataan. Terdapat dua jenis pola dalam pemajmukan, iaitu kata majmuk tunggal dan kata majmuk berganda. Pola kata majmuk tunggal mencatat 42 (63.6%) patah perkataan dan diikuti dengan pola kata majmuk berganda, iaitu sebanyak 24 (36.4%) patah perkataan.

Selanjutnya, proses pengimbuhan (*derivation*) didapati mencatat penggunaan sebanyak 11 (5%) patah perkataan sahaja. Proses pengimbuhan pula terbahagi kepada dua jenis pola, iaitu pola [kata akar + imbuhan] dan [kata dasar + imbuhan]. Pola [kata akar + imbuhan], iaitu sebanyak tujuh (63.6%) patah perkataan digunakan. Manakala pola [kata dasar + imbuhan] mencatat empat (36.4%) patah perkataan dari segi penggunaannya.

Jenis imbuhan yang digunakan merupakan imbuhan akhiran sahaja. Imbuhan lain seperti awalan, sisipan dan apitan tidak digunakan. Imbuhan akhiran yang didapati dalam data kajian terdiri daripada {-a:lar}, {-ka:rar}, {-va:ti}, {-iyal}, {-akam} dan {-pu}. Imbuhan {-a:lar}, {-ka:rar} dan {-va:ti} digunakan untuk membentuk kata nama am (*uyartinaip potuppeyar*) bagi merujuk kedua-dua jantina manusia.

Manakala imbuhan {-iyal} membentuk kata nama (*tuRaippeyar*) bagi merujuk sesuatu bidang. Contohnya, perkataan yang berakhir dengan akhiran {-logy}. Seterusnya, imbuhan {-akam} membentuk kata nama (*idappeyar*) untuk merujuk sesuatu tempat. Akhirnya, imbuhan {-pu} membentuk kata nama (*toLiRpeyar*) bagi merujuk sesuatu perbuatan.

Kesimpulannya, didapati sebanyak tiga proses pembentukan kata digunakan dalam pembentukan kata-kata baru berita Tamil TV2, RTM. Manakala proses-proses lain yang

dicadangkan oleh Yule, G. (1985) seperti penciptaan, percampuran, penyingkatan, pembentukan mengundur, penukaran, akronim dan gabungan proses tidak digunakan dalam pembentukan kata berita Tamil TV2, RTM.

5.2.2 Kekerapan Penggunaan Proses Pembentukan Kata-kata Baru

Berdasarkan penggunaan proses pembentukan kata, kekerapan penggunaan setiap proses pembentukan kata dikira bagi menjawab persoalan kedua. Dapatan kajian menunjukkan proses peminjaman paling banyak digunakan untuk membentuk kata-kata baru. Jumlah penggunaan proses peminjaman ialah 143 (65%) patah perkataan. Proses peminjaman terbahagi kepada dua jenis, iaitu proses pinjam terjemah dan pinjam campur. Proses pinjam terjemah mencatat penggunaan yang tinggi, iaitu sebanyak 127 (88.8%) patah perkataan. Manakala hanya 16 (11.2%) patah perkataan dibentuk melalui proses pinjam campur.

Diikuti dengan proses pemajmukan yang mencatat kekerapan penggunaan kedua tertinggi, iaitu 66 (30%) patah perkataan. Akhirnya, proses pengimbuhan didapati mencatat kadar penggunaan terendah, iaitu sebanyak 11 (5%) patah perkataan sahaja.

Justeru itu, boleh disimpulkan bahawa proses peminjaman khususnya pinjam terjemah digunakan secara meluas oleh para editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru. Hal ini berlaku kemungkinan besar kerana kebanyakan berita adalah daripada bahasa Inggeris. Oleh itu, proses pinjam terjemah tidak dapat dielakkan dalam penulisan berita.

5.2.3 Kekerapan Penggunaan Bidang dalam Pembentukan Kata-kata Baru

Kekerapan penggunaan bidang dalam pembentukan kata-kata baru dihitung bagi menjawab persoalan ketiga. Hasil kajian menunjukkan sebanyak sepuluh bidang terlibat secara kerap dalam pembentukan kata-kata baru, iaitu sains dan teknologi (19.1%), ekonomi dan perdagangan (14.1%), pengangkutan dan perjalanan (12.7%), politik dan kerajaan (8.6%), jenayah dan undang-undang (8.2%), sosial (7.7%), perayaan dan hiburan (5.9%), sukan (5.5%), pendidikan (5.5%), perubatan (5%) dan lain-lain (7.7%).

Didapati bahawa bidang sains dan teknologi merupakan bidang yang paling banyak membentuk kata-kata baru, iaitu sebanyak 42 (19.1%) patah perkataan. Bidang ekonomi pula mencatat penggunaan bidang kedua tertinggi, iaitu sebanyak 31 (14.1%) patah perkataan dan bidang perubatan mencatat penggunaan yang terendah, iaitu sebanyak 11 (5%) patah perkataan.

Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa para editor berita Tamil TV2, RTM kerap membentuk kata-kata baru daripada bidang sains dan teknologi. Ini kerana bidang sains dan teknologi sedang berkembang pesat di Malaysia. Oleh itu, pembentukan kata-kata baru diperlukan bagi mengungkapkan konsep-konsep teknikal tersebut.

5.2.4 Kekerapan Penggunaan Golongan Kata dalam Pembentukan Kata-kata Baru

Selanjutnya, kekerapan penggunaan golongan kata dalam pembentukan kata-kata baru dikenal pasti untuk menjawab persoalan keempat. Dapatan kajian memaparkan pembentukan kata dalam berita Tamil TV2, RTM hanya melibatkan satu golongan kata

secara meluas. Keseluruhan data kajian, iaitu 220 (100.0%) patah perkataan terdiri daripada golongan kata nama sahaja.

Menurut kajian ini, golongan kata lain seperti kata kerja, kata adjektif dan kata tugas tidak digunakan untuk membentuk kata-kata baru. Oleh itu, boleh disimpulkan kebanyakan pembentukan kata-kata baru dalam berita Tamil TV2, RTM melibatkan golongan kata nama sahaja. Kemungkinan besar banyak kata nama dibentuk kerana konsep-konsep asalnya terdiri daripada kata nama.

5.2.5 Penggunaan Cara-cara Pembentukan Kata-kata Baru

Seterusnya, pengkaji mengenal pasti penggunaan cara-cara pembentukan kata-kata baru bagi menjawab persoalan kelima. Didapati sebanyak sepuluh cara diguna pakai oleh para editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru, iaitu pengalaman, bahan bacaan, perbincangan sesama editor dan ketua editor, merujuk kamus bercetak, daftar istilah dan kamus elektronik, merujuk buku catatan khas, merujuk senarai kata atau istilah yang disiarkan dalam akhbar Tamil tempatan, melayari laman web berita Tamil luar negara, merujuk radio Minnal FM dan akhbar Tamil tempatan, merujuk ahli bahasa tempatan serta merujuk akhbar Tamil tempatan terbitan hari berikutnya.

Berdasarkan sesi temu bual, didapati para editor berita Tamil TV2, RTM banyak menggunakan cara merujuk kamus bercetak, daftar istilah dan kamus elektronik serta cara merujuk radio Minnal FM dan akhbar Tamil tempatan. Seramai empat daripada lima responden menyatakan kedua-dua cara ini kerap digunakan untuk membentuk kata-kata baru. Manakala seramai tiga daripada lima editor berita Tamil TV2, RTM menjelaskan

pembentukan kata-kata baru juga dilakukan melalui cara berbincang sesama editor dan ketua editor serta cara merujuk ahli bahasa tempatan.

Pada dasarnya, dapat disimpulkan cara rujukan kamus dan cara menghubungi pihak media lain banyak digunakan kerana para editor dapat mencapai kedua-duanya saluran ini dengan mudah dan segera. Tambahan pula, cara-cara ini dapat mewujudkan keseragaman penggunaan kata dalam kalangan media massa.

5.2.6 Dapatan Kajian Melalui Soalan-soalan Lain Berkaitan Pembentukan Kata Baru

Selain daripada cara-cara pembentukan kata, sesi temu bual merangkumi soalan-soalan berkaitan pembentukan kata-kata baru. Antaranya ialah skop tugas editor, sumber berita, keterlibatan editor dalam pembentukan kata, keperluan pembentukan kata, langkah-langkah untuk memastikan ketepatan kata, masalah penterjemahan, maklum balas pendengar mengenai kata-kata baru, cadangan bagi mengatasi ketidakseragaman penggunaan kata dan kepentingan penubuhan badan perancang bahasa Tamil di Malaysia.

Skop tugas seseorang editor merangkumi liputan berita, penterjemahan dan penulisan berita, penerbitan berita serta sebagai ketua editor. Manakala Penolong Pengarah Berita Bahasa Tamil bertanggungjawab untuk menyelia para editor dari segi pembahagian tugas dan penyemakan skrip berita.

Keduanya, sumber berita luar negara diterima daripada agensi berita seperti *Thomson Reuters Group Limited* (REUTERS), *Agence France-Presse* (AFP), *Cable News Network*

(CNN) dan *Associated Press Television News* (APTN). Manakala berita dalam negeri diterima daripada pihak Bernama, wartawan RTM dan wartawan berita Tamil TV2, RTM.

Ketiganya, kajian menunjukkan para editor berita Tamil TV2, RTM terlibat dalam proses pembentukan kata tetapi para editor tidak pernah menghadiri kursus atau latihan tentang proses pembentukan kata. Namun, mereka membentuk kata yang hampir sama maksud agar mudah difahami oleh pendengar.

Selanjutnya, kata-kata baru diperlukan untuk memperkasakan penggunaan bahasa Tamil. Tambahan pula, penggunaan bahasa asing dapat dielakkan sekiranya perbendaharaan bahasa Tamil bertambah. Kelima-lima editor bersetuju bahawa pembentukan kata-kata baru penting bagi perkembangan bahasa Tamil.

Seterusnya, ketepatan penggunaan kata bergantung kepada pengalaman, tahap penguasaan bahasa dan kemahiran menulis seseorang editor. Selepas siap menulis, setiap editor harus membaca skrip berita yang ditulisnya berulang kali. Tambahan pula, ketua editor menyemak penterjemahan, penggunaan kata dan ayat sebelum sesebuah berita ke udara.

Dari segi masalah penterjemahan, kelima-lima responden menyatakan mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkataan yang sesuai. Kadang-kadang para editor tidak dapat mengenal pasti konteks penggunaan sesuatu perkataan kerana sesuatu kata boleh membawa pelbagai maksud. Sekiranya perkataan tersebut diterjemah secara langsung, penterjemahan langsung dapat mengelirukan para pendengar. Oleh itu, para editor mengekalkan penggunaan bahasa asing dalam situasi ini.

Selain itu, maklum balas seperti penggunaan perkataan yang tidak sesuai dan kesalahan tatabahasa diterima daripada pendengar. Para editor mengadakan perbincangan dan merujuk sesetengah pihak untuk memperbaiki kesilapan yang dikemukakan.

Cadangan bagi mengatasi ketidakseragaman dalam penggunaan kata antara media massa dibincangkan secara ringkas dalam subtopik 5.6.

Di samping itu, kelima-lima responden bersetuju sebulat suara bahawa sebuah badan perancang bahasa Tamil harus ditubuhkan di Malaysia. Tujuannya adalah untuk merancang perkembangan bahasa Tamil serta membentuk kata-kata baru seiring dengan perkembangan bidang-bidang baru di negara ini.

5.3 Dapatan-dapatan Lain

5.3.1 Kualiti Skrip Berita

5.3.1.1 Kelayakan dan Kepakaran Editor

Analisis Borang Soal Selidik Latar Belakang Responden menunjukkan kelayakan para editor berita Tamil TV2, RTM dari segi pengalaman dan pendidikan adalah tidak memadai untuk membentuk kata-kata baru. Maklum balas yang diterima daripada lima responden membuktikan hal ini.

Pertamanya, pengalaman para editor dalam bidang pengeditan berita adalah sangat ketara antara satu sama lain. Hanya dua orang editor terlibat dalam pengeditan berita lebih dari 10

tahun. Manakala tiga orang responden mempunyai pengalaman kurang daripada 10 tahun. Didapati kebanyakan orang bertugas sebagai editor untuk tempoh masa yang singkat sebelum mencari pekerjaan lain secara tetap. Maka, editor baru perlu diberi latihan dari peringkat awal sehingga ia dapat belajar teknik penulisan berita. Ketidacukupan pengalaman dapat menjejaskan kualiti penulisan berita.

Di samping itu, taraf pendidikan responden juga berbeza. Dua orang editor memiliki ijazah sarjana muda. Manakala tiga orang merupakan lepasan STPM atau HSC. Walaupun, bidang pengkhususan salah seorang responden ialah bidang media, kepakaran tentang pembentukan kata-kata baru tidak berkait dengannya. Taraf pendidikan juga merupakan antara faktor yang menentukan kualiti penulisan berita.

Seterusnya, pencapaian akademik di peringkat SPM dan STPM juga tidak begitu memberangsangkan. Hanya dua orang editor mendapat gred A dalam bahasa Melayu manakala seorang responden memperoleh gred A dalam bahasa Inggeris dan bahasa Tamil di peringkat SPM.

Di peringkat STPM pula, tiada seorang editor mendapat gred A dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hanya seorang responden sahaja mencapai gred A dalam bahasa Tamil. Tahap penguasaan bahasa yang rendah boleh memberi kesan buruk terhadap proses penterjemahan berita dari bahasa Inggeris atau bahasa Melayu kepada bahasa Tamil.

Tambahan pula, jawapan para editor membuktikan bahawa mereka tidak pernah menyertai kursus atau latihan mengenai pembentukan kata-kata baru. Ini menunjukkan bahawa para editor berita Tamil TV2, RTM belajar teknik menulis berita secara berperingkat-peringkat

setelah bertugas sebagai editor berita. Mereka menulis berita berdasarkan pengalaman dan pembelajaran sendiri. Berikutan daripada beberapa kelemahan yang dibincangkan, kemungkinan besar boleh menimbulkan persoalan terhadap kualiti pembentukan kata-kata baru yang dihasilkan oleh editor berita Tamil TV2, RTM.

5.3.1.2 Pembentukan Kata yang Salah (*Wrong Coinage*)

Dalam analisis kajian, terdapat kata-kata baru yang disalahbentuk oleh para editor berita Tamil TV2, RTM. Kata-kata ini mampu menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna bahasa kerana maksud yang dikandung adalah samar. Berikut adalah kata-kata yang dibentuk secara salah :

i. [taRkolai vedikudu ta:kkutalka:ran]

25/01/11/13/01

Perkataan [taRkolai vedikudu ta:kkutalka:ran] merujuk kepada ‘*pengebom berani mati*’ (*human bomb* atau *suicide bomber*). Pembentukan kata tidak sesuai kerana perkataan lain sedia ada bagi merujuk ‘*pengebom berani mati*,’ iaitu [manita vedikudu] (Sumber : *Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti*, 2008:1092). Oleh itu, pembentukan frasa yang panjang tidak diperlukan.

ii. [te:du valaitalam]

26/01/11/21/01

Perkataan [te:du valaitalam] bererti ‘*enjin carian*’ (*search engine*). Perkataan [te:du] bermakna ‘*cari*’. Manakala [valaitalam] merujuk kepada ‘*laman web*’. Perkataan [te:dal poRi] sedia ada dalam bahasa Tamil bagi merujuk ‘*enjin carian*’ (Sumber : *Glossary of*

technical terms, 2000:145). Tambahan pula, perkataan ini kurang sesuai kerana ‘*enjin carian*’ bukannya suatu laman web.

iii. **[pukaippada Nakal]**

01/02/11/26/01

Perkataan [pukaippada Nakal] membawa maksud ‘*negatif filem*’ (*film negative*). Selain itu, ia juga boleh menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pengguna bahasa kerana ia juga boleh diertikan sebagai ‘*salinan gambar*’. Ini kerana perkataan [pukaippadam] bererti ‘*gambar*’ dan [Nakal] ialah ‘*salinan*’. Perkataan [NiLaRpadat takadu] sedia ada dalam bahasa Tamil untuk merujuk ‘*negatif filem*’ (Sumber : *English - Tamil dictionary*, 1992:385). Perkataan ini lebih memberikan maksud langsung berbanding perkataan [pukaippada Nakal].

iv. **[potu upacarippu]**

03/02/11/04/01

Perkataan [potu upacarippu] bererti ‘*rumah terbuka*’ (*open house*). Perkataan yang sedia ada dalam bahasa Tamil ialah [tiRaNta illa upacarippu] yang memberikan maksud ‘*layanan rumah terbuka*’. Perkataan [potu] bererti ‘*awam*’. Manakala [upacarippu] ialah ‘*layanan*’. Jika digabungkan, ia memberi maksud bahawa ‘*layanan awam*’ dan tiada kaitan dengan ‘*rumah terbuka*’. Oleh itu, pembentukan kata ini kurang sesuai.

v. **[Nilak kudiye:RRakka:rar]**

18/01/11/08/01

Perkataan [Nilak kudiye:RRakka:rar] digunakan bagi merujuk ‘*peneroka felda*’ (*felda developer*). Perkataan [Nilam] membawa maksud ‘*tanah*’. Manakala [kudiye:RRakka:rar]

bererti ‘*penduduk*’. Maka, perkataan ini memberikan maksud bahawa ‘*orang yang menduduki sesuatu tanah*’. Sebaliknya, peneroka felda bermakna ‘*orang yang memajukan tanah*’. Adalah lebih sesuai jika perkataan [me:mpa:tta:lar] menggantikan perkataan [kudiye:RRakka:rar] dan digunakan sebagai [Nila me:mpa:tta:lar] kerana ia bererti ‘*pemaju tanah*’.

vi. [vari vilakkam]

29/01/11/07/01

Perkataan [vari vilakkam] digunakan bagi merujuk ‘*sari kata*’ (*subtitle*). Sari kata ialah penterjemahan dialog dalam bentuk bertulis dalam filem atau rancangan televisyen. Namun, pembentukan kata tidak sesuai kerana [vari vilakkam] memberikan maksud ‘*penjelasan baris*’. Perkataan [tiRaippada uraiya:dal moLipeyarppu] lebih sesuai digunakan bagi merujuk ‘*sarikata*’ (Sumber : *Mega Deluxe dictionary*, 2003:949).

5.3.1.3 Ketidakteraturan dalam Penggunaan Kata

Para editor berita Tamil TV2, RTM didapati menggunakan lebih daripada satu perkataan bagi merujuk makna yang sama. Keadaan ini mewujudkan ketidakseragaman dalam penggunaan kata. Terdapat dua jenis pola dalam ketidakseragaman penggunaan kata. Pertamanya ialah kedua-dua perkataan yang digunakan bagi merujuk makna sama terdiri daripada kata Tamil. Keduanya ialah satu perkataan terdiri daripada kata Tamil dan satu lagi perkataan merupakan kata bahasa asing. Berikut adalah kata-kata yang digunakan secara tidak seragam :

a) Pola Kata Tamil - Kata Tamil

- i. *Smart phone* : *atiNavi:nat tolaipe:ci* (03/02/11/23/02) dan *vive:kak kaittolaibe:ci* (12/01/11/16/01)
- ii. Hari kekasih : *anparka_l tinam* (26/01/11/12/01) dan *ka:talar tinam* (10/02/11/17/01)
- iii. Organisasi bukan kerajaan : *araca:ngkac ca:rpaRRa amaippu* (22/01/11/23/01) dan *aracu ca:rpaRRa amaippu* (15/02/11/04/01)
- iv. Perusuh : *a:rppa:ttakka:rar* (01/02/11/14/01) dan *kilarccikka:rar* (04/02/11/32/01)
- v. *Web log* : *inaiyap pative:du* (05/01/11/12/01) dan *valaippative:du* (19/01/11/38/01)
- vi. Perakaunan : *kanakka:yvu* (02/02/11/24/01) dan *kanakkiyal* (25/02/11/25/03)
- vii. Pesanan ringkas : *kuRunjceyti* (15/02/11/32/01) dan *kuRuNtakaval* (15/02/11/32/02)
- viii. Peralihan kuasa : *talaimaittuva ma:RRam* (02/02/11/05/01), *atika:ra ma:RRam* (12/02/11/07/01) dan *a:dcu ma:RRam* (09/02/11/41/01)
- ix. Pusat pemulihan banjir : *tuyar tudaippu maiyam* (19/01/11/18/01) dan *vella Niva:ra_{na} maiyam* (06/01/11/30/01)
- x. Kempen pilihan raya : *te:rtal parappurai* (27/01/11/06/01) dan *te:rtal piracca:ram* (31/01/11/10/01)
- xi. *Ang pau* : *pana anpalippu* (03/02/11/06/01) dan *panap paricu* (11/02/11/25/01)
- xii. Rogol : *pa:liyal vallaRavu* (17/01/11/25/01) dan *pa:liyal vanmuRai* (08/02/11/23/02)
- xiii. Sijil kelahiran : *piRappuc ca:nRitaL* (14/01/11/18/01) dan *piRappup pattiram* (06/02/11/05/01)
- xiv. Orang kurang upaya : *pe:RukuRaiNto:r* (21/02/11/23/01) dan *ma:RRut tiRana:_{li}* (08/02/11/05/01)

- xv. Ombak besar (Tsunami) : *pe:ralai* (22/01/11/16/01) dan *ra:dcaca alai* (17/02/11/15/01)
- xvi. Bank : *poruḷakam* (26/02/11/19/01) dan *vangki* (06/02/11/11/01)
- xvii. Patung lilin : *meLukup pommaḷ* (21/01/11/22/01) dan *meLukuc cilai* (05/02/11/26/02)
- xviii. Pusat pengundian : *va:kkaḷippu maiyam* (27/01/11/05/01) dan *va:kkaḷippuc ca:vadi* (31/01/11/10/02)
- xix. Borang permohonan : *vinnappap padivam* (03/01/11/18/01) dan *vinnappap pa:ram* (10/02/11/09/01)
- xx. Zoo : *vilangkiyal pu:ngka:* (28/01/11/18/01) dan *mirukakka:dcī ca:lai* (08/02/11/26/01)

b) Pola Kata Tamil - Kata Bahasa Inggeris

- i. Kiub ais : *ais* (06/01/11/21/01) dan *panikkattī* (06/02/11/20/01)
- ii. Bayaran tol : *tol kattanam* (17/02/11/09/02) dan *ca:laik kattanam* (28/01/11/03/01)
- iii. Plaza tol : *tol ca:vadi* (17/02/11/09/03) dan *ca:laik kattanaḥ ca:vadi* (17/02/11/09/01)
- iv. Tiket perjalanan : *payana tikkē* (19/01/11/21/01) dan *payanaḥ ci:ttu* (06/02/11/24/03)
- v. Bas : *pas* (09/02/11/62/01) dan *pe:ruNtu* (06/02/11/24/02)
- vi. Petrol : *pedro:l* (22/02/11/01/01) dan *eriporuḷ* (22/02/11/09/01)
- vii. Tiket loteri : *la:ttaric ci:ttu* (07/01/11/18/01) dan *atishdak kuLukkuc ci:ttu* (07/01/11/18/02)

Hasil daripada sesi temu bual, para editor menyatakan pelbagai kata digunakan dalam berita untuk merujuk makna yang sama. Penggunaan pelbagai kata dapat menghasilkan berita yang menarik. Tambahnya lagi, penggunaan kata yang sama setiap kali dalam berita dapat menjemukan pendengar. Walau bagaimanapun, keseragaman dalam penggunaan kata adalah penting agar pengguna bahasa tidak mengalami kekeliruan.

5.3.1.4 Penggunaan Kata yang Salah (*Wrong Usage*)

Dalam analisis data, pengkaji mengenal pasti bahawa editor berita Tamil TV2, RTM menggunakan perkataan yang salah bagi merujuk makna tertentu. Contohnya, makna perkataan *Ninaivakam* (21/01/11/23/01) ialah memori komputer (*Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti*, 2008:836).

*“makkaḷidaiye: pukaL peRRa Paul kaṇava:yikku
racikarkaḷ **Ninaivakattai** amaittullaṇar”* (21/01/11/23/01)

Contoh di atas menunjukkan bahawa editor berita Tamil menggunakan perkataan ini bagi merujuk tempat peringatan (*memorial*). Dalam bahasa Tamil, beberapa perkataan lain seperti *Ninaivu maṇḍapam*, *Ninaiva:layam* dan *Ninaividam* digunakan bagi merujuk tempat peringatan (*Kriya:vin taRka:lat tamiL akara:ti*, 2008:836-837).

Penggunaan ini tidak boleh digolongkan dalam proses perubahan makna yang disarankan oleh Amat Juhari Moain (1992:144). Ini kerana proses perubahan makna bererti “pembentukan kata dengan menggunakan kata yang sedia ada dalam bahasa atau kata pinjaman dari bahasa lain diubah pengertiannya”. Tetapi, kata *Ninaivakam* mempunyai maknanya tersendiri. Oleh itu, penggunaan kata ini dianggap salah.

5.3.1.5 Kesalahan Ejaan

Selain itu, kesalahan ejaan seperti pengguguran fonem dan kesalahan pemanjang bunyi fonem didapati dalam skrip berita. Ini menunjukkan para editor berita Tamil TV2, RTM tidak memberi perhatian terhadap sistem ejaan dalam penulisan berita. Hal ini mungkin dipandang ringan kerana para pendengar berita tidak dapat melihat skrip berita televisyen dan hanya mendengar isi berita melalui pembaca berita.

Skrip berita yang mengandungi kesalahan ejaan ini boleh menyebabkan pembacaan berita terganggu atau penyampaian berita dengan sebutan yang salah. Oleh kerana berita televisyen hanya disiarkan sekali, pendengar kemungkinan mengalami kekeliruan. Maka, aspek ejaan turut perlu dititikberatkan dalam penulisan berita. Berikut adalah beberapa contoh yang mengandungi kesalahan ejaan :

a) Pengguguran Fonem

- | | | |
|-----|--|----------------|
| i. | <i>an<u>R</u>a alaivaricai</i> (Fonem 'ka' digugurkan) | 26/01/11/21/01 |
| | Ejaan yang betul : <i>akan<u>R</u>a alaivaricai</i> | |
| ii. | <i>Nilamai</i> (Fonem 'ai' digugurkan) | 29/01/11/19/01 |
| | Ejaan yang betul : <i>Nilaimai</i> | |

b) Kesalahan Pemanjangan Bunyi Fonem

- | | | |
|-----|--|----------------|
| i. | <i>Na:kari:kam</i> (Pemanjangan bunyi fonem ri:) | 23/01/11/25/03 |
| | Ejaan yang betul : <i>Na:karikam</i> | |
| ii. | <i>celavi:nam</i> (Pemanjangan bunyi fonem vi:) | 22/01/11/34/01 |
| | Ejaan yang betul : <i>celavinam</i> | |

- iii. *to:lporu_l arungka:dcyakam* (Pemanjangan bunyi fonem *to:*) 23/01/11/25/01

Ejaan yang betul : *tolporu_l arungka:dcyakam*

5.3.1.6 Penggunaan Peraturan Morfofonemik yang Salah

Penggunaan peraturan morfofonemik yang salah menyebabkan sebutan menjadi janggal. Contohnya, kata [*Nedum*] dan [*ca:lai*] digabungkan menjadi [*Nedungca:lai*]. Peraturan morfofonemik ini didapati salah. Kedua-dua kata tersebut harus bergabung seperti yang berikut :

- i. [*Nedum*] + [*ca:lai*] > [*Nedunjca:lai*] (PM 14) 25/01/11/07/01

Kesalahan ini berlaku kerana fonem [*nj*] digantikan dengan [*ng*].

5.3.2 Penggunaan Kata Nama Khas

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (1993:98), kata nama khas ialah “*rujukan khusus pada nama orang, haiwan, benda, perbadanan, undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat dan sebagainya*”. Dalam kajian ini, kata nama khas kerap digunakan bagi merujuk jawatan menteri, jawatan ahli politik, nama universiti, nama agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta nama mahkamah (Lampiran I). Kebanyakan kata ini dibentuk melalui proses peminjaman dan pemajmukan. Berikut adalah contoh bagi setiap kategori.

- i. *u:lNa:ttu va:nipak - ku:ttuRavu - payani:ttu amaiccar* 08/01/11/06/01
(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)
- ii. *ma:Nilac cattamanRa uRuppinar* (Ahli Dewan Undangan Negeri) 04/01/11/16/01

iii.	<i>male:ciya isla:miya aRiviyal palkalaikkaLakam</i> (Universiti Sains Islam Malaysia)	08/01/11/24/01
iv.	<i>kira:map pa:tuka:ppu me:mpa:ttuc ceyaRkuLu</i> (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)	06/01/11/31/01
v.	<i>me:lmuiRaiyi:du Ni:timanRam</i> (Mahkamah Rayuan)	26/01/11/02/03

5.3.3 Mengekalkan Penggunaan Kata-kata Antarabangsa

Kajian ini turut mendapati kata-kata antarabangsa dikekalkan penggunaannya menyesuaikan bunyi. Penyesuaian bunyi dilakukan terhadap perkataan bahasa asing yang bersifat antarabangsa di mana proses penterjemahan tidak dapat dilakukan terhadapnya. Perkataan bahasa asing ini dibentuk mengikut struktur nahu bahasa sasaran. Contohnya, nama negara, nama negeri, nama bulan, nama ukuran dan nama mata wang. Berikut adalah contoh bagi setiap jenis penggunaan kata-kata antarabangsa :

i.	<i>cingkappu:r</i> (Singapura)	03/02/11/18/01
ii.	<i>jappa:n</i> (Jepun)	03/02/11/19/03
iii.	<i>Netarla:Ntu</i> (Netherland)	05/02/11/34/01
iv.	<i>akdo:par</i> (Oktober)	21/02/11/08/01
v.	<i>hektar</i> (hektar)	02/02/11/28/01
vi.	<i>da:lar</i> (dollar)	01/02/11/18/01
vii.	<i>putu dilli</i> (New Delhi)	02/02/11/24/01

Berdasarkan contoh 1 hingga 6, didapati penggunaan perkataan antarabangsa ini disesuaikan bunyi mengikut struktur nahu Tamil. Sebaliknya, contoh 7 menunjukkan

bahawa pembentukan kata antarabangsa turut dibentuk secara pinjam campur di mana perkataan *new* diterjemah menjadi *putu* (baru) dalam bahasa Tamil. Pada umumnya, kata-kata antarabangsa juga dibentuk berdasarkan proses pembentukan kata.

5.3.4 Penggunaan Alomorf

Didapati bahawa alomorf digunakan dalam pembentukan kata-kata baru. Alomorf terdiri daripada bentuk bebas dan terikat. Alomorf bebas ialah */irul/*, */lorul/* dan */minniyal/*. Manakala alomorf terikat ialah */kuRum/*, */ciRu/*, */cu:riya/*, */pal/*, */put/*, */pe:r/*, */makal/*, */maRu/*, */manital/*, */min/*, */minca:ra/* dan */mul/*. Berikut adalah pelbagai bentuk alomorf :

- | | | |
|------|---|----------------|
| i. | <i>/i:r/</i> , <i>/iru/</i> dan <i>/ir<u>a</u>ndul/</i> | |
| | [iruvaLip paya <u>n</u> am] | 01/01/11/24/01 |
| ii. | <i>/o:r/</i> , <i>/loru/</i> dan <i>/on<u>R</u>u/</i> | |
| | [oruvaLip paya <u>n</u> am] | 14/01/11/15/01 |
| iii. | <i>/ku<u>R</u>/</i> , <i>/kuRu/</i> , <i>/kuRum/</i> , <i>/kuRu<u>k</u>iya/</i> dan <i>/ku<u>R</u>umai/</i> | |
| | [kuRuNtatt <u>u</u>] | 16/01/11/28/01 |
| iv. | <i>/ci<u>R</u>/</i> , <i>/ciRu/</i> , <i>/ciRi<u>y</u>a/</i> dan <i>/ci<u>R</u>umai/</i> | |
| | [ciRutoLil vani <u>k</u> ar] | 20/01/11/15/01 |
| v. | <i>/cu:ri<u>y</u>a/</i> dan <i>/cu:riya<u>n</u>/</i> | |
| | [cu:riyak katira <u>l</u> ai] | 18/02/11/20/01 |
| vi. | <i>/pa<u>l</u>/</i> , <i>/pa<u>n</u>/</i> , <i>/pa<u>l</u>a/</i> dan <i>/pa<u>n</u>mai/</i> | |
| | [palNo:kku a <u>R</u> ai] | 16/01/11/05/01 |
| vii. | <i>/pu<u>t</u>/</i> , <i>/putu/</i> , <i>/puti<u>y</u>a/</i> dan <i>/putu<u>m</u>ai/</i> | |
| | [putta:kka <u>m</u>] | 23/01/11/16/01 |

viii.	<i>/pe:r/, /peru/, /perum/, /periya/ dan /perumai/</i>	
	[pe:ralai]	22/01/11/16/01
ix.	<i>/maka/ dan /makavu/</i>	
	[makappe:Ru Nipun <u>a</u> r]	12/01/11/19/01
x.	<i>/maR/, /maRu/ dan /maRumai/</i>	
	[maRuNadavu]	08/02/11/30/01
xi.	<i>/manita/ dan /manitan/</i>	
	[manita iyaNtiram]	24/02/11/38/01
xii.	<i>/min/ dan /minnanu/</i>	
	[min Nu:l]	24/01/11/12/01
xiii.	<i>/min/, /minniyal/, /minca:ra/ dan /minca:ram/</i>	
	[min pe:ruNtu]	24/02/11/24/01
	[minniyal poRiyiyal]	15/01/11/15/01
	[minca:rak ka:r]	17/01/11/18/01
xiv.	<i>/mu/, /mu:/ dan /mu:nRu/</i>	
	[mummunaip po:tti]	08/01/11/07/01

Menurut Rajendran, S. (2004:374), morfem {-am} dan {-an} yang hadir di akhir sesuatu perkataan digugurkan dan ia menjadi alomorf bagi perkataan tersebut. Contohnya,

- i. [minca:rak ka:r] > {-am} digugurkan dari perkataan [minca:ram] menjadi [minca:ra]
- ii. [manita iyaNtiram] > {-an} digugurkan dari perkataan [manitan] menjadi [manita]

5.3.5 Pembentukan Kata dalam Masyarakat Majmuk

Malaysia merupakan antara negara yang diduduki oleh masyarakat majmuk. Pertembungan budaya ialah perkara lazim berlaku dalam kalangan masyarakat majmuk. Bahasa merupakan antara aspek yang melambangkan budaya. Setiap kaum mempunyai bahasa atau perkataan yang merujuk kepada budaya sendiri. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati pembentukan kata Tamil berdasarkan budaya orang Cina. Pembentukan kata jenis ini hanya berlaku di negara masyarakat majmuk. Contohnya,

- | | | |
|-----|-----------------------------------|----------------|
| i. | <i>ka:kita vilakku (tanglung)</i> | 13/02/11/23/01 |
| ii. | <i>pana anpalippu (ang pau)</i> | 03/02/11/06/01 |

5.3.6 Cara Memperkenalkan Kata-kata Baru

Kata-kata baru yang dibentuk oleh editor berita Tamil TV2, RTM diperkenalkan kepada pendengar berita dengan cara tertentu. Bermula dari hari pertama hingga dua atau tiga tahun, sesuatu kata baru yang dibentuk digunakan bersama dengan kata bahasa sumber.

*"Blog enappadum **inaiyappative:ttilum**, etirkadciyinarum tam mi:tu
cumatti varum avvita apa:ndama:na avatu:Rukalai avar ca:dina:r"*
(05/01/11/12/01)

Berdasarkan contoh di atas, didapati bahawa perkataan bahasa sumber 'blog' dikekalkan penggunaannya, kemudian diikuti dengan penggunaan kata baru '*inaiyappative:du*'. Melalui cara ini, pendengar dapat memahami maksud kata baru dengan mudah. Setelah dua atau tiga tahun, dijangka bahawa pendengar biasa dengan penggunaan kata baru ini. Kemudian, editor akan menggunakan kata baru sahaja tanpa bantuan kata bahasa sumber. Cara ini didapati berkesan untuk memperkenalkan kata-kata baru kepada pendengar.

5.4 Perbincangan

Bahagian perbincangan ini menyentuh aspek penggunaan golongan kata, bidang, cara mengatasi masalah ketidakseragaman penggunaan kata dan kepentingan badan perancang bahasa.

Dari segi penggunaan golongan kata, kajian mendapati kebanyakan kata baru yang dibentuk adalah kata nama. Hal ini kemungkinan besar kerana kebanyakan konsep baru adalah terdiri daripada kata nama. Apabila konsep baru diterjemah ke dalam bahasa sasaran, golongan katanya tidak mengalami perubahan.

Dari segi penggunaan bidang, sains dan teknologi mencatat kekerapan penggunaan tinggi. Berikutan daripada era globalisasi, bidang sains dan teknologi sedang berkembang maju dalam negara ini. Pelbagai istilah teknikal diperkenalkan dalam bidang sains dan teknologi. Data kajian ini hanya dapat memaparkan sedikit istilah teknikal. Banyak lagi konsep yang perlu diterjemah dari bahasa asing kepada bahasa sasaran bagi membentuk kata-kata baru.

Seterusnya, kemungkinan besar cara merujuk dan berbincang dapat menyeragamkan penggunaan kata antara media massa cetak dan elektronik. Sekiranya, editor berita Tamil TV2, RTM berbincang sesama sendiri untuk membentuk kata-kata baru, maka masalah ketidakseragaman penggunaan kata boleh dikurangkan. Begitu juga halnya dengan cara merujuk pihak radio Minnal FM dan akhbar Tamil tempatan, masalah ketidakseragaman penggunaan kata sedikit sebanyak dapat diatasi.

Akhirnya, boleh dirumuskan usaha pembentukan kata-kata baru penting dan perlu diteruskan. Media massa merupakan pihak yang kerap membentuk kata-kata baru. Usaha awal yang dilakukan oleh editor berita kemungkinan besar membawa kesalahan seperti pembentukan kata yang salah, penggunaan kata yang salah, kesalahan ejaan dan penggunaan peraturan morfofonemik yang salah. Bagi memurnikan usaha ini, suatu badan perancang bahasa Tamil harus ditubuhkan di Malaysia dengan segera.

5.4.1 Perbandingan Hasil Kajian dengan Kajian Lain

Dari segi penggunaan proses pembentukan kata, hasil kajian Muniisvaran, K. (2011:112) menunjukkan persamaan dengan hasil kajian ini. Media massa cetak dan media massa elektronik cenderung untuk menggunakan proses pembentukan yang sama, iaitu peminjaman, pemajmukan dan pengimbuhan.

Sebaliknya, dari segi kekerapan penggunaan proses pembentukan kata, didapati wujudnya perbezaan ketara antara akhbar dan berita televisyen. Hasil kajian Su, S. P. (1983:179-224), Bamah Subramaniam (2001:64), Muniisvaran, K. (2011:113) dan Lily Selvaraja (2011:54) menunjukkan proses pemajmukan kerap digunakan dalam akhbar. Sebaliknya, dapatan kajian ini menunjukkan proses peminjaman digunakan secara meluas dalam berita televisyen. Proses peminjaman mencatat 65% penggunaannya. Manakala proses pemajmukan mencatat kekerapan penggunaan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 30%.

Hal ini kemungkinan besar kerana akhbar mengandungi banyak halaman. Manakala berita televisyen terhad kepada kekangan masa dan hanya disiarkan sekali. Maka, editor berita televisyen kemungkinan besar lebih cenderung untuk membuat perterjemahan langsung

agar pendengar dapat memahami isi kandungan berita dengan segera tanpa sebarang kesulitan. Sebaliknya, editor akhbar dapat menulis skrip berita secara terperinci dengan huraian panjang. Tambahan pula, pembaca akhbar dapat membaca isi kandungan berita berulang kali untuk memahami sesuatu perkataan.

Seterusnya, didapati wujudnya keseragaman dalam penggunaan kata antara media massa cetak dan elektronik. Hal ini terbukti melalui data kajian Muniisvaran, K. (2011:69-87) di mana beliau mengumpul datanya daripada iklan tiga akhbar Tamil tempatan, iaitu Tamil Nesan (TN), Malaysia Nanban (MN) dan Makkal Osai (MO). Jadual 5.1 memaparkan kata-kata yang digunakan dalam berita Tamil TV2, RTM dan iklan akhbar Tamil tempatan.

Jadual 5.1 : Keseragaman Penggunaan Kata antara Media Massa

Bil.	Perkataan	Berita Tamil TV2, RTM	Iklan Akhbar Tamil Tempatan	Makna
1.	<i>kuRuNtakaval</i>	15/02/11/32/02	29/03/10/MO/05/01	pesanan ringkas
2.	<i>toLil munaivar</i>	22/01/11/17/01	03/01/10/MO/07/01	usahawan
3.	<i>putta:kkam</i>	23/01/11/16/01	25/04/10/MN/05/01	inovasi
4.	<i>pe:rangka:di</i>	19/01/11/28/02	12/01/10/ TN/07/01	pasar raya
5.	<i>madikkaⁿⁱni</i>	18/01/11/27/01	22/04/10/ TN/05/01	komputer riba
6.	<i>mukappidam</i>	12/01/11/08/01	03/09/09/MN/18/01	kaunter

Berdasarkan Jadual 5.1, sebanyak enam patah perkataan menampakkan persamaan penggunaan kata dengan rujukan makna yang sama. Ini menunjukkan sesetengah kata mencapai taraf standardisasi dalam kalangan media massa.

Walau bagaimanapun, masalah ketidakseragaman dalam penggunaan kata turut berlaku antara media massa. Perkataan yang berlainan digunakan untuk merujuk makna yang sama. Contohnya bagi merujuk promoter jualan, akhbar Malaysia Nanban menggunakan

perkataan *viRpanai me:mpa:tta:lar* (13/03/10/MN/04/02) manakala berita Tamil TV2, RTM menggunakan perkataan *varttaka me:mpa:tta:lar* (15/01/11/15/02). Keseragaman dalam penggunaan kata merupakan aspek penting dalam pembentukan kata-kata baru. Ini adalah untuk memastikan pengguna bahasa tidak mengalami keraguan sama ada perkataan yang digunakan tepat atau tidak.

Hasil kajian Lily Selvaraja (2011:44) memaparkan pembentukan kata dalam akhbar melibatkan bidang ekonomi secara meluas. Menurut hasil kajian ini, bidang sains dan teknologi mencatat penggunaan tertinggi. Kemungkinan besar perbezaan ini berlaku disebabkan tempoh masa bagi kedua-dua data kajian berlainan. Lazimnya, media massa fokus terhadap isu hangat. Contohnya, apabila isu ekonomi menjadi debatan orang ramai, maka lebih banyak berita ekonomi disiarkan dalam tempoh masa tertentu.

Selanjutnya, penggunaan golongan kata dalam pembentukan kata memperlihatkan persamaan dengan dapatan kajian Su, S. P. (1983:101) dan Munimah Sudramanian (2007:201-202). Akhbar dan berita televisyen lebih cenderung untuk membentuk kata-kata baru daripada golongan kata nama.

5.5 Implikasi Kajian

Hasil kajian ini memberi manfaat kepada editor berita televisyen, radio, akhbar dan majalah yang terlibat dalam pembentukan kata-kata baru. Pembentukan kata merupakan usaha yang berterusan bagi para editor media massa. Bagi memenuhi keperluan semasa, kata-kata baru

perlu dibentuk dalam keadaan tergesa-gesa. Diharap bahawa para editor dapat membentuk kata secara berkesan berdasarkan hasil kajian ini.

Selain itu, dapatan kajian ini juga diharap membawa implikasi kepada pengguna bahasa. Perkataan baru yang digunakan didapati dalam analisis kajian diharap akan digunakan oleh pengguna bahasa dalam penulisan dan pertuturan. Melalui pengetahuan perbendaharaan kata yang pelbagai, seseorang pengguna bahasa dapat mempertingkatkan kemahiran bahasanya.

Kajian ini menggambarkan proses pembentukan kata yang dilakukan dalam berita Tamil TV2, RTM. Ini menunjukkan pembentukan kata baru dilakukan oleh pelbagai pihak. Oleh itu, pelbagai kata digunakan untuk merujuk makna yang sama. Bagi memantapkan penggunaan perkataan dan istilah baru, suatu badan perlu ditubuhkan. Kemungkinan besar hasil kajian ini dapat menyedarkan betapa pentingnya penubuhan badan perancang bahasa Tamil di Malaysia.

5.6 Cadangan bagi Mengatasi Ketidakteraturan Penggunaan Kata dalam kalangan Media Massa

Masalah ketidakseragaman penggunaan kata yang wujud dalam kalangan media massa harus diatasi sedikit demi sedikit. Sebagai usaha awal, wakil editor daripada setiap media massa seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah boleh mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan masalah ini. Istilah yang didapati menimbulkan keraguan boleh dibincang bersama untuk menyeragamkan penggunaannya.

Selain itu, kajian mendapati para editor tidak menjalani sebarang latihan atau kursus berkaitan dengan proses pembentukan kata. Oleh itu, pihak editorial boleh menganjurkan kursus bagi memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar berkaitan pembentukan kata. Adalah lebih baik jika latihan ini diberi sebelum seseorang editor mula bertugas.

Nik Safiah Karim *et al.* (1993:299) menyatakan bahawa “*pembentukan kata baru secara penggunaan popular dihasilkan oleh penulis untuk disiarkan dalam media massa seperti akhbar, majalah, radio dan televisyen*”. Sehubungan itu, sesuatu kata baru dapat disampaikan dengan segera kepada pengguna bahasa melalui penggunaan popular, iaitu media massa. Oleh itu, semua media massa harus meneruskan usaha memperkenalkan kata-kata baru. Dengan ini, kemungkinan besar ketidakseragaman penggunaan kata dapat diatasi.

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Dapatan kajian ini dapat digeneralisasikan terhadap media massa elektronik dalam negara ini sahaja. Oleh itu, banyak kajian lain boleh dilakukan untuk menyelidiki aspek lain pembentukan kata Tamil. Berikut adalah beberapa cadangan yang berkaitan dengan pembentukan kata bagi kajian lanjutan.

Kajian lanjutan boleh menumpukan perhatian terhadap pembentukan kata dalam media massa elektronik lain seperti berita radio awam dan swasta, berita televisyen swasta, pesanan ringkas serta e-mel. Selain itu, media massa cetak seperti berita akhbar dan

majalah turut boleh dikaji. Karya tempatan seperti novel dan cerpen juga dapat dijadikan sebagai data kajian.

Seterusnya, kajian ini mendapati istilah-istilah teknikal dari bidang-bidang tertentu kerap digunakan dalam pembentukan kata Tamil. Oleh itu, kajian lanjutan boleh difokuskan terhadap bidang-bidang tertentu seperti teknologi maklumat, ekonomi, sukan, pendidikan, politik, undang-undang, budaya, sosial dan perubatan.

Selanjutnya, terdapat pelbagai jenis proses pembentukan kata-kata baru. Kajian lanjutan boleh dijalankan terhadap satu proses tertentu sama ada peminjaman, pemajmukan atau pengimbuhan.

Akhirnya, kajian ini mendapati bahawa berlakunya ketidakseragaman penggunaan kata dalam kalangan media massa sama ada elektronik atau cetak. Kajian lanjutan boleh menyentuh aspek ini di mana membandingkan penggunaan kata antara media massa cetak dan elektronik.

5.8 Penutup

Kajian ini dilakukan berdasarkan prinsip bidang linguistik sosial dan perancangan bahasa bagi menyumbang kepada perkembangan bahasa Tamil. Melalui penggunaan prinsip, struktur bahasa menjadi mudah dan bersifat menyeluruh. Ini kerana dalam perkembangan sosial, banyak konsep dan pemikiran baru wujud. Bagi membawa masuk konsep tersebut, bahasa Tamil harus bersedia menerima pembaharuan.

Kajian pembentukan kata ini diharap dapat membantu mewujudkan keadaan tersebut. Walaupun kata-kata baru dibentuk berdasarkan pelbagai usaha dan proses, perkara yang perlu dititikberatkan ialah proses standardisasi. Penggunaan sesetengah kata baru menjadi mantap tanpa sebarang proses atau usaha. Namun, kebanyakan kata hanya dapat dimantapkan penggunaannya melalui usaha perbincangan ahli bahasa berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Oleh itu, suatu panduan perlu ditetapkan bagi menstandardisasikan penggunaan kata-kata baru.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa pedagogi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik am* (2nd ed.). Selangor: PTS Professional Publishing.
- Abdul Mahmoud Idrees Ibrahim. (2010). Noun formation in standard English and modern standard Arabic: a contrastive study [Electronic version]. *Journal of Language Teaching and Research*, 1, 614-623.
- Adams, V. (1973). *An introduction to modern English word-formation*. London: Longman.
- Agee, W. K., Ault, P. H., & Emery, E. (1983). *Reporting and writing the news*. New York: Harper & Row.
- Agesthialingom, S. (1979). *Colliyal: peyariyal* [Kata nama]. Chennai: AnaittiNtiyat TamiL moLiyyaR kaLakam.
- Agesthialingom, S. (2002). *TamiLmoLi amaippiyal* [Struktur bahasa Tamil]. Citamparam: Meyyappan TamiLa:yvakam.
- Ainon Muhammad, & Manshoor Ahmad. (1992). Tatacara pembentukan istilah: aspek yang perlu diperbaiki. In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 106-110). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aishah Mahdi, & Azizah Hussein. (1995). *Linguistik: pengantar bahasa dan komunikasi* (Adrian Akmajian *et al.*, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1990).
- Algeo, J., & Algeo, A. (1991). Fifty years among the new words: a dictionary of neologisms, 1941-1991. In Algeo, J., & Pyles, T. (Eds.), *The origins and development of the English language* (pp. 245-270). New York: Harcourt Brace Jovanovich.
- Amat Juhari Moain. (1992). Pembentukan kata dan istilah. In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 136-146). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anita. (2006). *The word-formation processes on slang words produced by homosexuals in Surabaya* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011532). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_9145_6.html
- Arasaratnam, S. (1979). *Indians in Malaysia and Singapore* (Rev. ed.). Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Asmah Omar. (1993). *Nahu Melayu mutakhir* (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asogan, P. (2000). *Analisis sikap pembaca terhadap iklan akhbar Tamil: satu kajian ke atas akhbar Malaysia Nanyang dan Tamil Nesan*. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Badariah Mohamad Noor. (2003). *Analisis pembentukan kata dalam Hikayat Tuan Putri Sa'dong*. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bamah Subramaniam. (2001). *Male:ciya va:nolikaḷil oliparappappadum TamiL viḷamparankaḷil moLippayanpa:du* [Penggunaan bahasa dalam iklan Tamil radio Malaysia]. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baskaran, N. (1981). *Male:ciyat TamiL ilakkiyam* [Kesusasteraan Tamil Malaysia]. Chennai: Universiti Madras.
- Bauer, L. (1983). *English word-formation*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Baxter, W. H., & Sagart, L. (1998). Word-formation in old Chinese. In Packard, J. L. (Ed.), *New approaches to Chinese word-formation* (pp. 35-76). New York: Mouton de Gruyter.
- Buletin perangkaan sosial Malaysia*. (2005). Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Buletin perangkaan sosial Malaysia*. (2006). Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Buletin perangkaan sosial Malaysia*. (2007). Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Buletin perangkaan sosial Malaysia*. (2008). Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Buletin perangkaan sosial Malaysia*. (2009). Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Buletin THR Raaga*. (n.d.). Retrieved May 17, 2011, from <http://raaga.thr.fm/I-CENTER/Bulletin-Board.aspx>
- Caldwell, R. (1875). *A comparative grammar of the Dravidian* (2nd ed. renewed). Chennai: Kavita:caran patippakam.
- Cambridge advanced learner's dictionary*. (2003). Cambridge: Cambridge University Press.
- Chandragantham, P. (2008). *200 a:ṇḍukaḷil Male:ciya iNtiyarkaḷ* [Perkembangan orang India di Malaysia dalam 200 tahun]. Kuala Lumpur: Uma Publications.
- Charles, L. (2010). *Kaṇinik kalaiccolla:kkattil putuccol uruva:kkam* [Pembentukan kata baru dalam perkomputeran Tamil]. In *Tamil Internet Conference* (pp. 242-247). Ko:vai.

- Chitra Muthusamy. (2007). *Profil majalah-majalah Tamil terbitan 2001*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Chun, T. H. (1998). *Perbandingan onomatopoeia dalam bahasa Melayu dan bahasa Korea*. Unpublished doctoral thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Cook, G. (2003). *Applied linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Dhandayutham, R. (1983). *TaRka:lat TamiL ilakkiyam* [Kesusasteraan Tamil Mutakhir]. Chennai: TamiLp puttaka:layam.
- Elita Naomi. (2004). *A morphological study of derivations in Time magazine's articles* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011323). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_3430.html
- English - Tamil dictionary*. (1992). Chennai: Universiti Madras.
- Ewaldine Melanie. (2004). *A study on word-formation processes of slang expressions by the characters in the film "Ada apa dengan cinta"* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011331). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_3445_3.html
- Farid M. Onn. (1992). Masalah akronim dan singkatan dalam perancangan bahasa Melayu. In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 175-180). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Felber, H. (1995). *Panduan peristilahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Floreance Sahertian. (2001). *The study of word-formation processes on slang words in Gadis teenage magazine articles* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 861). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_16243_5.html
- Franky Yohanes Nangoi. (2008). *Word-formation processes used in computer terms in chip community forum* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011756). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_10363.html
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. (1974). *An introduction to language*. Boston, Mass.: Thomson Wadsworth.
- Glossary of technical terms*. (2000). Sri Lanka: Aracakaruma moLikaḷ a:ṇaikkulu.
- Greenbaum, S. (1996). *The Oxford English grammar*. Oxford: Oxford University Press.

- Hashim Musa. (1993). *Binaan dan fungsi perkataan dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnita Hamzah. (2003). *Proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu: satu analisis penggunaan bentuk kata dalam majalah Al Islam keluaran Februari 2002*. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hassan Ahmad. (1992). Dasar pembentukan istilah sains dalam bahasa Melayu. In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 5-12). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hennylia Chandra. (2006). *The word-formation processes of computer terms in a PC User magazine* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011572). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_5712_8.html
- Henny Meliemton. (2002). *Word-formation processes used by netters on Internet Relay Chat* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 1053). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_671.html
- Hockett, C. F. (1970). *A course in modern linguistics*. New York: Macmillan Company.
- Huddleston, R. (1984). *Introduction to the grammar of English*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ilancelian, V. (2009). *Kanini TamiL pe:cuma?: [Bolehkah komputer bercakap dalam Tamil?]*. In Karunakaran, K., Sam Mohan Lal, Mannar Mannan, M., Krishnan, R., & Supramani, S. (Eds.), *International Conference on Tamil Linguistics* (pp. 195-199). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ilangovan, M. (2009). *Inaiyam kaRpo:m [Mempelajari internet]*. Tamil Nadu: Vayalveli patippakam.
- Innasi, S. (1976). *Colliyal [Perkataan]*. Chennai: TamiLaracan patippakam.
- Irene Vanesa Stanley. (2009). *New term-formation processes found in GFresh magazine articles* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011887). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_11634.html
- Ismail Dahaman. (1992). Pembentukan istilah Dewan Bahasa dan Pustaka. In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 1-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jayadevan, V. (2009). Colla:kkam [Pembentukan kata]. In Karunakaran, K., Sam Mohan Lal, Mannar Mannan, M., Krishnan, R., & Supramani, S. (Eds.), *International Conference on Tamil Linguistics* (pp. 33-37). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarudin Tahir. (1999). *Surat-surat Melayu lama: analisis pembentukan kata melalui proses pengimbuhan*. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan* (4th ed.). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karthigesu, R. (2009). Minnu:dakangkaḷum accu u:dakangkaḷilum TamiL: meymmaiym cava:lkaḷum [Isu dan cabaran dalam media massa elektronik dan cetak Tamil]. In Karunakaran, K., Sam Mohan Lal, Mannar Mannan, M., Krishnan, R., & Supramani, S. (Eds.), *International Conference on Tamil Linguistics* (pp. 153-171). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Karunakaran, K., & Jeya, V. (1997). *MoLiyyal* [Linguistik]. Chennai: Cuvita: patippakam.
- Keller, R. E. (1978). *The German language*. London: Faber & Faber.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010, June 30). *Perangkaan pendidikan Malaysia 2010*. Retrieved from <http://emisportal.moe.gov.my/mainpage.php?module=Maklumat&kategori=47&id=197&papar=1>
- Khreedaoth, A. (2008). *Proses peminjaman Bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani di Chana*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kirar Sare. (1998). *Proses pembentukan kata melalui sistem pengimbuhan dalam bahasa Iban: satu perbandingan dengan bahasa Melayu*. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kothandaraman, P. (1973). *Ilakkana ulakil putiyap pa:rvai* [Pendekatan baru dalam tatabahasa]. Chennai: TamiL Nu:lakam.
- Kothandaraman, P. (2002). *Ikka:lat TamiL ilakkanam* [Tatabahasa Tamil moden]. Chennai: Pu:mpoLil veliyi:du.
- Kridalaksana, H. (1982). *Kamus linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Kridalaksana, H. (1996). *Pembentukan kata dalam bahasa Indonesia* (2nd ed.). Jakarta: PT Gramedia.
- Kriya:vin taRka:lat TamiL akara:ti* [Kamus Tamil mutakhir Kriya] (2nd ed.). (2008). Chennai: Kriya.
- Like Stevanny. (2006). *The slang words used by students of Petra Christian University in their boarding house* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011604). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_5465.html

- Lilyana Efendy. (2002). *"New words" used by netters in chatroom* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 1084). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_655.html
- Lily Selvaraja. (2011). *Maleciyat TamiLil kalaiccolla:kkamum putumaiya:kkamum* [Pembentukan dan pembaharuan kata Tamil di Malaysia]. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lina Lasmono. (2003). *A study of the word-formation processes used in SMS text* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 1184). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_951.html
- Loh, P. P. (2009). *Leksis baru bahasa Cina dalam bidang ekonomi*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Louisa Maureen Tanaja. (2007). *Derivational processes used in Supernova Petir* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011730). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dt_7911.html
- Lyliawati. (2005). *The word-formation processes used in "Gaya Nusantara" gay magazine* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011397). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_2588.html
- Maka:kavi pa:ratiya:r kavitaikal* [Puisi penyajak Barathiyar] (4th ed.). (2007). Chennai: New Century Book House.
- Manavai Mustafa. (2007). *TamiLc cemmoLiyin 11 takutikal* [11 kelayakan bahasa klasik Tamil]. In Seeni Naina Muhammad, S. (Ed.), *TamiLc cemmoLic ciRappu malar* (pp. 37-40). Pulau Pinang: Ungal Kural Enterprise.
- Maniyarasan, M. (2007). *Kata pinjaman bahasa Melayu dalam bahasa Tamil di Malaysia : satu kajian semantik dalam antologi cerpen 'pe:ravaik kataikal'* (1986-2004). Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Maraimalai, I. (2001). *Colla:kkam: amaippum a:yvum* [Pembentukan kata: struktur dan kajian]. Tanjca:vu:r: TamiLmati patippakam.
- Maraimalai, I. (2010). *Kalaic colla:kkam*. [Pembentukan kata]. In *Ulakat TamiLc cemmoLi ma:Na:du* (pp. 522-525). Ko:vai.
- Marchand, H. (1969). *The categories and types of present-day English word-formation* (2nd ed.). Munchen: C. H. Beck'sche Verlagsbuchhandlung.
- Martha Yasmin. (2002). *Word-formation process by the participants in "KISS" program* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 1057). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_653_8.html

- Md. Nor Abdul Ghani, & Md. Sharit Bharuddin. (1989). *Panduan lengkap pemberita* (Harris, J., Leiter, K., & Johnson, S., Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1981).
- Media Awareness Network. (2008, July 15). *Hard news vesus soft news*. Retrieved from <http://collegejournalism.wordpress.com/2008/07/15/hard-news-vs-soft-news/>
- Meenachi Maruthai. (2003). *Male:ciyat TamiLt takaval todarpuc ca:tanangkalin to:RRamum valarcciyum* [Perkembangan media teknologi maklumat Tamil di Malaysia]. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mega Deluxe dictionary*. (2003). Chennai: Deluxe Publishers.
- Meliana Tanoyo. (2002). *Blending in the articles in Kompas and USA Today newspapers* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 1091). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_376.html
- Melly Hendrawan. (2004). *A study on English suffixes found in loan words in "Swa Sembada" business magazine* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011345). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_1825.html
- Mirabela, P. A., & Ariana, S. M. (2009). The use of acronyms and initialisms in business English [Electronic version]. *Annals of the University of Oradea*, 1, 557-562.
- Mohammad Seman. (1994:65-70). *Akronim dan proses pembentukan kata dalam bahasa Arab*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohana Dass, R. (2003). *Male:ciya va:nolit TamiL* [Penggunaan bahasa dalam radio Tamil di Malaysia]. In *TamiLaka - Male:ciya Endowment Seminar* (pp. 1-29). Tamil Nadu: Universiti Madras.
- Mohana Dass, R. (2005). *Adippadait TamiL ilakkanam* [Tatabahasa Tamil]. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Safar Hasim. (1986). *Inilah berita: manual berita radio* (Paul, D. M., Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1982).
- Muhamad Aidi Mat Yusof. (2003). *Pembentukan kata dalam teks hikayat Anggun Cik Tunggal*. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muniisvaran, K. (2011). *Pembentukan kata dalam akhbar Tamil*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Munimah Sudramanian. (2007). *Iklan-iklan Tamil dalam radio Minnal (Radio 6) dan THR FM Raaga di Malaysia: satu kajian penggunaan bahasa*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Muthurasan, K. (2001). *ItaLiyaḷ vaḷarcciyum moLiḷeyarppum* [Perkembangan jurnanisme dan penterjemahan] (2nd ed.). Chennai: AiNtinaip patippakam.
- Nakkiran, P. A. (2010). *Ḥaiyat Tamiḷ vaḷarcci*. [Perkembangan perkomputeran Tamil]. In *Ulakat Tamiḷc cemmoḷi ma:Na:du* (pp. 561-564). Ko:vai.
- Narmata:vin Tamiḷ akara:ti* [Kamus Tamil Narmatha]. (2009). Chennai: Narmata patippakam.
- Nengah Suandi. (2008). Pembentukan kata-kata baru dalam bahasa Bali [Electronic version]. *Journal of Linguistik Indonesia*, 26, 197-210.
- Nida, E. A. (1949). *Morphology: the descriptive analysis of words* (2nd ed.). Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Tatabahasa Dewan* (New ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Mohamad. (1995). *Kekaburan makna dalam laras akhbar*. Unpublished academic exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nuhman, M. A. (1993). *Adippadaḷḷ Tamiḷ ilakkaṇam*. Sri Lanka: Va:cakar cangkam.
- Oxford advanced learner's dictionary* (8th ed.). (2010). Oxford: Oxford University Press.
- Paramasivam, S. (2000). *NaRRamiḷ ilakkaṇam* [Tatabahasa Tamil] (6th ed.). Chennai: Pattup patippakam.
- Paranthamanar, A. K. (1984). *Nalla Tamiḷ eḷuta ve:ṇḍuma:?* [Hendakkah menulis bahasa Tamil yang betul?]. Chennai: Pa:ri Nilaiyam.
- Pedoman umum pembentukan istilah bahasa Melayu* (New ed.). (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Perlembagaan Persekutuan (Pindaan hingga 10 Mei 2010)*. (2010). Batu Caves: Penerbitan Akta.
- Pitsamai Intarachat. (1987). *Sintaksis predikat dalam bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Plago, I. (2003). *Word-formation in English*. New York: Cambridge University Press.
- Poovannan. (2003). *Moḷit tiṚan* [Kemahiran bahasa]. Chennai: TiruNelve:ḷi tenniNtiyac caivacitta:Nta NuRpatippuk kaḷakam.
- Puliyurkkesigan. (Ed.). (2002). *Nannu:ḷ ka:ṇḍikaiyurai: collatika:ram* [Teks tatabahasa Tamil *Nannu:ḷ*: kata] (2nd ed.). Chennai: Mullai Nilaiyam.

- Pyles, T., & Algeo, J. (1993). *The origins and development of the English language* (4th ed.). Orlando: Harcourt Brace Jovanovich.
- Quirk, R., & Greenbaum, S. (1973). *A university grammar of English*. Harlow: Longman.
- Rajan, M. (2009). Accu u:dakangkalil TamiL: meymmaiym cava:lkalum [Isu dan cabaran dalam media massa cetak Tamil]. In Karunakaran, K., Sam Mohan Lal, Mannar Mannan, M., Krishnan, R., & Supramani, S. (Eds.), *International Conference on Tamil Linguistics* (pp. 185-189). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rajendran, N. S. (2008). *A:ciriyam: Male:ciya:vil TamiLk kalviyum kaRRal kaRpittalum* [Perguruan: Pendidikan Tamil di Malaysia dan pengajaran dan pembelajaran]. Kuala Lumpur: Uma Publications.
- Rajendran, S. (2004). *TamiLil colla:kkam* [Pembentukan kata dalam Tamil]. Tanjca:vu:r: TamiLp palkalaikkaLakam.
- Ramasubramaniam, V. T. (2008). *Tolka:ppiyam: collatika:ram* [Teks tatabahasa Tamil *Tolka:ppiyam*: kata]. Chennai: Pu:mpuka:r patippakam.
- Romarani Malakar. (2004). *An analysis of lexical borrowing in English dailies in Malaysia*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Romli, A. S. M. (2007, May 20). *Naskah berita radio*. Retrieved from <http://jurnalistikuingd.wordpress.com/2007/05/20/naskah-berita-radio/>
- Rowe, B. M., & Levine, D. P. (2009). *A concise introduction to linguistics* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Sababathy, V. (1993). *Malaysian Tamil novels after independence*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sakthi Vel, S. (2002). *TamiL moLi varala:Ru* [Sejarah bahasa Tamil] (3rd ed.). Chennai: Maniva:cahar patippakam.
- Sakthi Vel, S., & Rajendran, S. (1994). *CoRkal* [Perkataan]. Chennai: Maniva:cahar patippakam.
- Santy Anggraeni Tanoyo. (2008). *The word-formation processes of chatting language that are used in Ragnarok online games* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011761). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dt_10333.html
- Seeni Naina Muhammad, S. (2011, Januari-Februari). U:dangkalil va:dum TamiL [Kesalahan bahasa dalam media]. *Ungal Kural*, 09, 22-25.
- Sejarah Bernama*. (n.d.). Retrieved February 3, 2011, from <http://bernama-tv.com/about.html>

- Sejarah Makkal Osai*. (n.d.). Retrieved January 20, 2011, from http://www.makkalosai.com.my/?page_id=1065
- Sejarah Minnal FM*. (n.d.). Retrieved August 30, 2011, from <http://minnal.fm/index.php?page=history>
- Sejarah Radio Televisyen Malaysia*. (n.d.). Retrieved August 6, 2011, from http://www.rtm.gov.my/rtnnews/index.php?option=com_content&view=article&id=83&Itemid=96&lang=en
- Seng, L. C. (2006). *Penciptaan istilah-istilah baru bahasa Cina dan penggunaannya dalam surat khabar dan majalah*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (1996). *Tatabahasa bahasa Melayu: perkataan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Soon, C. T. (2008). *Pembentukan dan penggunaan lexis pinjaman bahasa Cina dalam suratkhbar*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Stageberg, N. C. (1981). *An introductory English grammar* (4th ed.). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Stevanus Rahmadi Christdian. (2009). *Word-formation processes in the Indonesian arm forces' presentations* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011909). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_14645.html
- Subramaniam, N. (1980). *A critical study of Malaysian Tamil short stories (1930-1979)*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sulaiman Masri. (1990). *Penulisan berita dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri. (1992). Teori dan kerja peristilahan. In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 85-98). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri, & Razali Ayob. (2002). *Komunikasi kewartawanan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Sulaiman Masri, & Rusli Abdul Ghani. (1992). In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Ke arah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 99-105). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Supramani, S. (2007). Male:ciya:vil TamiLk kalvi [Pendidikan Tamil di Malaysia]. In Seeni Naina Muhammad, S. (Ed.), *TamiLc cemmoLic ciRappu malar* (pp. 193-113). Pulau Pinang: Ungal Kural Enterprise.

- Su, S. P. (1983). *Compounding and other word-formation processes in the English of Malaysian newspaper advertisements*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tamilvanan. (1987). *TamiL pattirikaikalin toRRamum valarcciyum* [Perkembangan akhbar Tamil]. Chennai: Manime:kalai piracuram.
- The new Webster's dictionary*. (1993). Danbury, CT: Lexicon Publications.
- Theresia Natalia. (2006). *Word-formation processes of new words occurring in Friendster's testimonials* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011598). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_9100.html
- Tienekke Suryaputra. (2004). *A study of the word-formation processes of "bahasa gaul" used by hair dressers in Surabaya* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011310). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_990.html
- Wahyudi, J. B. (1994). *Dasar-dasar manajemen penyiaran*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Wahyu Esthiwiyanti. (2005). *The short forms found in text messages of JTV'S "SMS gaul"* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011393). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_6661.html
- Wang Aiguo. (2003). A comparison of word-formation between Chinese and English. *Asian EFL Journal*, 5. Retrieved August 21, 2011, from http://www.asian-efl-journal.com/dec_03_wa.pdf
- Yokammal Mariasomalia. (2008). *Bahasa iklan dalam akhbar Tamil Malaysia: satu kajian deskriptif*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Yule, G. (1985). *The study of language: an introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Yule, G. (1996). *The study of language* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Yule, G. (2006). *The study of language* (3rd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Yuliana Fansuri. (2006). *Word-formation process of neologism found in cosmopolitan* (Petra Christian University English Literature Undergraduate Thesis No. 02011595). Abstract retrieved June 11, 2011, from http://dewey.petra.ac.id/jiunkpe_dg_9098.html

Zaiton Abdul Rahman, & Rudiah Arshad (1992). Cantuman: satu cara membentuk kata. In Mior Hamzah Mior Hashim, Aliah Abdul Rahim, & Abdullah Marjunid (Eds.), *Kearah pembentukan istilah yang sempurna* (pp. 186-190). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuraini Hamisan. (2003). *Peminjaman istilah bahasa Arab dalam bahasa Melayu: satu kajian kes*. Unpublished master's dissertation, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Surat Kebenaran untuk Menjalankan Penyelidikan



UNIVERSITI
MALAYA

UM.T/606/01(a)
7 Februari 2011

Datuk Jumat Engson
Pengarah Berita Ehwat Semasa
Jabatan Penyiaran Malaysia
Tingkat LG, Wisma TV
Angkasapuri
50614 Kuala Lumpur

YB Datuk,

PENYELIDIKAN CALON IJAZAH SARJANA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa *Meenambigai a/p Narayanasamy*, No. K/P.: 850308-09-5036 dan No. Pendaftaran : TGC090028 adalah calon ijazah Sarjana Linguistik, di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, mulai semester II sesi 2009/2010.

Beliau kini sedang membuat penyelidikan untuk penulisan disertasi sebagai memenuhi keperluan program. Oleh yang demikian beliau memohon kebenaran membuat penyelidikan melalui soal selidik, pemerhatian serta wawancara di tempat tuan untuk mengumpul data berkaitan dengan penyelidikannya. Kami menghormati dan memahami bahawa kebenaran ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Jawakhir Mior Jaafar'.

DR. JAWAKHIR MIOR JAAFAR
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi dan Penyelidikan)

LAMPIRAN B

Borang Analisis Kata-kata Baru

Bil.	Kata	Transkripsi	Terjemahan	* Proses	*Golongan kata	Peraturan morfofonemik	Tarikh siaran

Petunjuk

* Proses pembentukan kata

- 1 = Penciptaan
- 2 = Peminjaman
- 3 = Pemajmukan
- 4 = Percampuran

- 5 = Penyingkatan
- 6 = *Back formation*
- 7 = Penukaran
- 8 = Akronim

- 9 = Derivasi
- 10 = Gabungan proses
- 11 = Proses-proses lain

* Golongan kata

- KN = Kata nama
- KK = Kata kerja
- KA = Kata adjektif

**Panduan Temu Bual Semi Berstruktur
(Bahasa Melayu)**

Tujuan pengumpulan data ini adalah untuk mengenal pasti cara-cara yang digunakan oleh editor berita Tamil TV2, RTM untuk membentuk kata-kata baru. Segala data yang dikumpulkan adalah sulit dan hanya akan digunakan untuk mencapai objektif kajian ini. Kerjasama anda amat dihargai.

1. Apakah skop tugas anda sebagai seorang editor berita?
2. Agensi berita manakah menjadi sumber bagi berita Tamil TV2, RTM?
3. Adakah anda terlibat dalam proses pembentukan kata-kata baru?
4. Apakah cara-cara yang anda gunakan semasa membentuk kata-kata baru?
5. Mengapakah perlunya membentuk kata-kata baru?
6. Dalam proses penterjemahan, apakah langkah-langkah yang anda ambil untuk memastikan ketepatan kata yang diterjemahkan dari bahasa sumber?
7. Apakah masalah yang dihadapi ketika menterjemah berita dari bahasa sumber ke dalam bahasa Tamil?
8. Sila nyatakan, sekiranya anda pernah menerima maklum balas tentang penggunaan kata-kata baru daripada pendengar berita Tamil TV2, RTM.
9. Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah ketidakseragaman kata-kata Tamil?
10. Dengan penubuhan badan perancang bahasa Tamil di Malaysia, adakah masalah ketidakseragaman kata-kata Tamil dapat diatasi?

Terima kasih atas kerjasama anda

**Panduan Temu Bual Semi Berstruktur
(Bahasa Tamil)**

நேர்காணல் கேள்விகள்

ஆர்.டி.எம் அலைவரிசை இரண்டில் ஒளிபரப்பப்படும் தமிழ்ச் செய்தியின் செய்தியாளர்கள் கலைச்சொற்களை உருவாக்கப் பயன்படுத்தும் வழிமுறைகளைக் கண்டறிய இவ்வாய்வு நடத்தப்படுகிறது.

1. ஒரு செய்தி தயாரிப்பாளர் என்ற அடிப்படையில் தங்களின் பணிகள் யாவை?
2. உங்களுக்கு மூலச் செய்திகள் எந்தச் செய்தி நிறுவனத்திலிருந்து கிடைக்கின்றன?
3. நீங்கள் புதிய சொல்லுருவாக்கப் பணியில் ஈடுபடுவதுண்டா?
4. புதிய சொற்களை உருவாக்க நீங்கள் எம்மாதிரியான முறைகளைக் கையாளுகின்றீர்கள்?
5. புதிய சொற்களை உருவாக்குவதற்கான அவசியம் என்ன?
6. மொழிபெயர்க்கப்படும் சொல் அல்லது சொற்றொடர் பொருத்தமானதாக உள்ளதா என்பதை எப்படி உறுதிப்படுத்துவீர்?
7. ஒரு செய்தியை மூலச் செய்தியிலிருந்து தமிழ் மொழிக்கு மொழிபெயர்ப்புச் செய்யும் பொழுது, நீங்கள் எம்மாதிரியான சிக்கலை எதிர்நோக்குகின்றீர்?
8. ஆர்.டி.எம். தமிழ்ச்செய்தி அறிமுகப்படுத்தும் புதிய கலைச்சொற்கள் தொடர்பாக மக்களிடமிருந்து கருத்துகள் கிடைக்கப்பெற்றிருந்தால், அவற்றைப் பற்றி உங்கள் கருத்தினைச் சுருக்கமாகக் கூறுக.
9. புதிய சொற்களின் பயன்பாட்டில் ஒருமைப்பாடு இல்லாத சூழலைக் களைய உங்களின் ஆலோசனை என்ன?
10. மலேசியாவில் தமிழ் மொழித் திட்டமிடல் அமைப்பு நிறுவுவதன் மூலம் புதிய சொல்லுருவாக்கத்தில் ஒருமைப்பாடு இல்லாத சிக்கலைக் களைய முடியுமா?

*** தங்களின் ஒத்துழைப்பிற்கு மனமார்ந்த நன்றி ***

Transkripsi Temu Bual

Transkripsi Temu Bual Responden 1

Pengkaji : Selamat sejahtera. Boleh saya mulakan sesi temu bual ini?

Responden 1 : Salam sejahtera. Boleh.

Pengkaji : Apakah skop tugas anda sebagai seorang editor berita?

Responden 1 : Skop tugas saya lebih dari seorang editor. Selain menulis skrip, saya turut bertanggungjawab menyelia para editor dari segi pembahagian tugas, penyemakan skrip berita dan sebagainya.

Pengkaji : Agensi berita manakah menjadi sumber bagi berita Tamil TV2, RTM?

Responden 1 : Lazimnya, berita luar negara diterima daripada agensi berita seperti REUTERS, AFP, CNN dan APTN. Mereka akan menghantar skrip berita bersama dengan gambar visual melalui satelit. Kami akan merekodkan berita tersebut dan membuat penterjemahan dari bahasa Inggeris kepada bahasa Tamil. Manakala berita dalam negara diterima daripada pihak Bernama.

Pengkaji : Adakah anda terlibat dalam proses pembentukan kata-kata baru?

Responden 1 : Ya. Walaupun kami tidak mempunyai kemahiran atau pengetahuan tentang proses pembentukan kata-kata baru, kami akan cuba membentuk kata yang mudah difahami oleh pendengar. Lazimnya, kebanyakan kata terhasil daripada proses penterjemahan.

Pengkaji : Apakah cara-cara yang anda gunakan semasa membentuk kata-kata baru?

Responden 1 : Kami akan merujuk kamus, daftar istilah bidang tertentu, menghubungi pihak berita radio, akhbar Tamil, melayari kamus elektronik dalam internet dan menghubungi sesetengah individu seperti Kampar Kanimoli, Seeni Naina Muhammad, Melaka Muthukrishnan dan Thirumavalavan.

Pengkaji : Mengapakah perlunya membentuk kata-kata baru?

Responden 1 : Pembentukan kata-kata baru diperlukan untuk perkembangan bahasa Tamil. Kita boleh mengetahui sesuatu berita dalam apa-apa bahasa sahaja. Tetapi kita perlu mendengar berita dalam bahasa Tamil agar bahasa Tamil dapat berkembang. Kata-kata yang digunakan dalam berita Tamil haruslah bersifat asli. Namun, pembentukan kata-kata baru bukannya proses yang mudah. Sesetengah kata asing dapat dicari padanannya dalam bahasa Tamil secara semulajadi berikutan daripada pengalaman menulis berita. Apabila membaca majalah atau akhbar, kami akan meneliti penggunaan kata-kata baru dan menggunakannya semasa menulis skrip berita.

- Pengkaji : Dalam proses penterjemahan, apakah langkah-langkah yang anda ambil untuk memastikan ketepatan kata yang diterjemahkan dari bahasa sumber?
- Responden 1 : Ia bergantung kepada pengalaman, tahap penguasaan bahasa dan kemahiran menulis seseorang editor. Saya sebagai penyelia mengetahui kemampuan setiap editor. Justeru itu, pembahagian berita sesama editor akan dibuat berdasarkan kebolehan mereka. Seorang editor akan bertindak sebagai ketua editor setiap hari secara giliran. Setelah semua editor siap menulis skrip berita, ketua editor akan memeriksa skrip tersebut dari segi penterjemahan, penggunaan kata dan ayat.
- Pengkaji : Apakah masalah yang dihadapi ketika menterjemah berita dari bahasa sumber ke dalam bahasa Tamil?
- Responden 1 : Kosa kata. Apabila menterjemah berita dari bahasa Inggeris, kadang-kadang kami tidak tahu konteks penggunaan sesuatu perkataan kerana sesuatu kata boleh membawa pelbagai maksud. Hanya editor yang berkebolehan dalam bahasa Inggeris dapat menterjemah perkataan tersebut dengan betul. Maka penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sangat penting.
- Pengkaji : Sila nyatakan, sekiranya anda pernah menerima maklum balas tentang penggunaan kata-kata baru daripada pendengar berita Tamil TV2, RTM.
- Responden 1 : Ya, kami menerima maklumbalas daripada pendengar. Kekekapan penerimaan maklum balas boleh dikatakan sekali dalam sebulan. Pendengar akan menelefon kami sejurus selepas berita tamat atau sehari atau dua hari kemudian untuk memberitahu kesilapan seperti penggunaan perkataan yang tidak sesuai atau kesalahan tatabahasa. Saya akan mengadakan perbincangan bersama para editor dan merujuk sesetengah pihak untuk membaiki kesilapan tersebut. Kemudian, ia akan dicatat dalam satu buku yang dikhaskan untuk mencatat kata-kata baru. Selain membuat panggilan telefon, pendengar juga menulis komen dalam akhbar tentang sebutan para pembaca berita. Komen tentang bahasa atau penggunaan kata jarang disiarkan.
- Pengkaji : Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah ketidakseragaman kata-kata Tamil?
- Responden 1 : Wakil editor dari setiap media massa seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah boleh mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan masalah ini. Seseorang penulis perlu membuat pencarian terhadap sesuatu kata. Ia perlu menambahkan tabiat membaca. Sesetengah kata tidak boleh diterjemah 100%. Maka penulis harus membentuk kata dengan menggunakan perkataan yang mudah difahami.
- Pengkaji : Dengan penubuhan badan perancang bahasa Tamil di Malaysia, adakah masalah ketidakseragaman kata-kata Tamil dapat diatasi?
- Responden 1 : Ya. Sudah tentu. Apabila sesebuah badan mengumumkan penggunaan sesuatu kata secara rasmi, maka semua pengguna bahasa akan mengakur dan mula menggunakannya.

- Pengkaji : Adakah anda ingin berkongsi perkara lain?
- Responden 1 : Setiap editor perlu memupuk amalan membaca dan berusaha mengetahui isu-isu semasa tentang semua bidang.
- Pengkaji : Baiklah. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesudian anda untuk berkongsi maklumat dan memberikan kerjasama sepanjang sesi temu bual.

Transkripsi Temu Bual Responden 2

- Pengkaji : Selamat sejahtera. Boleh saya mulakan sesi temu bual ini?
- Responden 2 : Salam sejahtera. Boleh.
- Pengkaji : Apakah skop tugas anda sebagai seorang editor berita?
- Responden 2 : Saya ditugaskan untuk menerbitkan berita dan rancangan Vasantham, membuat liputan serta membaca berita. Saya akan membahagikan tugas sesama editor dan menyemak skrip berita sebelum menyerahkannya kepada pembaca berita. Ketua editor yang ditugaskan pada hari tersebut turut akan meneliti fakta dan tatabahasa pada skrip. Lebih kurang empat atau lima editor akan bertugas di bawah penyeliaan ketua editor. Lazimnya, dua orang akan ditugaskan untuk membuat berita sukan. Namun, jika salah seorang editor tidak hadir, tugas editor itu harus diambilalih oleh editor lain. Maka, semua editor harus tahu menulis berita dari semua bidang.
- Pengkaji : Agensi berita manakah menjadi sumber bagi berita Tamil TV2, RTM?
- Responden 2 : Berita dalam negeri diterima daripada agensi berita Bernama dan wartawan RTM. Kami akan membandingkan kedua-dua skrip bahasa Melayu dan memilih skrip yang sesuai untuk diterjemah dalam bahasa Tamil. Manakala berita luar negara diterima daripada agensi berita seperti AFP, REUTERS dan APTN. Kami jarang menggunakan sumber AFP kerana hanya skrip berita dihantar tanpa gambar visual. Berita televisyen mementingkan tayangan visual.
- Pengkaji : Adakah anda terlibat dalam proses pembentukan kata-kata baru?
- Responden 2 : Ya. Apabila menulis berita, jika terdapat keperluan untuk menggunakan sesuatu perkataan, suatu perbincangan secara tidak formal sesama editor akan diadakan. Para editor akan memberi cadangan masing-masing dan perkataan yang paling sesuai akan digunakan.
- Pengkaji : Apakah cara-cara yang anda gunakan semasa membentuk kata-kata baru?
- Responden 2 : Kami akan berbincang sesama editor. Sekiranya sesuatu perkataan itu sangat penting seperti pengumuman dasar kerajaan, maka kami akan menghubungi pihak akhbar untuk menyelaraskan penggunaan kata tersebut. Ini kerana semua media massa akan menyiarkan berita tersebut. Selain itu, kami akan menghubungi pihak berita radio dan merujuk akhbar Tamil pada keesokan hari untuk melihat penggunaan kata mereka. Jika terdapat beberapa istilah berlainan untuk merujuk makna yang sama, kami akan berbincang sesama editor dan memutuskan perkataan yang paling sesuai serta mencatatnya dalam buku catatan khas.

- Pengkaji : Mengapakah perlunya membentuk kata-kata baru?
- Responden 2 : Bahasa Tamil harus berkembang. Contohnya, perkataan *blogger* disebut sebagai *inaiyap pative:ttal:lar* dalam bahasa Tamil. Sekiranya bahasa kita sendiri memiliki sesuatu perkataan, kita tidak perlu menggunakan perkataan asing. Kadang-kadang kami tidak dapat mencari perkataan yang sesuai dalam bahasa Tamil, maka kami terpaksa menggunakan penerangan panjang untuk menjelaskan sesuatu istilah bahasa asing. Pembentukan kata baru dapat menyenangkan penulisan berita.
- Pengkaji : Dalam proses penterjemahan, apakah langkah-langkah yang anda ambil untuk memastikan ketepatan kata yang diterjemahkan dari bahasa sumber?
- Responden 2 : Apabila sesuatu skrip berita diterima, editor perlu membacanya dahulu. Kemudian, beliau harus tahu memilih kandungan berita yang sesuai untuk diterjemah kepada bahasa Tamil. Ketua editor dan penerbit berita akan menyemak skrip berita yang ditulis oleh para editor. Sebelum itu, setiap editor harus membaca keseluruhan skrip yang ditulis olehnya beberapa kali. Juga sebelum memulakan tugas, editor digalakkan membaca akhbar kerana berita yang disiarkan dalam berita televisyen semalam akan disiarkan dalam akhbar hari ini. Kita boleh membandingkan penulisan melaluinya.
- Pengkaji : Apakah masalah yang dihadapi ketika menterjemah berita dari bahasa sumber ke dalam bahasa Tamil?
- Responden 2 : Kesalahan tatabahasa. Selain itu, pemilihan kandungan berita yang perlu diberi keutamaan menjadi masalah utama kepada para editor. Tambahan seseorang editor tidak bertugas untuk jangkamasa panjang. Editor baru pula perlu diberi latihan. Jika sesuatu berita diterima semasa berita sedang disiarkan, seseorang editor yang berpengalaman sahaja dapat menterjemah dan menulis skrip dalam keadaan terburu-buru. Kesilapan dalam skrip tersebut tidak dapat disemak kerana kekangan masa. Namun, berita itu perlu disiarkan hari itu juga kerana '*berita itu akan basi pada esok hari.*' Adalah menjadi satu cabaran untuk melahirkan seorang editor yang berkebolehan.
- Pengkaji : Apakah masalah yang dihadapi ketika menterjemah berita dari segi bahasa?
- Responden 2 : Tahap penguasaan bahasa seseorang editor. Saya sebagai penerbit berita mengetahui kebolehan setiap editor sama ada mereka boleh menterjemah skrip bahasa Inggeris atau bahasa Melayu atau tidak.
- Pengkaji : Sila nyatakan, sekiranya anda pernah menerima maklum balas tentang penggunaan kata-kata baru daripada pendengar berita Tamil TV2, RTM.
- Responden 2 : Ya, tetapi sangat jarang. Sepanjang perkhidmatan saya, hanya sekali, iaitu pada bulan Disember tahun lalu kami menerima suatu panggilan. Pendengar menelefon kami untuk menanyakan penggunaan istilah yang tidak sesuai. Kami berbincang sesama editor dan memutuskan untuk mengubah istilah tersebut jika komen pendengar didapati relevan. Lazimnya, komen tentang pembacaan berita sering disiarkan dalam akhbar. Contohnya, pembaca berita menjerit, sebutan yang salah dan sebagainya.

- Pengkaji : Apakah cadangan anda untuk mengatasi masalah ketidakseragaman kata-kata Tamil?
